Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

'HENTI SERTA-MERTA KES PROFIL TINGGI
JIKA BENAR PENDAKWAAN TERBURU-BURU' - AZHAR AZIZAN 4

BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN DIPERLUAS KEPADA PELAJAR TINGKATAN 6 6

ISNIN | 23 DISEMBER 2024 | 21 JAMADILAKHIR 1446H | BIL : 6393 | PP11200/02/2013 (031412) sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian sinarharian sinarharianonline **RM1.80**



BERSATU CABAR PRU AWAL

- Parti Bersatu mencabar supaya Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16) diadakan lebih awal susulan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang yakin Kerajaan Madani mempunyai kelebihan memenangi PRU16 jika ia diadakan dalam tempoh terdekat.
- Pada masa sama, dua pemimpin parti berkenaan, Datuk Tun Faisal Ismail Aziz dan Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, parti itu menyokong jika PRU16 diadakan lebih awal dan berharap ia akan menjadi kenyataan.
- Namun, penganalisis politik berpandangan sekarang bukan masa sesuai untuk PRU16 kerana adalah lebih baik penggal pemerintahan dihabiskan dengan meningkatkan khidmat kepada rakyat.



MUKA 2 & 3



18 POLIS INDONESIA DITAHAN PEMERASAN TERHADAP RAKYAT MALAYSIA

POLIS Indonesia menahan 18 anggotanya yang disyaki memeras ugut warga Malaysia semasa menghadiri konsert Djakarta Warehouse Project (DWP) di Kemayoran, Jakarta Utara pada pertengahan bulan ini.

Ketua Biro Penerangan Awam, Brigadier Jeneral Trunoyudo Wisnu Andik mengesahkan anggota berkenaan daripada Polis Daerah Metro Jaya, Polis Metro Jakarta Pusat dan Balai Polis Kemayoran. 14

Menteri Kesihatan
jawab isu lebih 6,000 doktor letak jawatan 8

Syarikat Emraz janji
bayar ganti rugi duit jemaah umrah 11



Misteri kehilangan Safri terjawab,
ditemui meninggal dalam kereta 14



Mangsa banjir terpaksa jual kambing
untuk beli kelengkapan rumah 23

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Bersatu cabar bubar, Pas tak setuju PRU awal

Susulan keyakinan PM Kerajaan Madani ada kelebihan menang PRU16 jika ia diadakan dalam tempoh terdekat

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA
SHAH ALAM



Anwar ketika menjawab soalan pemberita dalam sidang media di Subang Jaya pada Sabtu yakin Kerajaan Madani mempunyai kelebihan memenangi PRU16 jika diadakan dalam tempoh terdekat.

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) mencabar Datuk Seri Anwar Ibrahim membubarkan Parlimen susulan keyakinan Perdana Menteri bahawa Kerajaan Madani mempunyai kelebihan memenangi Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16) jika ia diadakan dalam tempoh terdekat.

Ketua Penerangan Bersatu, Datuk Tun Faisal Ismail Aziz mendakwa, dengan pembubaran Parlimen, PRU16 boleh diadakan dengan segera memandangkan rakyat kini sudah tidak sabar mahu ubah kerajaan.

"Memandangkan beliau rasa boleh menang, segerakan pembubaran sebab rakyat juga sudah tidak sabar mahu ubah Perdana Menteri dan kerajaan. Mereka sudah tidak tahan (tidak lagi boleh bersabar mahu tukar kerajaan)," katanya.

Menurut Tun Faisal, kenyataan Anwar berhubung dasar kerajaan yang mementingkan aspek pengurusan ekonomi sama sekali tidak menunjukkan situasi sebenar dihadapi rakyat.

"Ini kerana, jualan runcit lebih teruk dan menurun berbanding Covid-19 pada 2022 yang mana data jualan lebih tinggi waktu itu. Begitu juga dengan keadaan perniagaan (kini) yang tidak rancak kerana rakyat berhati-hati dalam berbelanja ekoran keupayaan membeli berkurangan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.



TUN FAISAL



MAS ERMIEYATI



AHMAD FADHLI

Sebelum ini, Anwar yang juga Menteri Kewangan menyuarakan keyakinan Kerajaan Madani mempunyai kelebihan memenangi PRU16 jika diadakan dalam tempoh terdekat.

Ahli Parlimen Tambun itu berkata, keyakinan tersebut berdasarkan kerangka pentadbirannya yang mementingkan aspek pengurusan ekonomi.

Mengulas lanjut, Tun Faisal yakin, rakyat bijak dalam membuat pilihan antara Perikatan Nasional (PN) dan gabungan Kerajaan Perpaduan.

Jelasnya, ketika Pengerusi PN, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi Perdana Menteri, isu kebajikan rakyat dapat ditangani dengan lebih baik berbanding ketika ini.

"Kalau kita tengok di bawah kepimpinan sekarang... sudah dua tahun kita tidak nampak bantuan yang banyak kepada rakyat selain kenaikan skop cukai yang membebankan.

"Begitu juga ekonomi, rakyat makin susah. Jadi saya yakin bahawa rakyat akan beri sokongan kepada PN," ujarnya.

Ketua Srikandi Bersatu, Datuk Mas Ermieyati Samsudin turut bersetuju agar PRU16 diadakan lebih awal.

"Ini adalah satu kenyataan yang jujur tapi bagaimana Perdana Menteri boleh berpendapat sedemikian (yakin untuk menang PRU) sedangkan prestasi menterinya kurang memuaskan?

"Apa-apa pun, kita (pembangkang) gembira jika Anwar mahu mengadakan PRU16 dengan lebih awal," ujarnya.

Pada masa sama, beliau turut berharap agar hasrat yang dinyatakan itu bukan sekadar kata-kata dusta.

Namun, Pas mempunyai pandangan berbeza apabila Ketua Penerangannya, Ahmad Fadhli Shaari tidak bersetuju PRU16 diadakan dalam masa terdekat kerana tidak bertepatan dengan situasi terkini yang dihadapi oleh rakyat.

"Kasihan kepada rakyat. Sewaktu rakyat bergelut dengan kos sara hidup semakin tinggi, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula berkata... jika buat PRU sekarang, kerajaan akan menang.

"Nasiblah rakyat mendapat kerajaan seperti hari ini," katanya menerusi satu hantaran di Facebook pada Ahad.

LAPORAN MUKA DEPAN

INFO PRK

28 SEPTEMBER 2024
PRK DUN Mahkota, Johor N.29
- Syed Hussien Syed Abdullah (BN) - **27,995 undi**
- Mohamad Haizan Jaafar (PN) - **7,347 undi**

(Majoriti 20,648 undi)

17 OGOS 2024
PRK DUN Nenggiri, Kelantan N.43
- Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani (BN) - **9,091 undi**
- Mohd Rizwadi Ismail (Pas) - **5,739 undi**

(Majoriti 3,352 undi)

6 JULAI 2024
PRK DUN Sungai Bakap, Pulau Pinang N.20
- Abidin Ismail (PN) - **14,489 undi**
- Dr Joohari Ariffin (PH) - **10,222 undi**

(Majoriti 4,267 undi)

11 MEI 2024
PRK DUN Kuala Kubu Baharu, Selangor N.06
- Pang Sock Tao (PH) - **14,000 undi**
- Khairul Azhari Saut (PN) - **10,131 undi**
- Eris Nyau Ke Xin (Bebas) - **188 undi**
- Hafizah Zainuddin (PRM) - **152 undi**

(Majoriti 3,869 undi)

2 DISEMBER 2023
PRK Parlimen Kemaman, Terengganu P.040
- Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar (Pas) - **64,998 undi**
- Jeneral (B) Tan Sri Raja Mohamed Affandi (BN) - **27,778 undi**

(Majoriti 37,220 undi)

4 NOVEMBER 2023
PRK DUN Jepak, Sarawak N.67
- Iskandar Turkee (GPS) - **9,638 undi**
- Stevenson Joseph Sumbang (PBK) - **854 undi**
- Chieng Lea Phing (Aspirasi) - **431 undi**

(Majoriti 8,784 undi)

7 OKTOBER 2023
PRK DUN Pelangai, Pahang N.36
- Datuk Amizar Abu Adam (BN) - **7,324 undi**
- Kasim Samat (PN) - **4,375 undi**
- Haslihelmy DM Zulhasli (Bebas) - **47 undi**

(Majoriti 2,949 undi)

9 SEPTEMBER 2023
PRK DUN Pulai, Johor N.161
- Suhaizan Kayat (PH) - **48,283 undi**
- Zulkifli Jaafar (PN) - **29,642 undi**
- Samsudin Mohamad Fauzi - **528 undi**

(Majoriti 18,641 undi)

9 SEPTEMBER 2023
PRK DUN Simpang Jeram, Johor N.13
- Nazri Abdul Rahman (PH) - **13,844 undi**
- Dr Mazri Yahya (PN) - **10,330 undi**
- S Jeganathan (Bebas) - **311 undi**

(Majoriti 3,514 undi)

12 OGOS 2023
PRK Parlimen Kuala Terengganu, Terengganu P.036
- Datuk Amzad Hashim (Pas) - **68,369 undi**
- Azan Ismail (PH) - **21,103 undi**

(Majoriti 47,266 undi)

Sumber: Laman Sesawang SPR

JADUAL WAKTU SOLAT

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	6:11	7:02	1:20	4:41	7:12	8:27
ALOR SETAR	6:12	7:23	1:20	4:41	7:12	8:27
PULAU PINANG	6:10	7:22	1:20	4:42	7:14	8:28
IPOH	6:06	7:17	1:18	4:40	7:13	8:28
KOTA BHARU	6:04	7:18	1:13	4:34	7:05	8:16
KUALA TERENGGANU	5:58	7:12	1:09	4:30	7:02	8:17

NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KUANTAN	5:55	7:09	1:10	4:33	7:07	8:22
KUALA LUMPUR • PUTRAJAYA	6:02	7:14	1:15	4:38	7:12	8:27
SHAH ALAM	6:02	7:12	1:15	4:38	7:12	8:27
SEREMBAN	5:59	7:11	1:14	4:38	7:12	8:27
BANDAR MELAKA	5:57	7:11	1:13	4:36	7:11	8:26
JOHOR BAHRU	5:50	7:04	1:07	4:30	7:06	8:21

• PENERBIT/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) GRUP SINAR KARANGKRAF: **FARAH HUSSAMUDDIN** • KETUA PENGARANG KUMPULAN: **ZAMRI RAMBLI**
• PENGARANG EKSEKUTIF (CETAK): **AZMI TARMIZI** • PENGARANG EKSEKUTIF (DIGITAL): **RUZY ADILA IDRIS** • PENGARANG BERITA: **JUNHAIRI ALYASA**
• TIMBALAN PENGARANG BERITA: **BADRULDIN ZAKARIA, ZUKI PILEH, AZLINA MOHAMAD JANTAN, AHMAD SYAHRUL DERAUH, ROSLI HASSAN** • KETUA JABATAN IKLAN: **AIROL FADLEY LIMIN** • PENGARAH KREATIF KANAN: **NORAZLAN ISMAIL**
• Diterbitkan oleh **Sinar Karangkraf Sdn Bhd, No.3, Jln Renggam 15/5, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.** Tel: 03-51017388 Faks: 03-51017333 • Dicetak oleh **Ultimate Print Sdn.Bhd. , Lot 2, Jln Sepana 15/3, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.** Tel: 03-51013888 Faks: 0351013301 • Tel: 03-51017480 (Unit Langganan Karangkraf Mall) • E-mel: **editorsh@sinarharian.com.my**

'Kerajaan Perpaduan boleh menang PRU'

Dengan syarat parti komponen utamakan perpaduan, kata Zahid

SEREMBAN

Kerajaan Perpaduan berpeluang untuk terus mengekalkan kemenangan pada Pilihan Raya Umum ke-16 (PRU16), jika aspek kesetiaan kepada parti dan usaha menyatuni rakyat terus diberikan keutamaan.

Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi memberi jaminan, UMNO dan Barisan Nasional (BN) sebagai parti komponen akan memberi komitmen sepenuhnya bersama Kerajaan Perpaduan sehingga pilihan raya itu.

"Saya ingin respons apa dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat, pertanyaan wartawan kepadanya ketika itu, adakah Kerajaan Perpaduan boleh *survive* jika pilihan raya dilakukan dalam waktu terdekat, beliau yakin boleh *survive*.

"Dalam keadaan itu saya ingin menyatakan bahawa kerjasama UMNO dan BN dengan Kerajaan Perpaduan (akan berterusan) sehingga PRU16," katanya selepas majlis Konvensyen BN Negeri Sembilan 2024 di sini pada Ahad.

Turut hadir, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan, Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong dan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Sembilan, Datuk Seri Jalaluddin Alias.

Ahmad Zahid pada masa sama mengingatkan ahli BN supaya tidak bertindak melemahkan parti sendiri sekiranya tidak mahu lagi kecundang seperti pada PRU14 dan PRU15.

Katanya, ini kerana ketika itu ada pemimpin yang didapati 'menendang bola ke dalam gol sendiri'.

"Dalam politik, penjaga gol mempunyai peranan sebagai penjaga gol, penyerang, pemain sayap kanan dan kiri pertahanan perlu memainkan peranan masing-masing, asalkan jangan tendang bola ke gawang gol sendiri.



Ahmad Zahid (kanan) menyampaikan watikah pelantikan sebagai Pengerusi Penyelaras BN Parlimen Jelebu kepada Jalaluddin pada Ahad.

"Permasalahan timbul pada PRU14 dan PRU15 apabila ramai 'pemain' yang sepatutnya ada semangat sepasukan, tendang bola dalam gol sendiri.

"Saya tak sebut nama sesiapa, sama ada masih hidup atau mati. Tapi hakikatnya kita mesti berperanan di posisi masing-masing sebagaimana pemain dalam pasukan bola sepak agar kemenangan berpihak kepada kita," katanya.

Menurutnya, kesetiaan kepada parti perlu menjadi keutamaan semua ahli selain perlu elakkan sebarang usaha membawa ahli dan pemimpin BN 'menyeberang' ke parti lain.

Tambahnya, kerjasama UMNO dan BN dalam Kerajaan Perpaduan adalah sehingga PRU16 dan justeru itu pandangan kepimpinan parti termasuk barisan menteri daripada parti itu perlu diberi perhatian.

Pesawat baharu, masalah lama

KUALA LUMPUR - Pesawat Airbus A330neo baharu Malaysia Airlines Bhd (MAS) tidak dibenarkan terbang selama 48 jam setelah mengalami beberapa masalah teknikal sejak penerbangan sulungnya ke Melbourne, Australia pada 19 Disember lalu.

Pengarah Urusan Malaysia Aviation Group (MAG), Datuk Kapten Izham Ismail berkata, syarikat penerbangan itu mengenal pasti tiga isu teknikal berkaitan kualiti pengeluaran kilang dan penghantaran pesawat.

"Malaysia Airlines menghadapi beberapa siri isu teknikal yang timbul akibat kualiti kerja yang buruk daripada kilang dan perkara ini memberi kesan kepada penerbangan sulung pesawat itu.

"Pesawat itu kini tidak dibenarkan terbang untuk (kerja-kerja) pembaikan (dijalankan). Kita memerlukan Airbus dan Rolls-Royce untuk menyiasat punca utama isu ini pada pesawat baharu itu," katanya kepada *Business Times*.

Beliau berkata, isu sebegini yang berlaku pada pesawat baharu tidak boleh diterima dan pengeluar peralatan tulen (OEM) mesti dipertanggungjawabkan.

"Punca (isu ini) di kilang dan ia menjejaskan reputasi dan jenama Malaysia Airlines," katanya menambah, pihaknya tidak akan mengambil sebarang risiko berkait keselamatan.

Pada 19 Disember lalu, MAG mengadakan sambutan besar-besaran memperkenalkan pesawat A330neo baharunya, yang dikuasakan oleh enjin Rolls-Royce Trent 7000 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan sebanyak 18 insiden pesawat MAS berpatah balik berlaku dari Januari hingga Oktober lalu akibat masalah teknikal, kebanyakannya pesawat Boeing.



Pesawat baharu Airbus A330neo diiringi sebuah jet pejuang ketika tiba di KLIA pada 19 Disember lalu.

Sekarang bukan waktu sesuai, elok sampai habis penggal - Penganalisis

SHAH ALAM - Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim berdepan cabaran besar untuk mengekalkan kemenangan sekiranya PRU16 diadakan dalam waktu terdekat.

Penganalisis politik daripada Universiti Malaysia Terengganu, Profesor Madya Dr Mohd Yusri Ibrahim berkata, situasi berkenaan mengambil kira beberapa faktor.

"Pada pandangan saya, sekarang bukan waktu sesuai, sangat berisiko jika kerajaan buat pilihan raya dalam situasi banyak faktor masih tidak menentu khususnya dalam aspek kerjasama politik dan jaminan sokongan segmen Melayu.

"Lebih baik kerajaan habiskan penggal yang ada ini, dan isi waktu yang berbaki ini untuk tingkatkan lagi pencapaian. Dalam tempoh tersebut boleh teruskan khidmat untuk meningkatkan lagi penerimaan dan sokongan rakyat.

"Walaupun sekarang kerjasama dalam Perikatan Nasional juga agak longgar, namun sekarang bukanlah waktu terbaik," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Anwar yang menyuarakan keyakinan Kerajaan Madani mempunyai kelebihan memenangi PRU jika diadakan dalam tempoh terdekat.

Ditanya mengenai faktor yang mendorong keyakinan Anwar berkenaan, Mohd Yusri berkata, ia kemungkinan dinilai atas tiga perkara iaitu prestasi ekonomi yang agak baik, peningkatan harga komoditi dan pelarasan gaji penjawat awam.

Namun katanya, dalam realiti politik Malaysia hari ini, banyak faktor lain turut mempengaruhi kemampuan parti Kerajaan Perpaduan untuk menang jika PRU16.

"Paling penting adalah koalisi politik. Sehingga sekarang gabungan parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan belum membuat keputusan konkrit sama ada akan terus bekerjasama atau tidak dalam PRU akan datang.

"Kerjasama parti-parti politik sangat penting untuk memberi keyakinan kepada rakyat terhadap kerajaan yang akan dibentuk selepas PRU nanti.

"Untuk mendapat sokongan dan keyakinan rakyat, Kerajaan Perpaduan yang membentuk Malaysia Madani perlu segera mengumumkan kerjasama mereka akan diteruskan dalam PRU16 nanti," katanya.



Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

'Henti serta-merta jika benar pendakwaan terburu-buru'

Bagi mengelakkan berlakunya penganiayaan dan ketidakadilan kepada tertuduh yang terlibat

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Kes berprofil tinggi yang dikenakan terhadap mana-mana individu sepatutnya dihentikan serta-merta jika benar pendakwaan ketika kerajaan Pakatan Harapan 1.0 dibuat terburu-buru dan didorong oleh dendam politik.

Bekas Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun berkata, ia bagi mengelakkan berlakunya penganiayaan dan ketidakadilan kepada tertuduh yang terlibat.

Katanya, satu siasatan terperinci juga perlu dilaksanakan segera tentang kemungkinan Peguam Negara pada waktu berkenaan membawa segala pertuduhan jenayah secara terburu-buru tanpa siasatan, keterangan atau bukti kukuh.


Laporan *Sinar Ahad.*

"Saya rasa kenyataan itu mengejutkan dan membawa kesan yang agak serius terhadap sistem pentadbiran keadilan jenayah Malaysia. Sekiranya benar dan dapat dibuktikan ia dibuat terburu-buru, maka patut dihentikan serta-merta.

"Kalau dilihat kes isteri bekas Perdana Menteri iaitu Datin Seri Rosmah Mansor yang dilepaskan dan dibebaskan baru-baru ini, hakim menyatakan tuduhan difailkan salah di sisi undang-undang, malah tiada elemen kesalahan di bawah pengubahan wang haram (AMLA).

"Ini memberi gambaran seolah-olah Peguam Negara telah membuat kesilapan semasa tuduhan-tuduhan tersebut disediakan," katanya kepada *Sinar Harian*.


AZHAR

Pada Sabtu, Anwar dalam satu sidang akhbar menafikan pembabitannya dalam kes Rosmah, sebaliknya beliau menyatakan beberapa pendakwaan yang dibuat selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) terburu-buru sehingga banyak 'kecacatan'.

Rosmah dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Khamis atas 12 pertuduhan AMLA berjumlah RM7,097,750 serta lima pertuduhan gagal menyerahkan penyata pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Hakim K Muniandy memutuskan perkara terbabit selepas membenarkan permohonan Rosmah, 73, untuk membatalkan semua kes tersebut.

Bagaimanapun, pihak pendakwaan pada Jumaat memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi.

Justeru, Azhar berpandangan, satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) perlu ditubuhkan bagi melihat tindak-tanduk Peguam Negara yang terlibat.

Katanya, ia bagi memelihara integriti dan imej Jabatan Peguam Negara (AGC) sebagai satu institusi yang bukan sahaja bebas, tetapi juga tidak digunakan sebagai senjata dendam politik.

"Sekiranya benar (terlibat), maka Peguam Negara yang berkenaan juga patut dipertanggungjawabkan," ujar beliau.

BN akan kuat semula melalui kesepakatan dan persefahaman

SEREMBAN - Kekuatan Barisan Nasional (BN) boleh diperoleh semula sekiranya wujud kesepakatan dan persefahaman dalam kalangan setiap ahli.

Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, perselisihan faham dalam parti itu adalah perkara biasa, namun jangan ia menyebabkan parti terus menjadi lemah.

"Ketenangan dan ketenteraman dalam parti itu penting. Maka binalah ketenangan dan kesepakatan dalam parti itu. Jangan kita bergeser dan perselisihan faham.

"Perselisihan faham itu biasa, tapi jangan menyebabkan parti kita jadi lemah," katanya ketika berucap pada Konvensyen BN Negeri Sembilan di sini pada Ahad.

Menurut Mohamad, beliau percaya sekiranya itu dapat dilakukan BN dan UMNO boleh bangkit semula, sekali gus dapat memberi semula keyakinan kepada rakyat.

Jelasnya, tidak ada sesiapa yang mahu menyokong parti lemah dan kepimpinannya saling bertelagah.



Mohamad ketika berucap pada Konvensyen BN Negeri Sembilan pada Ahad.

"Bina kekuatan supaya orang lihat kita sebagai satu parti yang kuat dan akan bangkit semula.

"Tidak ada siapa yang mahu menyokong parti yang lemah dan bertelagah kepimpinannya. Tidak ada siapa yang akan menyokong parti yang akan rebah," ujarnya.

Mohamad yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, rakyat mahu menyokong parti yang bukan saja kuat malah hebat kepimpinannya dan boleh diletakkan kepercayaan untuk mentadbir negara.

"Itu rahsia yang perlu kita pastikan dapat diwujudkan dalam parti kita," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, BN juga tidak boleh terus statik pada kedudukan yang sama sebaliknya perlu melihat keadaan sesama.

Namun ujarnya, apa yang paling penting BN perlu memperkasakan dan menguatkan parti terlebih dahulu.

"Jika kita telah kuat dan mantap, saya yakin kita tidak perlu sesiapa, tapi kita jangan buat keputusan terburu-buru.

"Tapi paling penting kita bina kekuatan dalaman kita. Kita lihat sejarah parti kita. Bagaimana kita jadi parti yang amat kuat pada satu ketika dulu," katanya.

Zaid Ibrahim cadang lantik AG dalam kalangan ahli Parlimen

SHAH ALAM - Kerajaan dicadang mengambil langkah untuk mengelakkan kejadian terburu-buru dalam pendakwaan kes-kes politik selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) dengan melantik Peguam Negara (AG) yang juga Pendakwa Raya dalam kalangan ahli Parlimen seperti dilakukan di England.


ZAID

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Mohd Zaid Ibrahim berkata, cadangan tersebut adalah satu-satunya cara untuk memastikan AG bertanggungjawab atas keputusan yang dilakukan Pejabat Pendakwa Raya.

"Sementara itu, Pejabat Pendakwa Raya juga perlu dipisahkan daripada Jabatan Peguam Negara agar menjadi unit yang bebas dan dibiayai secara berasingan.

"Biarkan ia diuruskan oleh peguam (kerajaan dan swasta) yang kenaikan pangkat dan keselamatan perkhidmatannya tidak bergantung kepada Peguam Negara," katanya menerusi satu hantaran di Facebook pada Ahad.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan pembabitannya dalam kes mahkamah melibatkan Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau sebaliknya menyatakan bahawa beberapa pendakwaan yang dibuat selepas PRU14 dibuat terburu-buru sehingga banyak 'kecacatan'.

Mengulas mengenai kenyataan tersebut, Mohd Zaid memberitahu bahawa perubahan sedemikian akan menamatkan zaman AG berdiam diri dan tidak bertanggungjawab kepada rakyat.

"Ia akan menjadikan Anwar sebagai seorang reformis sebenar dan mungkin membawa kepada kemenangan pilihan raya semula.

"Perdana Menteri harus dipuji atas kenyataannya yang jujur itu. Kini, beliau hanya perlu mengambil beberapa langkah mudah untuk mengelakkan kejadian seperti ini berulang," ujarnya.

Kenyataan bersifat peribadi atau campuri urusan kehakiman?



NURUL NABILA AHMAD HALIMY

Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai pendakwaan yang dibuat selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) dibuat terburu-buru sehingga banyak 'kecacatan', boleh mencetuskan persepsi wujudnya pengaruh politik ke atas proses undang-undang.

Ketua Pusat Pengajian Hubungan Antarabangsa Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr Hussain Yusri Zawawi berkata, biarpun dari segi teknikal kenyataan tersebut tidak semestinya melanggar prinsip pembahagian kuasa, ia boleh menjejaskan imej autonomi institusi kehakiman.

"Dalam konteks politik dan pentadbiran, isu kenyataan Perdana Menteri mengenai pendakwaan kes berprofil tinggi perlu dianalisis berdasarkan konsep pembahagian kuasa (*separation of powers*), prinsip keluhuran undang-undang (*rule of law*) dan implikasi terhadap legitimasi politik.

"Isu ini menimbulkan persoalan tentang sejauh mana peranan eksekutif dalam mengawasi institusi kehakiman tanpa menjejaskan kebebasan badan tersebut. Jika tidak ditangani dengan teliti, ia boleh membawa kepada *judicial politicization*, di mana keputusan kehakiman dipengaruhi oleh tekanan atau persepsi politik," katanya kepada *Sinar Premium*.

Menurut Hussain Yusri, apabila seorang Perdana Menteri memberikan pandangan peribadi mengenai kes berprofil tinggi, terdapat risiko ia dianggap sebagai usaha untuk mempengaruhi proses keadilan, walaupun niat sebenar mungkin untuk membetulkan persepsi rakyat.

"Di Malaysia, Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kebebasan badan kehakiman untuk mentafsir dan melaksanakan undang-undang tanpa campur tangan mana-mana pihak termasuk badan eksekutif.

"Dalam konteks ini, kenyataan Perdana Menteri boleh mencetuskan persepsi bahawa eksekutif cuba mencabar autonomi kehakiman, sekali gus menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap sistem keadilan," katanya.

Hussain Yusri juga tidak menafikan bahawa kenyataan seperti itu boleh dianggap sebagai usaha melindungi individu tertentu atau mencampuri urusan kehakiman yang boleh menjejaskan legitimasi politik kerajaan.

"Rakyat sering menilai tindakan pemimpin berdasarkan persepsi, bukan hanya fakta. Malah, kenyataan yang dilihat mengganggu kebebasan badan ini boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kestabilan demokrasi.

"Di Malaysia, hubungan antara eksekutif dan kehakiman sering menjadi subjek perdebatan, terutamanya sejak krisis kehakiman pada tahun 1988. Oleh itu, kenyataan Perdana Menteri harus berhati-hati agar tidak membuka ruang kepada tuduhan bahawa wujud pengulangan episod lampau," jelasnya.

Justeru, Hussain Yusri berpandangan kenyataan seorang Perdana Menteri mengenai pendakwaan kes berprofil tinggi memerlukan penelitian yang mendalam kerana ia melibatkan keseimbangan antara kebebasan bersuara dan tanggungjawab menjaga integriti institusi kehakiman.



HUSSAIN YUSRI



MOHD RIDWAN

"Pemimpin politik bertanggungjawab memastikan institusi kekal adil dan bebas daripada prasangka politik. Oleh itu, walaupun tidak salah bagi Perdana Menteri menyuarakan pandangan, ia mesti dilakukan dengan penuh kebijaksanaan untuk memastikan prinsip pembahagian kuasa terpelihara.

"Sebarang kenyataan harus mengutamakan kepercayaan rakyat terhadap sistem keadilan, memelihara kestabilan politik, dan memastikan bahawa badan kehakiman dapat melaksanakan tugas tanpa tekanan atau persepsi pengaruh politik," ujarnya.

Hanya pandangan peribadi

Bagaimanapun, peguam Mohd Ridwan Talib mempunyai pandangan sebaliknya yang menyatakan bahawa kenyataan Anwar lebih bersifat peribadi dan tidak menjejaskan kualiti pendakwaan serta prosiding di mahkamah.

"Oleh kerana kenyataan tersebut lebih cenderung kepada politik, ia tidak mempengaruhi keputusan hakim diakhir perbicaraan.

"Lagi pula, kes berkenaan sudah berakhir dan kini tertakluk kepada rayuan oleh pihak pendakwaan. Oleh itu, kenyataan Perdana Menteri juga tidak bersifat subjudis yang boleh menggganggu kelancaran perbicaraan di mahkamah," katanya.

Malah, Mohd Ridwan berkata, Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan batasan fungsi dan kuasa antara Perdana Menteri dan Peguam Negara dengan jelas.

"Di bawah Artikel 39 Perlembagaan Persekutuan, Perdana Menteri bertindak sebagai ketua terhadap Kabinet yang mengepalai pelaksanaan polisi kerajaan seperti yang telah diputuskan di Parlimen. Peguam Negara pula merupakan penasihat rasmi undang-undang kepada Perdana Menteri seperti yang dinyata dalam Artikel 145 (2) Perlembagaan Persekutuan.

"Secara khususnya, kuasa mendakwa di mahkamah tiada kaitan dengan kuasa Perdana Menteri. Hal ini kerana menurut Artikel 145 (3) hanya Peguam Negara mempunyai kuasa mendakwa dalam semua kes jenayah, kecuali di Mahkamah Syariah, Mahkamah Tentera dan Mahkamah Anak Negeri," jelasnya.

Menurut Mohd Ridwan, kenyataan Perdana Menteri tidak sama sekali memberi impak terhadap kebebasan dan integriti sistem kehakiman serta proses pendakwaan di negara ini.

"Kebebasan dan integriti badan Kehakiman dan Jabatan Peguam Negara kekal utuh. Peruntukan undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi untuk melindungi ketulusan dua organ kerajaan yang penting ini.

"Sebaliknya, tumpuan diberi kepada usaha kerajaan Madani yang sedang giat melaksana penambahbaikan terhadap jentera pendakwa raya melalui pengasingan kuasa antara Peguam Negara (AG) dan Juragan Pendakwaan (PP) di Jabatan Peguam Negara agar AG dapat melaksana tugas sebagai penasihat rasmi undang-undang tanpa dilihat bersikap berat sebelah dalam keputusan mendakwa," ujarnya.

Tuduhan berat kaitkan pelantikan Tun Musa dengan rasuah - Rahman

SHAH ALAM - Tindakan mempertikaikan pelantikan Tun Musa Aman sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah kerana kononnya beliau terlibat dengan rasuah adalah tuduhan yang berat.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, ini kerana tuduhan itu secara tidak langsung mempertikaikan kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong yang telah melantik beliau sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah.

"Kita mengalu-alukan apa jua usaha untuk membanteras kegiatan rasuah dan salah guna kuasa demi masa depan negara kita.

"Idealisme untuk menjuarai isu-isu yang melibatkan kepentingan awam perlu diberi dukungan agar ia boleh menjadi pemangkin kepada kesejahteraan rakyat Malaysia.

"Persoalan yang timbul sekarang ialah kepada siapa kita perlu rujuk untuk menilai sama ada tuduhan yang berat ini betul atau tidak? Sudah tentu rujukan utama kita ialah kepada keputusan yang telah dibuat oleh mahkamah, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan Peguam Negara," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Abdul Rahman, ketiga-tiga entiti itu telah melepaskan Tun Musa daripada tuduhan rasuah tersebut.

"Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan Ketua Menteri Sabah sekarang ini langsung tidak terlibat dalam keputusan pembebasan Tun Musa pada Jun 2020, malah ketiga-tiga mereka belum pun memegang jawatan mereka pada waktu itu," katanya.

Beliau berkata, pembebasan Tun Musa telah menjadi asas utama kepada proses *vetting* atau tapisan ketat yang telah dilakukan oleh pihak Istana Negara sebelum mengumumkan pelantikan sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah.



ABDUL RAHMAN



TUN MUSA

"Asas lain yang diambil kira sudah tentu khidmat Tun Musa sebagai Ketua Menteri Sabah dan pencapaian pembangunan negeri Sabah yang memberangsangkan semasa pentadbiran beliau.

"Jika ada pihak mempertikai pelantikan Tun Musa kerana kononnya ada tangan-tangan ghaib yang mempengaruhi keputusan mahkamah, SPRM dan Peguam Negara, saya ingin cadangkan mereka merujuk kepada keputusan yang telah dibuat oleh Independent Commission Against Corruption (ICAC), Hong Kong kerana sebelum ini, ada seorang ahli Parlimen pembangkang (pada waktu itu) telah membuat aduan rasuah yang sama terhadap Tun Musa kepada ICAC.

"Tiada siapa yang berani menuduh ICAC dipengaruhi oleh tangan-tangan ghaib kerana ICAC mempunyai kredibiliti yang sukar untuk dipertikai," katanya.

Sinar Harian TELUS & TULUS
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Kerajaan salur bantuan RM3.17 juta kepada 90 rumah ibadat bukan Islam

KUALA LUMPUR - Kerajaan Madani di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyalurkan bantuan khas berjumlah RM3.17 juta kepada 90 rumah ibadat bukan Islam pada Ahad.

Bantuan kepada wakil pengurusan 89 kuil dan satu gereja di seluruh negara itu disampaikan menerusi Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri R Ramanan.

Beliau berkata, peruntukan itu bukan untuk memperbaiki kuil atau gereja, tetapi ia lebih kepada program membantu rakyat dan inisiatif lain contohnya tuisyen atau bantuan kelas agama.

"Ia adalah peruntukan di bawah Kementerian Kewangan yang telah diluluskan Perdana Menteri, sekali gus menunjukkan komitmen beliau terhadap komuniti India," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Rumah-Rumah Ibadat Masyarakat India di sini pada Ahad.

Menurut Ramanan, bantuan berkenaan juga sekali gus menafikan dakwaan bahawa Perdana Menteri meminggirkan masyarakat India di negara ini.

Beliau berkata, walaupun Perdana Menteri tidak menyampaikan sumbangan tersebut sendiri, beliau sentiasa mengambil berat hal ehwal masyarakat India dan sering meminta pemimpin kaum itu untuk menjalankan amanah yang diberikan.

"Kerja perlu dilakukan. Rakyat harus mendapat faedah. Isu sekarang mungkin kadang kita tak lihat beliau di pentas tetapi kami semua termasuk Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berbangsa India kami semua menjalankan kerja dan amanah diberikan Perdana Menteri," ujarnya.

Ramanan berkata, sepanjang dua tahun pentadbiran Perdana Menteri, hampir RM300 juta telah diperuntukkan dalam pelbagai program bagi peningkatan sosioekonomi masyarakat itu, meliputi 275 inisiatif di bawah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

"Sejak Kerajaan Madani ditubuhkan pada November 2022, MITRA telah berjaya menggunakan 100 peratus peruntukan MITRA pada 2023 dan 98.9 peratus pada 2024 untuk kesejahteraan dan kebajikan masyarakat India di negara ini.

"Ini sama sekali berbeza daripada tahun sebelumnya iaitu dari 2016 hingga 2022 dengan setiap tahun, banyak baki peruntukan tidak habis dibelanjakan oleh kerajaan terdahulu untuk pembangunan masyarakat India," katanya.

FOTO: BERNAMA



Ramanan (empat dari kanan) mewakili Perdana Menteri ketika Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan Rumah-Rumah Ibadat Masyarakat India Tahun 2024 di Kuala Lumpur pada Ahad.

Beliau berkata, Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Anwar telah memberi peruntukan tambahan RM136 juta secara keseluruhan untuk komuniti India di negara ini menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), sekali gus membuktikan komitmen kerajaan memperkasa kaum India. - *Bernama*

Pelajar Tingkatan 6 dapat BAP mulai Februari 2025

Manakala penuntut baharu pula menerimanya pada Julai 2025

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Pelajar Tingkatan Enam bakal menerima Bantuan Awal Persekolahan (BAP) sebanyak RM150 bermula pada sesi persekolahan 2025/2026.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek berkata, peluasan BAP itu akan memberi manfaat kepada lebih 100,000 pelajar dengan implikasi kewangan kira-kira RM15 juta.

Menurutnya, agihan BAP kepada pelajar Tingkatan Enam sedia ada akan dilaksanakan pada Februari 2025, manakala penuntut baharu pula menerimanya pada Julai 2025.

"Pemberian BAP kepada pelajar Tingkatan Enam yang pertama kali dilaksanakan ini adalah cerminan keprihatinan Kerajaan Madani untuk meringankan beban kewangan ibu bapa dan penjaga dalam melakukan persediaan keperluan persekolahan," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Menurut Fadhlina, inisiatif berkenaan juga membuktikan komitmen berterusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memperkasakan pendidikan Tingkatan Enam.



Pelajar Tingkatan Enam bakal menerima BAP sebanyak RM150 bermula pada sesi persekolahan 2025/2026. - *Gambar hiasan*



FADHLINA

"Ia satu langkah ke hadapan untuk menggalakkan pelajar memilih Tingkatan Enam selepas SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

"Kita harap inisiatif untuk Tingkatan Enam akan dapat kita tambah baik lagi kerana Tingkatan Enam ini sangat penting, ia pasca-SPM dan khususnya untuk menjamin akses pendidikan kepada semua," ujarnya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat pada 18 Oktober lepas mengumumkan BAP diteruskan, dengan hampir RM800 juta diperuntukkan kepada 5.2 juta murid Tahun Satu hingga Tingkatan Lima tanpa mengira pendapatan ibu bapa.

JKKK diminta guna data SejaTi MADANI untuk majukan komuniti - Fadillah

LUBOK ANTU - Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) yang memohon projek-projek di bawah Program Sejahtera Komuniti Madani (SejaTi MADANI) perlu fokus kepada usaha meningkatkan taraf sosial dan ekonomi komuniti setempat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, JKKK dalam satu daerah yang sama juga tidak harus memohon projek yang serupa untuk mengelakkan pertindihan dan persaingan yang tidak produktif.

"Saya mengharapkan janganlah semua memohon satu jenis projek yang sama ... biarlah pelbagai dalam satu-satu daerah itu supaya ia boleh memberi manfaat yang lebih menyeluruh," katanya selepas Majlis Penyerahan Bantuan SejaTi MADANI Daerah Lubok Antu di sini pada Ahad.

Menurut Fadillah, semua permohonan projek akan melalui beberapa peringkat penilaian dengan pihak JKKK dapat berbincang dengan pihak pejabat daerah yang dapat menasihatkan mereka berkenaan projek-projek yang sesuai.

"Ada jawatankuasa yang akan menilai, kemudian akan dibawa ke pejabat SDO (Pejabat Pembangunan Negeri) melalui ICU (Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri) dan di situlah yang akan meluluskan projek," katanya.

Fadillah berkata, setakat ini, sebanyak 1,124 JKKK telah memperoleh manfaat program SejaTi MADANI ini di Sarawak dengan mencatatkan nilai keseluruhan projek kira-kira RM100 juta melibatkan sektor pertanian dan makanan; jahitan dan kraf tangan; herba dan kesihatan; pelancongan dan hospitaliti; dan aktiviti hijau dan kitar semula.

"Tahun depan saya harap lebih ramai lagilah (pemohon) yang sedar tentang program ini untuk mula merancang projek mereka. Yang penting adalah yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat setempat, boleh mendatangkan pendapatan," ujarnya. - *Bernama*

107273-P/KPK/LN : 1050 (B)
ANDALUSIA TRAVEL & TOURS SDN BHD
Penyucian Jiwa Di Tanah Suci

ANDALUSIA TRAVEL & TOURS SDN BHD (107273-P) KPL/LN: 1050
No 25, 27 & 29, Wisma Andalusia Jalan 1/76 Desa Pandan, Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur
03-9283 1588/03 9285 4530 03-9283 7566 www.umrahandalusia.com
info@umrahandalusia.com umrahandalusiadotcom

No. Siri Kelulusan IU0185 Dan Tempoh Sah Laku Iklan Sah Sehingga 31/12/2024.

PAKEJ UMRAH SEDERHANA & JARAK DEKAT Ramadan 1446h

PAKEJ SEDERHANA

	malaysia airlines / amal	Saudia
Sambut Ramadan	harga dari RM8,490 bilik ber-4	harga dari RM8,890 bilik ber-4
Awal Ramadan	harga dari RM9,290 bilik ber-4	harga dari RM9,690 bilik ber-4
Pertengahan Ramadan	harga dari RM9,690 bilik ber-4	harga dari RM9,890 bilik ber-4
Akhir Ramadan	harga dari RM10,090 bilik ber-4	harga dari RM14,290 bilik ber-4
Sebulan Ramadan		harga dari RM17,990 bilik ber-4

PAKEJ JARAK DEKAT

6 malam di Safwah Royal Orchid

	malaysia airlines / amal	Saudia
Sambut Ramadan	harga dari RM10,290 bilik ber-5	
Awal Ramadan	harga dari RM12,290 bilik ber-5	harga dari RM12,490 bilik ber-5
Pertengahan Ramadan	harga dari RM12,490 bilik ber-5	harga dari RM12,690 bilik ber-5
Akhir Ramadan		harga dari RM15,090 bilik ber-5

PAKEJ SYAWAL AIDILFITRI

BERMULA SELEPAS 1 SYAWAL

	malaysia airlines / amal	Saudia
Syawal Aidilfitri (Sederhana)	harga dari RM7,490 bilik ber-4	harga dari RM7,890 bilik ber-4
Syawal Aidilfitri (Jarak Dekat)	harga dari RM9,390 bilik ber-5	harga dari RM9,790 bilik ber-5

HOTEL PAKEJ SEDERHANA

Hotel Makkah	Hotel Madinah
Olayan Al Haram/Malak Agiyad @ setaraf Jarak +-350-450 Meter dari dataran Masjidil Haram	Hayah Plaza/Hayah Golden @ setaraf Jarak +-180 Meter dari dataran Masjid Nabawi

HOTEL PAKEJ JARAK DEKAT

Hotel Makkah	Hotel Madinah
Safwah Royale Orchid@ setaraf Jarak +-50 Meter dari dataran Masjidil Haram	Nozol Royal Inn@ setaraf Jarak +-180 Meter dari dataran Masjid Nabawi

Terma & Syarat :
1. Tiada Ziarah Taif di bulan ramadan
2. Bilik ber5 & ber4 perlu cukup rakan sebilik (sekiranya tidak mencukupi perlu tambahan bayaran mengikut kekosongan katil yang ada)

Sebarang Pertanyaan Boleh Hubungi Pegawai Andalusia

Pn Zaza	013 436 9141	En Ariff	019 278 1409	En Yusmizi	018 211 1892	Pn Yatie	017-319 3361
Pn Wanis	013 904 6632	Pn Ainna	017 543 2452	Cik Balqes	013 391 8024	En Mahfudz	018-299 2466

Pendaftaran RM300 seorang
Maybank Islamic
Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd
5644-8110-2597



CENDERAHATI
Beg Andalusia, Kit Perubatan, Sejadah Raudah & Aneka Kurma (1kg)

HUBUNGI CAWANGAN TERDEKAT UNTUK PENDAFTARAN

- Putrajaya Tel : 03-8800 0049 / 0849
- Selangor (Bangi) Tel : 03-8920 9281 / 0243
- Selangor (Banting) Tel : 03-3187 4461 / 4462
- Selangor (Kelana Jaya) Tel : 03-7887 7345 / 7346
- Selangor (Klang) Tel : 03-3382 1421 / 1021
- Selangor (Kuala Selangor) Tel : 03-3289 1050 / 2131
- Selangor (Puchong) Tel : 03-8070 0551
- Selangor (Rawang) Tel : 03-6091 7768 / 8342
- Selangor (Shah Alam) Tel : 03-5510 3842 / 3844
- Selangor (Sg Buloh) Tel : 03-6151 6200 / 7200
- Selangor (Sabak Bernam) Tel : 03-3224 8835 / 8836
- Perak (Ipoh) Tel : 05-311 3743
- Perak (Manjung) Tel : 05-689 0925 / 3956
- Perak (Teluk Intan) Tel : 05-622 5261
- Perak (Tanjung Malim) Tel : 05-459 0500
- Perak (Taiping) Tel : 05-808 8031
- P.Pinang (Seberang Jaya) Tel : 04-383 1729 / 9728
- Perlis (Arau) Tel : 04-970 6260 / 6360
- Kedah (Alor Setar) Tel : 04-771 4560
- Kedah (Langkawi) Tel : 04-961 1666 / 1661
- Kelantan (Machang) Tel : 09-975 1101
- Kelantan (Kota Bharu) Tel : 09-741 6290 / 6291
- Kelantan (Gua Musang) Tel : 09-912 5476 / 1402
- Kelantan (Tunjung) Tel : 09-747 7475 / 7476
- Kelantan (Bachok) Tel : 09-778 8991 / 8992
- Terengganu (K.Terengganu) Tel : 09-630 5425 / 5325
- Pahang (Bentong) Tel : 09-223 2361
- Pahang (Kuantan) Tel : 09-517 3877 / 3595
- Pahang (Rompin) Tel : 09-414 2054
- Pahang (Temerloh) Tel : 09-290 2500
- Johor (Batu Pahat) Tel : 07-410 1184
- Johor (Johor Bharu) Tel : 07-232 5633
- Johor (Segamat) Tel : 07-932 2789 / 07-931 4678
- Johor (Muar) Tel : 06-955 5515 / 06-959 2677
- Negeri Sembilan (Bahau) Tel : 06-454 2245
- Negeri Sembilan (Senawang) Tel : 06-677 4780 / 06-671 6588
- Negeri Sembilan (Tampin) Tel : 06-441 1341
- Melaka (Bdr Bukit Baru) Tel : 06-288 2815
- Melaka (Jasin) Tel : 06-521 9216 / 529 2160
- Sarawak (Kuching) Tel : 082-411 000 / 082-242 345
- Sarawak (Miri) Tel : 085-655 500 / 444
- Sarawak (Sibu) Tel : 084-333 345
- Sarawak (Bintulu) Tel : 086-351 745 / 746
- Sabah (K.Kinabalu) Tel : 088-384 336
- Sabah (Tawau) Tel : 089-705 666
- Sabah (Sandakan) Tel : 089-464 342
- Sabah (Lahad Datu) Tel : 089-882 337

CAWANGAN BARU DIBUKA
- Pahang (Kuala Lipis) Tel : 09-312 5987
- Kedah (Baling) Tel : 04-470 5525
- Kedah (Sg Petani) Tel : 04-424 8250
- Terengganu (Jerteh) Tel : 09-594 5313
- W.P Labuan Tel : 08-750 4885
- Pahang (Jerantut) Tel : 09-266 8290
- Kedah (Yan) Tel : 04-468 4144

Sinar Harian TELUS & TULUS
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

3,200 doktor beralih jawatan tetap

Menteri jawab isu peletakan jawatan lebih 6,000 doktor sepanjang lima tahun

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan (KKM) tidak memandang enteng lebih 6,000 doktor yang meletak jawatan sepanjang lima tahun lepas, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata, jumlah tersebut juga termasuk 3,200 pegawai perubatan (MO) kontrak yang meletak jawatan untuk beralih ke jawatan tetap, selain sesetengah doktor beralih ke bidang akademik namun masih menyumbang kepada pengukuhan sektor kesihatan awam.

"Saya akui dan sedari sepenuhnya bahawa KKM kekurangan kakitangan. Manakala dalam itu, sesetengah warga KKM juga terpaksa menanggung bebanan tugas lebih daripada rakan lain. Saya pastinya tidak akan menafikan situasi ini.

"Namun, walau dengan segala kekangan yang wujud, saya akan pastikan bahawa semua isu dihadapi oleh warga KKM di lapangan akan ditangani dalam penggal kedua saya sebagai Menteri Kesihatan," katanya dalam catatan di Facebook.


DR DZULKEFLY

Catatan berkenaan sebagai membalas pertanyaan pakar perunding nefrologi, Dr Rafidah Abdullah yang ingin tahu perancangan dan strategi KKM dalam mengatasi situasi isu peletakan jawatan oleh doktor.

Dr Dzulkefly berkata, ketirisan bakat kekal menjadi cabaran signifikan dalam semua industri termasuk sektor kesihatan dan KKM tidak dapat menghalang MO dan pakar perubatan daripada berhijrah ke sektor swasta, walaupun telah melaksanakan beberapa strategi untuk mengekalkan mereka dalam sektor awam.

"Dalam jangka sederhana, dengan inisiatif Rakan KKM Partnership, kita akan saksikan beberapa perubahan. Prospek ganjaran lebih baik dan fasiliti kesihatan dinaik taraf yang bakal dicapai melalui subsidi silang oleh pendapatan baharu daripada perkhidmatan ekonomi premium #RakanKKM diharapkan dapat meningkatkan insentif untuk mereka kekal dalam sektor awam.

"Langkah jangka pendek termasuk kenaikan dan pelarasan gaji, jadual kerja lebih anjal dan membenarkan amalan locum. KKM terus komited untuk meningkatkan keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan serta kebajikan profesional perubatan seluruhnya," ujarnya.

Mengenai kekurangan kakitangan di Hospital Seri Manjung, Perak, Dr Dzulkefly berkata, Bahagian Sumber Manusia akan mengagihkan lebih banyak MO ke jabatan yang kritikal.

"Terdapat peningkatan pengagihan MO ke semua fasiliti KKM setiap tahun, dan sebuah kohort baharu MO baru sahaja diagihkan pada minggu lepas. Oleh itu, Hospital Seri Manjung juga akan segera menerima tambahan kakitangan perubatan.

"Cabaran ini juga bukan terhad kepada Hospital Seri Manjung sahaja, namun dihadapi di seluruh negara. Oleh itu, KKM akan berusaha sedaya upaya untuk menangani keperluan mendesak ini," ulasnya dan menambah beliau kekal komited untuk merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan. - *Bernama*

Kerajaan disaran kekalkan skim mySalam

SHAH ALAM - Kerajaan disyorkan untuk melaksanakan tiga langkah susulan pengumuman Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung kenaikan pembayaran premium termasuk mengekalkan skim mySalam sebagai insurans kesihatan nasional menyeluruh.


CHEAN CHUNG

Ahli Parlimen Petaling Jaya, Lee Chean Chung berkata, selain itu, kerajaan melakukan semakan tahunan terhadap keadaan ekonomi semasa dan gesaan supaya Kementerian Kesihatan mempercepatkan kajian mengenai keberkesanan penggunaan sistem kumpulan berkaitan diagnosis (DRG) kebangsaan.

Menurutnya, skop penerima manfaat skim mySalam itu perlu diperluaskan daripada kumpulan B40 kepada M40.

"Langkah ini dapat membantu rakyat khususnya golongan M40 yang mungkin tidak mampu menanggung kos premium insurans komersial tetapi masih memerlukan perlindungan," katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, syarikat insurans akan memanjangkan tempoh perubahan premium untuk sekurang-kurangnya tiga tahun.

Chean Chung berkata, beliau akan terus memperjuangkan isu berkaitan kesejahteraan rakyat termasuk akses kepada perkhidmatan kesihatan adil dan mampu milik.


Sinar
BNM umum langkah interim insurans

Laporan *Sinar Harian* pada Sabtu.

Tambahnya, cadangan semakan tahunan juga perlu dilaksanakan sebelum membenarkan syarikat insurans menaikkan kadar premium.

"Ia penting bagi memastikan rakyat tidak tertekan dengan kenaikan kos perubatan yang membebankan kewangan mereka," ujarnya.

Laksana segera sistem DRG - MCA

SHAH ALAM - Kerajaan digesa segera melaksanakan sistem kumpulan berkaitan diagnosis (DRG) bagi menyeragamkan bayaran dan mengawal kos perubatan swasta yang menjadi antara punca kenaikan premium insurans kesihatan.


Pelaksanaan sistem DRG akan membantu mengurangkan beban yang ditanggung pemegang polisi insurans.

Naib Presiden MCA, Datuk Lawrence Low berkata, pelaksanaan sistem ini akan membantu mengurangkan beban ditanggung pemegang polisi insurans.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan juga boleh mempelajari amalan antarabangsa seperti di Amerika Syarikat (AS) melalui Peraturan Ketelusan Harga Hospital yang memberi mandat kepada hospital mendedahkan semua kos terlebih dahulu bagi memastikan ketelusan dan menangani beban kewangan berlebihan ditanggung pengguna.


LAWRENCE

"Dengan adanya ketelusan harga mandatori mengurangkan pembayaran insurans disebabkan perkhidmatan tidak perlu atau melambung, mengurangkan tekanan bayaran premium.

"Selain itu, kerajaan juga harus menggalakkan rundingan harga antara institusi penjagaan kesihatan dan penanggung insurans. Ini akan membolehkan penanggung insurans menyemak kos perubatan dengan lebih ketat supaya perbelanjaan berlebihan tidak ditanggung pemegang polisi secara langsung bagi menangani kenaikan premium.

"Selain itu, kerajaan juga harus bekerjasama dengan penanggung insurans untuk membangunkan produk insurans kos efektif menawarkan fleksibiliti lebih besar untuk kumpulan pendapatan berbeza," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Terdahulu, Bank Negara Malaysia (BNM) sebelum ini dilapor memberi jaminan sekurang-kurangnya 80 peratus pemegang polisi hanya menghadapi pelarasan premium tahunan disebabkan inflasi tuntutan perubatan kurang 10 peratus sehingga akhir 2026.

Jaminan itu antara empat langkah interim dipersetujui dengan industri insurans dan takaful untuk membantu pemegang polisi yang mengalami perubahan premium produk insurans/takaful perubatan dan kesihatan (MHIT).

Sementara itu, Lawrence berkata, secara asasnya MCA menyokong langkah interim diumumkan BNM untuk menangani kenaikan premium insurans perubatan.

Bagaimanapun katanya, langkah itu hanya bersifat sementara dan tidak akan menyelesaikan isu asas kenaikan kos perubatan dan ketidakseimbangan sistem insurans.

"Jadi, kerajaan mesti segera melaksanakan pembaharuan dalam sistem penjagaan kesihatan untuk mengelakkan beban jangka panjang kos perubatan yang tinggi," ujarnya.

Thailand hormat keputusan Malaysia

Tindakan tutup pangkalan haram pastikan kawalan di sempadan terjamin

SONGKHLA

Thailand menghormati keputusan pihak berkuasa Malaysia menutup pangkalan haram di sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan.

Komander Tentera Darat Bahagian Ke-4 Thailand, Leftenan Jeneral Paisan Nusang berkata, undang-undang yang ada sepatutnya dihormati dan rakyat di kedua-dua negara perlu mengamalkan cara hidup seperti tertakluk dalam undang-undang.

Beliau berkata, rakyat di kedua-dua negara perlu menggunakan laluan yang diwartakan jika tidak mahu berdepan masalah.

"Setakat ini, terdapat rakyat Thailand ditahan pihak berkuasa Malaysia kerana menyeberangi sempadan melalui pangkalan haram di Sungai Golok dan ditahan di Depot Tahanan di Tanah Merah.

"Tindakan pihak berkuasa Malaysia itu sebenarnya satu langkah positif dan tepat bagi memastikan kawalan di sempadan Malaysia-Thailand lebih terjamin," katanya kepada pemberita menggunakan penterjemah tempatan sempena lawatan khas media Kelantan ke atas pihak berkuasa Thailand baru-baru ini.

Paisan berkata, walaupun rakyat di kedua-dua negara telah lama menetap di kawasan sempadan dan menggunakan pangkalan haram sebagai laluan harian, ia telah banyak menimbulkan masalah kepada pihak berkuasa kerana berlaku kegiatan penyeludupan tidak terkawal.

"Apabila pangkalan itu ditutup ia menimbulkan rungutan terutama di sektor pelancongan di samping banyak kedai terpaksa ditutup di sempadan kedua-dua negara. Kita akan cuba selesaikan masalah ini melalui perbincangan antara pihak berkuasa di kedua-dua negara," jelasnya.

Mengulas mengenai kemasukan pendatang tanpa izin ke Malaysia, Paisan berkata, Thailand sebenarnya dijadikan negara transit.

"Kami mendapati kumpulan etnik Rohingya dari Myanmar menjadikan Thailand sebagai transit sebelum menyeberang masuk ke sempadan Malaysia menggunakan laluan haram.

"Kumpulan pendatang ini masuk ke Malaysia kerana mahukan kehidupan lebih baik kerana keadaan di negara mereka tidak stabil dan berkemungkinan juga mereka masuk ke Malaysia kerana terdapat permintaan dalam sektor pekerjaan di negara itu," ujarnya.



Anggota Pasukan Gerakan Am memasang papan tanda peringatan kepada orang ramai supaya jangan menyeberang sempadan melalui Sungai Golok berdekatan pangkalan haram MCA dan Syed Agil, Rantau Panjang baru-baru ini.

Pada November lepas, Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat mengumumkan larangan merentas sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan ke atas mana-mana individu yang menggunakan laluan haram untuk ke Golok, Thailand yang berkuat kuasa 1 Disember. - *Bernama*

G25 bantah hukuman sebat secara terbuka

KUALA LUMPUR - Kumpulan pesara kerajaan G25 membantah tindakan melakukan hukuman sebat secara terbuka ke atas individu yang dijatuhi hukuman atas kesalahan khalwat di Terengganu.

G25 dalam satu kenyataan merayu kerajaan Persekutuan dan Majlis Raja-Raja supaya mengambil pendirian progresif bahawa tidak wajar bagi kerajaan negeri melalui Enakmen Syariah masing-masing untuk menjadikan dosa peribadi umat Islam sebagai satu jenayah, apatah lagi menjatuhkan hukuman yang kejam terhadap mereka.

"Tindakan ini melanggar hak asasi manusia dan kebebasan fundamental yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan.

"Kami menggesa pihak berkuasa yang berkaitan untuk menghentikan hukuman sebat yang dijadualkan berlangsung pada 27 Disember 2024," kata NGO itu dalam kenyataan pada Ahad.



Sinar Harian

Duda khalwat berulang disebat 27 Disember ini

Laporan *Sinar Harian* pada 17 Disember 2024.

Jelas kenyataan itu, jika hukuman sebat itu diteruskan, imej Malaysia sebagai negara Islam akan terjejas teruk.

"Kami menyeru orang ramai agar tidak menghadiri pelaksanaan hukuman ini sebagai tanda bantahan," ujarnya.

Sehubungan itu, G25 menyokong gesaan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) agar hukuman dera termasuk sebat dihapuskan dan Malaysia perlu segera menyertai Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menentang penyeksaan dan hukuman kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah (UNCAT).

"Kami menegaskan bahawa sebarang hukuman, termasuk ke atas pesalah jenayah berat, perlu selari dengan prinsip keadilan moden yang menekankan penghormatan terhadap maruah manusia.

"Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi yang mengamalkan prinsip keadilan sejagat, harus menunjukkan teladan sebagai negara Islam progresif dan sederhana," tegasnya.

Sinar Harian pada 17 Disember lalu melaporkan pelaksanaan hukuman sebat ke atas seorang pesalah khalwat akan dilaksanakan pada 27 Disember ini di Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Ladang, Kuala Terengganu.

Exco Penerangan, Dakwah dan Pemerkasaan Syariah Terengganu, Dr Muhammad Khalil Abdul Hadi berkata, keputusan berkenaan dibuat sebulat suara oleh Panel Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu berikutan penangguhan hukuman tersebut pada 6 Disember lalu.

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

483121-H

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada semua syarikat yang berdaftar dengan Universiti Selangor (UNISEL) yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai Tender berikut:

TAJUK DAN NO. TENDER	GRED & KOD BIDANG CIDB	HARGA DOKUMEN	TARIKH TAWARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
CADANGAN PERKHIDMATAN OPERASI DAN PENYELENGGARAAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN DI UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL) KAMPUS BESTARI JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN NO. TENDER : UNISEL/JPP/BJ(T)/2024-03	KOD BIDANG: G3 Dan Ke Atas -CE19 -CE38 -M20 -E11	RM 200.00 (Tunai)	23 Disember 2024 (Isnin)	TARIKH: 2 Januari 2025 (Khamis) MASA: 9.30 Pagi Pejabat Jabatan Pembangunan & Penyelenggaraan (JPP), Kampus Bestari Jaya	MULA JUAL: 2 Januari 2025 (Khamis) TUTUP JUAL: 8 Januari 2025 (Rabu) Waktu Pejabat: **Isnin – Khamis :** (9:00pg-1:00tghari); (2:00ptg-5:00ptg) **Jumaat :** (9:00pg-12:00tghari); (2:45ptg-5:00ptg)	14 Januari 2025 (Selasa)

1. Pembelian Dokumen **MEWAJIBKAN** Pihak Petender menghadiri sesi lawatan tapak dan Berdaftar Dengan UNISEL Melalui https://tcms.unisel.edu.my/login.asp
2. Bagi sesi lawatan tapak dan taklimat tapak yang diwajibkan, hanya **PENAMA yang tercatat di dalam Sijil LPIP/CIDB atau MOF dan berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sahaja yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan.**
3. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja dan yang menghadiri sesi taklimat tapak. Untuk maksud ini, wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa Perakuan Pendaftaran Asal, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (LPIP/CIDB) dan, Kementerian Kewangan (MOF) dan berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)/ IPA Type D Permit (Pembentungan).
4. Dokumen Tender boleh didapati pada waktu pejabat di alamat seperti tertera di atas. Dokumen Tender tidak dijual selepas tempoh tersebut. Universiti Selangor (UNISEL) tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah. Universiti Selangor (UNISEL) mempunyai hak untuk membatal atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut
5. Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman sesawang Universiti Selangor (UNISEL) di (http://www.unisel.edu.my/tender.php). Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau penerangan lanjut, petender boleh berhubung melalui e-mel kepada (tenderjpp@unisel.edu.my).
6. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk tender ditulis pada atas sebelah kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender yang terletak seperti di alamat tentera di bawah **pada atau sebelum 14 Januari 2025 (Selasa) jam 12.00 tengahari.**
7. Alamat penghantaran dokumen tender adalah di:

**Unit Perolehan, Pejabat Bendahari,
Universiti Selangor, Kampus Shah Alam,
Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000, Shah Alam, Selangor.**

Sinar Harian TELUS & TULUS
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Jelajah Sinar Untuk Rakyat di Perlis

Masjid Jamek Beseri lokasi buka tirai jelajah *Sinar Harian* pada 4 dan 5 Januari depan

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHAHA
SHAH ALAM



ZAMRI

FOTO: FACEBOOK MASJID JAMEK BESERI



Masjid Jamek Beseri menjadi lokasi pertama Jelajah Sinar Untuk Rakyat yang bakal diadakan pada 4 dan 5 Januari depan.

Sinar Harian bakal membuka tirai tahun 2025 dengan program jelajah berkonsepkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu dan memperkasakan kelompok masyarakat di seluruh negara iaitu Jelajah Sinar Untuk Rakyat.

Ketua Pengarang Kumpulan *Sinar Harian*, Zamri Rambli berkata, lokasi pertama jelajah berkenaan akan diadakan di Masjid Jamek Beseri dan Institut Kemahiran Mara (IKM) Beseri, Perlis pada 4 dan 5 Januari depan.

"Jelajah di negeri paling utara Semenanjung itu bakal disempurnakan majlis perasmiannya oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail.

"Program kenduri sekampung, penyerahan bantuan kepada asnaf dan ceramah motivasi kepada pelajar itu diadakan dengan kolaborasi penaja utama Yayasan Bank Rakyat (YBR)," katanya pada Ahad.

Dalam pada itu, Zamri turut menzahirkan penghargaan kepada Masjid Jamek Beseri kerana bersama-sama dalam menyusun dan merancang program berkenaan sejak beberapa bulan lalu.

Berkongsi acara pada hari pertama, beliau berkata, jawatankuasa khas masjid bersama orang kampung akan menyediakan pelbagai juadah untuk kenduri sekampung.

"Kita akan 'menumbangkan' seekor lembu untuk dijadikan hidangan kenduri pada hari itu. Selain kenduri, 200 bakul rezeki akan diagihkan kepada asnaf dan golongan kurang berkemampuan.

"Pada hari kedua pula, satu program ceramah motivasi akan diadakan di Dewan IKM Beseri," ujarnya.

Zamri amat mengalu-alukan penduduk di Beseri untuk hadir beramai-ramai ke Jelajah Sinar Untuk Rakyat.

Jelas beliau, program jelajah tersebut adalah sebahagian daripada usaha *Sinar Harian* dan YBR untuk menghargai pembaca serta berusaha membantu segenap lapisan masyarakat Malaysia.



Pesalah trafik culas bayar saman tertunggak perlu diburu

SHAH ALAM - Agensi penguatkuasaan perlu bertindak tegas dan meningkatkan usaha mengesan pesalah jalan raya yang culas membayar saman tertunggak.



MANAN

Pengasas Persatuan Pakar Keselamatan Jalan Raya, Manan Supri berkata, usaha mengesan pesalah trafik secara optimum perlu dilakukan bagi memastikan mereka membayar kompaun atau saman dengar kadar segera.

Beliau berkata, perkara itu penting bagi mengelakkan pesalah trafik daripada disabitkan di mahkamah atau berhadapan dengan hukuman penjara kerana ingkar perintah mahkamah.

"Pengguna jalan raya sedia maklum bahawa mereka tertakluk kepada Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

"Namun begitu masih ramai yang tidak tahu membezakan antara kes yang boleh dikompaun atau sebaliknya, sama ada ia di bawah undang-undang Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Media melaporkan ramai pemilik motor besar juga culas dalam membayar saman tertunggak," katanya kepada *Sinar Harian*.

Manan berkata, secara lazimnya manamana kes yang boleh dikompaun adalah tertakluk kepada suatu tempoh yang ditawarkan bagi membolehkan pesalah membuat bayaran atau memohon rayuan.

Jelasnya, sekiranya gagal berbuat demikian, kes akan dibawa ke mahkamah.



Laporan *Sinar Harian* pada Sabtu.


Pada Sabtu, *Sinar Harian* melaporkan, polis merekodkan 5,646 saman ekor membabitkan penunggang motosikal berkuasa tinggi sejak tahun lalu hingga Oktober lepas.

Bagaimanapun, daripada jumlah itu, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik mendedahkan sebanyak 4,531 atau lebih 80 peratus saman belum dilunaskan yang nilainya mencecah RM1.3 juta.

Emraz mohon diberi ruang, janji lunaskan hutang

Zulkarnain kekal dengan prinsip demi akhirat dan akan jelaskan segala tunggakan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
SHAH ALAM



Hantaran Facebook Emraz pada Ahad.

Syarikat pengendali umrah, Emraz Travel & Tours Sdn Bhd berjanji akan membayar tunggakan hutang kepada pelanggan terjejas susulan masalah menimpa perniagaannya sebelum ini.

Pengarahnya, Datuk Zulkarnain Endut berkata, semua pihak diminta memberi ruang kepada pihaknya yang berusaha memulangkan semula wang pelanggan yang tertunggak.

"Seperti mana *posting* saya sebelum ini, sama ada syarikat Emraz gulung sekali pun, tujuan saya jelas. Saya kekal dengan prinsip saya demi akhirat dan akan tetap jelaskan segala tertunda ini.

"Berikan ruang dan semuanya sedang bergerak walaupun keadaan begitu sukar. Saya tak pernah lari, sebelum ini saja saya berdiam diri lama kerana terkejut dengan apa berlaku dengan Emraz," katanya menerusi hantaran di Facebook rasminya pada Ahad.

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) sebelum ini mengumumkan lesen syarikat pengendali pakej umrah tersebut dibatalkan berkuat kuasa 11 Mac lalu.

Pembatalan lesen selaras Perenggan 8(1)(b) dan (d) Akta Industri Pelancongan 1992 berikutan syarikat didapati melanggar syarat lesen dan peruntukan akta.

Media juga melaporkan, polis menerima ratusan laporan berhubung dakwaan kes penipuan pakej umrah membabitkan syarikat itu sejak November tahun lalu.

Sementara itu, Zulkarnain berkata, pertama kali ujian datang sebegitu besar dan belajar daripada setiap kejatuhan.

"Saya nak terus pandang ke hadapan, kesal dan kecewa berlebihan perihal perkara lepas tak-kan mampu ubah apa-apa, melayan tekanan ditekan segala pihak tidak akan mampu pulangkan apa-apa pada ramai terpalit melainkan saya terus mara dan buat sesuatu.

"Insya-ALLAH, ALLAH SWT akan mudahkan usaha berat ini. Jangan risau, semuanya dalam proses pemulihan.

"Tiada istilah hangus selagi saya bernyawa dan tidak diikat tangan dan kaki oleh sekelompok yang cukup takut jika saya naik semula dan sanggup berhabis ratus ribu mahupun juta asalkan Emraz Travel & Tours betul-betul dibenci dan terpadam," katanya.

Dalam pada itu, Zulkarnain yang juga pemilik syarikat berkenaan menerusi hantaran sama turut mengingatkan pelanggannya supaya berhati-hati agar tidak menjadi mangsa pihak yang mahu mengambil kesempatan.

Katanya, dalam tempoh setahun ini, pihaknya menerima banyak kiriman Messenger dan WhatsApp berhubung tawaran pihak tidak bertanggungjawab mahu membantu menyelesaikan masalah dihadapi.

"Mereka akan datang dan menawarkan untuk jadi orang tengah supaya boleh dapatkan kembali hak dengan syarat perlu bayarkan beberapa amaun kepada mereka dahulu dan hasil diperoleh nanti perlu diserahkan sebagai komisen.

"Modus operandi ini biasa akan berlaku di tengah permasalahan mana-mana tempat sekalipun termasuk akan bertebaran cerita mengarut kononnya Emraz memang *scammer*," katanya.

Menurut Zulkarnain, syarikatnya sudah menerbangkan hampir 50,000 jemaah dan semuanya pulang dengan pengalaman sangat baik.

"Semoga ALLAH mudahkan dan berikan kekuatan untuk saya kendong amanah berat ini demi akhirat saya," katanya.

400 asnaf ceria terima bantuan makanan MAIDAM

KUALA TERENGGANU - Seramai 400 asnaf menerima bantuan agihan barang keperluan makanan daripada FGV Holdings Bhd (FGV) menerusi Program Bantuan Makanan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) di sini pada Ahad.

Pengurus Hal Ehwal Agama & Kebajikan FGV, Ilyas Helmi Mohd Yusof berkata, bantuan disalurkan bertujuan meringankan beban kewangan golongan asnaf di Terengganu susulan berdepan ekonomi semakin mencabar ketika ini.

"Bantuan ini juga membuktikan kesungguhan FGV dalam menyokong inisiatif kerajaan membantu golongan miskin di negara ini.

"Melalui program agihan barangan makanan dijalankan ini, FGV dapat melaksanakan tanggungjawab sosial seperti berkhidmat dan membangunkan komuniti yang berada di sekitar operasi perniagaan kami bukan sahaja di Terengganu, malah di seluruh negara.

"Secara keseluruhan, kita memperuntukkan RM250,000 dalam bentuk barangan produk keluaran FGV dan produk kegunaan harian lain kepada asnaf memerlukan di seluruh negeri ini," katanya.



Ahmad Azrin (kanan) dan Ilyas (kiri) beramah mesra bersama salah seorang penerima bantuan di Kuala Terengganu pada Ahad.



Ahmad Azrin (kiri) bersama Ilyas (kanan) beramah mesra bersama penerima bantuan ketika Program Bantuan Makanan MAIDAM.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Bantuan Makanan MAIDAM di Dewan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) di sini pada Ahad.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM, Profesor Madya Dr Ahmad Azrin Adnan.

Sementara itu, Ahmad Azrin berkata, agihan itu sekurang-kurangnya dapat meringankan beban asnaf yang mengalami kesempitan hidup.

"Agihan akan diagihkan di dua lagi lokasi lain dalam masa terdekat untuk baki 800 penerima lain.

"MAIDAM berterima kasih dengan FGV kerana tampil membantu selain berharap lebih banyak syarikat korporat akan berbuat demikian bagi menyantuni asnaf yang ada di seluruh negeri ini," jelasnya.

Dalam pada itu, penerima bantuan, Azura Abdullah, 42, melahirkan rasa syukur kerana bantuan diterima mampu meringankan beban dihadapinya berikutan kenaikan kos hidup ketika ini.

"Terima kasih saya ucapkan kepada MAIDAM atas bantuan diberikan memandangkan saya hanya bekerja sebagai pembantu kedai makan dengan upah RM1,200 sebulan.

"Saya juga perlu menyara dua anak di mana salah seorang adalah orang kelainan upaya (OKU)," katanya.

Katanya, upah diterima hanya untuk menyelesaikan banyak komitmen termasuk sewa rumah, ansuran motosikal, kos perubatan anak.

"Dengan adanya bantuan seperti ini mampu meringankan beban apabila tidak perlu lagi mengeluarkan belanja membeli makanan," jelasnya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Mudah diakses, urusan transaksi cekap - Pakar

Penggunaan kad pengenalan digital memudahkan urusan harian pengguna

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Mudah diakses hanya melalui telefon pintar, kurang risiko kehilangan kad fizikal dan urusan transaksi dalam talian lebih cekap antara kebaikan boleh dimanfaatkan rakyat sekiranya kerajaan menggunakan sistem pengenalan digital.

Pakar keselamatan siber, Aaron Ikram Mokhtar berkata, penggunaan kad pengenalan digital sepertimana diperkenalkan di negara maju seperti Singapura, Jepun dan Kanada memudahkan urusan harian pengguna.

Bagaimanapun katanya, tidak dinafikan terdapat risiko atau kelemahan perlu diberi penekanan contohnya serangan siber, kebocoran data peribadi dan kebergantungan terhadap teknologi tinggi.

"Daripada aspek keselamatan siber, penggodam mungkin menyasarkan sistem identiti digital untuk mencuri maklumat peribadi dan sensitif.

"Pelanggaran dalam pangkalan data pusat boleh menjejaskan berjuta-juta identiti digital dan *pishing* yang mana pengguna mungkin ditipu untuk berkongsi maklumat melalui laman sesawang atau aplikasi palsu.

"Selain itu, penyimpanan data identiti berpusat boleh menyebabkan penyalahgunaan maklumat peribadi. Sesiapa sahaja boleh salah guna sistem identiti digital untuk tujuan mengesan atau mengawasi tanpa persetujuan pemilik," katanya.


AARON IKRAM

Beliau berkata demikian kepada *Sinar Harian* ketika mengulas laporan khas berhubung Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengesan sindiket pemalsuan MyKad pada harga RM4,500 sekeping menerusi media sosial, khusus kepada warga asing.

Terdahulu, Ketua Pengarah JPN, Badrul Hisham Alias memaklumkan, ada sindiket meminta RM500 sebagai deposit sebelum bayaran penuh dibuat menerusi perbankan internet.

Susulan itu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya sedang mengesan sindiket terbabit dan JPN juga dalam usaha melakukan program *outreach* di seluruh negara bagi menangani pemilikan MyKad palsu.

Mengulas lanjut, Aaron Ikram berpandangan, tidak semua individu mempunyai akses kepada teknologi untuk menggunakan sistem identiti digital.

Katanya, individu lebih tua atau 'tidak celik IT' mungkin bergelut untuk memahami dan menggunakan kad pengenalan digital, malah berisiko tinggi terdedah kepada penipuan dalam talian.

Menurut beliau, kerajaan perlu melaksanakan langkah keselamatan siber yang kukuh misalnya desentralisasi penyimpanan identiti menggunakan *block-chain*.

"Pastikan privasi mengikut reka bentuk, sediakan kaedah akses luar talian atau sandaran fizikal di samping mendidik pengguna mengenai amalan keselamatan dan ancaman pancingan data.

"Memang banyak faedahnya jika masyarakat diperkenalkan dengan kad pengenalan digital, tetapi kena berhati-hati," ujarnya.

INFO KAD PENGENALAN DIGITAL DI NEGARA LUAR

SINGAPURA - SINGPASS
- Dilancarkan pada 2003, sistem ditambah baik pada 2016.
- Syarat kelayakan adalah warganegara, pemastautin tetap (PR), pemegang Nombor Pengenalan Asing (FIN) dan berusia 15 tahun ke atas.
- Menggunakan kaedah biometrik seperti pengesahan cap jari dan muka serta pengesahan dua faktor (2FA) untuk log masuk.

INDONESIA - INA DIGITAL
- Dilancarkan bekas Presiden Republik Indonesia, Joko Widodo.
- Dibangunkan oleh 400 pengusaha digital tempatan di bawah projek GovTech Indonesia.
- Menggunakan kaedah *Single Sign-On* dan Pengesahan Pelbagai Faktor (MFA).

KENYA - MAISHA
- Dilancarkan pada 2023.
- Diuruskan Direktori Perkhidmatan Pendaftaran Awam (CRS) dan Biro Pendaftaran Nasional (NRB).
- Idea penubuhan sejak 1991
- Memerlukan pengesahan biometrik seperti cap jari dan foto.

SOMALIA - EAQOONSI
- Dilancarkan pada 2023.
- Dibangunkan Pihak Berkuasa Pengenalan dan Pendaftaran Negara (NIRA).
- Memerlukan kata laluan satu kali (OTP) untuk pengesahan log masuk.

INDIA - E-AADHAAR
- Dilancarkan pada 2010.
- Diuruskan Pihak Berkuasa Pengenalan Unik India (UIDAI).
- Pengesahan melalui cap jari, mata dan OTP.

ESTONIA - E-ID
- Dilancarkan pada 2002.
- Hampir 98 peratus penduduk menggunakan e-ID untuk tandatangan digital, i-Voting, log masuk akaun bank dan lain-lain.
- Menawarkan lebih 1,000 servis atau perkhidmatan awam dalam talian.
- Mandatori untuk semua penduduk tempatan.

JERMAN - E-ID
- Dibangunkan pada 2010.
- Di bawah seliaan Pihak Berkuasa Pengeluar Sijil Kebenaran (VfB) Pejabat Pentadbiran Persekutuan.
- Nombor pin untuk log masuk.

JEPUN - MY NUMBER
- Dilancarkan pada 2015.
- Di bawah seliaan Kementerian Pengangkutan.
- Bakal diintegrasi dan berfungsi sebagai lesen memandu menjelang Mac 2025.

KANADA- EID-ME
- Dilancarkan pada 2020.
- Dibangunkan oleh Bluink.
- Menggunakan kaedah pengecaman muka, nombor PIN, MFA dan lain-lain ciri keselamatan terkini.

Sumber: Laman Sesawang Kementerian Kewangan Singapura, Aratek, NIRA, Gov Insider, INA Digital, Pihak Berkuasa Pengenalan Unik India (UIDAI), The Rest of World dan Bluink.

Isu pelajar hisap vape, dadah perlu tindakan bersepadu - Lam Thye

SHAH ALAM - Isu penggunaan rokok elektronik atau vape dan dadah dalam kalangan pelajar sekolah memerlukan tindakan bersepadu semua pihak.

Pengerusi Pertubuhan Ikatan Komuniti Selamat (Ikatan), Tan Sri Dr Lee Lam Thye berkata, peningkatan ketagihan vape dan dadah dilihat membimbangkan sehingga mampu menimbulkan ancaman serius.

Menurutnya, jika isu berkenaan tidak ditangani segera, ia berpotensi merisikokan masalah kesihatan dan pendidikan pelajar selain mampu terjerumus dalam gejala sosial lebih berbahaya.

"Hasil penyelidikan menunjukkan vape boleh menyebabkan masalah pernafasan teruk, kerosakan kardiovaskular dan ketagihan jangka panjang.

"Begitu juga dadah kerana ia mengganggu kesihatan mental dan fizikal, malah perkembangan kognitif juga terjejas. Bukan itu sahaja, ketagihan mengakibatkan prestasi akademik lemah," katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*.

Terdahulu pada 13 November lalu, seorang pelajar Tingkatan Dua di Kangar, Perlis dilaporkan cedera selepas terjatuh dari bumbung sekolahnya dipercayai khayal selepas menghisap vape.

Pengarah Pendidikan Perlis, Rose Aza Che Ariffin memaklumkan, kejadian terbabit berlaku sekitar jam 11 pagi dan pelajar berkenaan sudah dibawa ke Klinik Kesihatan Kangar untuk pemeriksaan lanjut.

Bagaimanapun, keputusan ujian air kencing bagi saringan dadah didapati negatif.

Justeru, Lam Thye berkata, antara langkah berkesan menghentikan penggunaan vape dan dadah dalam kalangan pelajar adalah memperkasakan penguatkuasaan undang-undang serta mengharamkan penjualan atau promosi.

Tambahnya, denda dan penalti lebih ketat perlu dikenakan terhadap peruncit yang menjual peranti vape atau dadah kepada golongan bawah umur.

Selain itu, katanya, sekolah perlu mewujudkan sistem pelaporan sulit untuk menggalakkan pelajar mendapatkan bantuan tanpa rasa takut di samping melaksanakan program intervensi awal.

"Latih guru dan kaunselor untuk kenal pasti tanda awal vape atau dadah, beri sokongan serta rujukan segera. Anjurkan seminar melibatkan pakar penjagaan kesihatan atau bekas penagih untuk mendidik pelajar dan ibu bapa.


Isu penggunaan rokok elektronik dan dadah dalam kalangan pelajar memerlukan tindakan bersepadu oleh ibu bapa, pendidik, komuniti serta penggubal dasar. Gambar hiasan. Gambar kecil: Lam Thye.

"Adakan kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) dan kumpulan komuniti untuk sediakan aktiviti selepas sekolah dan ruang selamat buat kanak-kanak agar mereka tak terlibat tingkah laku berisiko.

"Melindungi anak-anak sekolah daripada vape dan ketagihan dadah bukan sekadar tugas sekolah atau kerajaan, ia tanggungjawab bersama," ujarnya.

Kor Sim mahu lonjak ekonomi Jementah

AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jementah, Ng Kor Sim berazam merancakkan ekonomi di kawasan itu dengan menjadikannya sebagai antara destinasi pelancongan utama di negeri Johor.

Menurut Kor Sim, perkhidmatan Sistem Tren Elektrik (ETS) yang bakal beroperasi di bandar berkenaan dilihat bakal menarik kehadiran pelancong dan secara tidak langsung merangsang pembangunan ekonomi setempat.

Ikuti temu bual bersama wartawan *Sinar Harian*, **SHAHRIZAL AHMAD ZAINI** bersama Kor Sim khususnya mengenai usahanya yang berterusan mahu memperkukuhkan pembangunan merangkumi aspek pelancongan, ekonomi dan sosial di Jementah.



Kor Sim menunjukkan isi durian yang ditanam di dusun sekitar Jementah.



Kor Sim (kiri) beramah mesra bersama penduduk ketika menghadiri Karnival Kereta Api Go Go Go, baru-baru ini.

PROFIL

Nama: Ng Kor Sim
Usia: 41 tahun
Asal: Segamat, Johor
Status perkahwinan: Bujang
Akademik: Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) Perakaunan, Wawasan Open University
Profesion: Ahli Politik

AGENDA YB

***SINAR HARIAN:* Ini adalah penggal pertama YB berkhidmat sebagai ADUN. Bagaimanakah pengalaman dan apakah cabaran serta pencapaian YB setakat ini?**

KOR SIM: Sebagai ADUN yang pertama kali dipilih rakyat, saya mendapat kepuasan apabila dapat membantu pengundi di sini dan melihat kehidupan mereka berubah menjadi lebih baik.

Secara peribadi, pengalaman ini sangat bermakna kerana penuh dengan cabaran dan pembelajaran untuk menjadi wakil rakyat yang cakna.

Salah satu cabaran utama adalah kekangan dari segi peruntukan memandangkan kawasan saya mempunyai lebih 40,000 pengundi.

Untuk pengetahuan, terdapat 26 sekolah rendah dan menengah di daerah ini.

Ini tidak termasuk beberapa institusi pendidikan tinggi awam seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Komuniti, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan sebuah kem tentera di Jementah.

Selain itu, beberapa projek pembangunan berjaya disiapkan seperti pembinaan tandas awam di Medan Selera Kampung Abdullah yang siap pada tahun lalu selepas 40 tahun.

Pada masa sama, kerja-kerja awal pembinaan terminal bas pertama di pekan Jementah sudah dimulakan dan pelancaran projek Landasan Berkembar Sistem Tren Elektrik (ETS) laluan ke Segamat akan dimulakan tidak lama lagi.

Sebenarnya, lokasi Jementah agak jauh dari jajaran Lebuhraya Utara-Selatan dan mungkin menyukarkan pembangunan di kawasan ini.

Bagaimana YB merancang untuk mengatasi cabaran ini?

Biarpun agak jauh dari lebuh raya utama di Semenanjung, lokasi Jementah yang berada di tengah-tengah antara Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang sebenarnya membuka ruang kepada industri pelancongan berasaskan alam semula jadi dan pengenalan budaya setempat. Ini ditambah sambungan laluan ETS yang baharu dari Gemas ke Johor Bahru membolehkan lebih ramai pelancong berkunjung ke sini.

Selain itu, penglibatan pempengaruh diharap dapat memberikan impak selain kita juga akan bekerjasama rapat dengan pihak Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (Motac) bagi mendapatkan sokongan dana dan infrastruktur.



Kor Sim (kanan) meninjau kawasan riadah untuk bersukan dalam usaha menyelesaikan masalah komuniti setempat di Jementah.

Apa perancangan YB untuk menarik semula golongan muda yang bekerja di luar Jementah untuk kembali menyumbang kepada pembangunan setempat?

Perkara ini berlaku di kawasan lain juga. Oleh itu, kami giat mempromosikan peluang dalam sektor pelancongan dan perusahaan kecil bagi menarik mereka kembali.

Contohnya, pada 2022 dan tahun lalu, inisiatif menemu bual serta mempromosikan perniagaan usahawan muda tempatan melalui video berjaya menarik mereka untuk kembali ke Segamat.

Selain itu, kami merancang memohon dana tambahan daripada Persekutuan bagi memperbaiki kemudahan pelancongan sedia selain menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan.

Apakah manfaat daripada Projek Landasan Berkembar Sistem Tren Elektrik (ETS) Gemas-Segamat dijangka bermula tidak lama lagi kepada penduduk Jementah?

Pelancaran penuh ETS bakal membuka peluang besar di sini. Sebagai contoh, perjalanan dari Pulau Pinang ke Segamat hanya memerlukan empat hingga lima jam berbanding tujuh hingga lapan jam jika menaiki kereta.

Ini menjadikan Segamat lebih mudah diakses lebih ramai pelancong selain memudahkan mereka yang bekerja di luar Jementah pulang ke kampung pada hujung minggu.

Sebagai seorang ADUN pembangkang, pastinya YB berdepan cabaran tidak menerima peruntukan seperti wakil rakyat kerajaan. Bagaimana YB mengatasi cabaran ini?

Secara jujur, saya menggunakan elaun sebagai ADUN menampung kos pentadbiran kerana mempunyai tiga pusat khidmat memandangkan kawasan ini amat luas. Dari segi bantuan pula, ia hanya dapat diberikan kepada badan bukan kerajaan (NGO) atau sekolah memerlukan. Bagaimanapun, saya berpegang kepada prinsip untuk menepati janji dan berusaha sebaik mungkin demi rakyat.

Apakah visi YB untuk Jementah dan bagaimana masyarakat dapat berganding bahu merealisasikan visi ini?

Visi saya adalah untuk melihat Jementah membangun sebagai sebuah daerah yang makmur dan berkembang maju dari segi ekonomi, sosial dan kebajikan selain menjadi sebuah pusat tumpuan bukan sahaja untuk pelancongan tetapi juga peluang pekerjaan dan perniagaan.

Segamat pernah muncul sebagai antara daerah paling maju di Johor. Kini, selepas 115 tahun dan dengan peluang ekonomi lebih baik, saya berharap lebih ramai anak muda memilih untuk kekal dan menyumbang kepada komuniti di Jementah ini.

Sinar Harian TELUS & TULUS
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

FOTO: IPD KUANTAN.



Pasukan forensik polis menjalankan siasatan di lokasi kejadian di mana mayat seorang lelaki ditemukan di dalam sebuah kereta di kawasan parkir Restoran Nasi Kerabu Mekla, Kuantan, pada Sabtu. Gambar kecil: Allahyarham Safri

Bau busuk dari kereta bongkar kehilangan Safri

KUANTAN - Misteri kehilangan seorang lelaki berusia 55 tahun sejak Jumaat lalu, akhirnya terjawab apabila dia ditemukan meninggal dunia di dalam sebuah kereta Perodua Viva berwarna biru gelap di kawasan parkir restoran Nasi Kerabu Mekla, Sungai Isap di sini, pada Sabtu.

Mayat lelaki itu, Safri Mohd Ali, 55, ditemui dalam keadaan separuh tertunduk di tempat duduk pemandu oleh orang awam yang mengesyaki sesuatu apabila kereta tersebut berada di lokasi sama lebih seminggu.

Ketua Polis Daerah Kuantan, Asisten Komisioner Wan Mohd Zahari Wan Busu berkata, pengadu turut menghidu bau busuk dari dalam kenderaan itu dan bertindak memeriksa kereta sebelum mendapati seorang lelaki tidak sedarkan diri di dalamnya.

"Kita ada menerima laporan berhubung perkara ini dan pasukan penyiasat yang tiba di lokasi mendapati mayat berada dalam keadaan membengkak dipercayai telah meninggal dunia beberapa hari sebelum ditemui.

"Siasatan awal mendapati tiada unsur jenayah dan kes diklasifikasikan mati mengejut," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut beliau, hasil semakan mendapati mangsa merupakan individu yang dilaporkan hilang sejak 13 Disember lalu

"Ahli keluarga mangsa telah dipanggil untuk membuat pengecaman di Jabatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan dan mengesahkan identiti mangsa.

"Buat masa ini, kes ini masih dalam siasatan pihak polis," tambahnya.

"Sesiapa yang mempunyai maklumat berhubung kejadian supaya tampil membantu siasatan," katanya.

Pada Jumaat, *Sinar Harian* melaporkan polis Kuantan meminta orang ramai mengesan Safri yang dilaporkan hilang selepas keluar rumah di RRM Kampung Hijrah di sini sejak Jumaat minggu lalu.

Mangsa ketika itu dipercayai keluar menaiki kereta jenis Perodua Viva berwarna biru gelap untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Kampung Kurnia Batu 3 di sini.

18 anggota polis Indonesia ditahan

Kes peras ugut ke atas warga Malaysia ketika konsert di Jakarta

JAKARTA

- GAMBAR *BERNAMA*



Trunoyudo (tengah) menegaskan polis Indonesia tidak akan bertolak ansur dengan sebarang salah laku anggotanya.

LAPORAN MUKA DEPAN

Mahkamah & Jenayah

Polis Indonesia menahan 18 anggotanya yang disyaki memeras ugut warga Malaysia semasa menghadiri konsert Djakarta Warehouse Project (DWP) di Kemayoran, Jakarta Utara.

Ketua Biro Penerangan Awam, Brigadier Jeneral Trunoyudo Wisnu Andik mengesahkan anggota berkenaan terdiri daripada Polis Daerah Metro Jaya, Polis Metro Jakarta Pusat, dan Balai Polis Kemayoran.

"Anggota polis ini telah ditahan oleh Bahagian Profesional dan Keselamatan (Propam) untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan.

Penahanan dibuat susulan beberapa aduan daripada warga Malaysia yang mendakwa mereka dianiaya dan diperas sepanjang acara itu tular di media sosial.

"Kami tidak akan bertolak ansur dengan sebarang salah laku anggota kami," tegas Trunoyudo sambil menambah bahawa perkembangan lanjut akan dimaklumkan tidak lama lagi.

Menurut dakwaan, warga Malaysia itu dipaksa menjalani ujian air kencing, diminta menunjukkan pasport dan diminta membayar sejumlah wang, walaupun keputusan ujian dadah mereka negatif.

Konsert DWP selama tiga hari di Jakarta International Expo yang dianjurkan oleh Ismaya Live, sebahagian daripada Ismaya Group, tamat pada 15 Disember lalu dan merupakan antara festival muzik elektronik terbesar di Asia.

Dalam satu kenyataan, pihak penganjur DWP menyatakan kekesalan terhadap cabaran yang dihadapi oleh mereka yang terjejas, sambil mengakui bahawa walaupun sesetengah isu berada di luar kawalan, mereka memahami kesannya.

DWP juga memberi jaminan bahawa mereka sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa dan badan kerajaan yang berkaitan untuk menjalankan siasatan terperinci mengenai kejadian itu.

Insiden berkenaan turut menarik perhatian Ketua Suruhanjaya III Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), Habiburokhman yang menyuarakan keyakinan bahawa Propam akan menangani dakwaan pemerasan itu secara adil.

"Jika pemerasan berlaku, mereka yang terlibat mesti dihukum," katanya.

Suruhanjaya Polis Nasional (Kompolnas) turut menyeru tindakan tegas terhadap anggota yang terlibat termasuk perbicaraan etika dan hukuman jenayah jika kesalahan terbukti.

"Jika melibatkan jenayah, mereka mesti diadili. Kami menyokong siasatan Propam," tegas Komisioner Muhammad Choirul Anam seperti yang dilaporkan portal berita *Kumparan*. - *Bernama*

Motosikal dibonceng empat beranak terlibat nahas

BATU PAHAT - Seorang kanak-kanak perempuan maut dalam nahas melibatkan dua kenderaan di Jalan Kampung Sungai Ayam di sini, pada Sabtu.

Menurut Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Shahrulanuar Mushaddat Abdullah Sani, siasatan awal mendapati kemalangan tersebut berlaku sekitar jam 10.30 pagi dan melibatkan sebuah lori dan motosikal.

"Kemalangan dipercayai berlaku apabila penunggang motosikal iaitu seorang lelaki warga tempatan berusia 37 tahun sedang menunggang motosikal bersama tiga anak perempuannya yang berusia 4, 7 dan 8 tahun dalam perjalanan dari arah Senggarang ke Minyak Beku.

"Apabila sampai di lokasi, berlaku kemalangan antara motosikal terbabit dengan sebuah lori yang dipercayai keluar dari simpang tanpa memberikan keutamaan kepada motosikal yang bergerak lurus di laluan berkenaan.

"Mangsa yang cedera parah di kepala maut di tempat kejadian manakala dua lagi pembonceng mengalami kecederaan di tangan dan kaki sementara penunggang motosikal mengalami kecederaan di bahagian muka dan dada. Pemandu lori pula tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya.

Kesemua mangsa yang cedera dirawat di Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI).

Kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) iaitu kesalahan menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau membahayakan.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak kurang dua tahun atau tidak lebih 10 tahun serta denda tidak kurang RM50,000 dan tidak kurang RM20,000.

FOTO IPD BATU PAHAT



Keadaan motosikal dinaiki empat beranak yang terlibat kemalangan dengan lori.

Dua pemuda ditemui selamat di perairan Aceh

Selepas operasi pencarian mereka dihentikan pada Sabtu

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
BALIK PULAU



Muhamad Ikmal (kiri) dan Nor Hasrul.

> *Bot Maritim Malaysia dijangka mengambil masa agak lama untuk sampai ke sempadan bagi mengambil mangsa.*
>
> - Sazalee Adam

Dua pemuda dilaporkan hilang selepas bot yang mereka naiki hanyut di perairan Kerancut, Kuala Sungai Pinang di sini pada Selasa lalu ditemui selamat di perairan Aceh, Indonesia.

Perkara itu disahkan oleh Ketua Polis Daerah Barat Daya, Asisten Komisioner Sazalee Adam yang menerima maklumat mengenai penemuan Muhammad Ikmal Hakimi Ismail, 22, serta rakannya, Nor Hasrul Abdullah, 25, di sempadan perairan Indonesia.

Menurutnya, pihak Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) sedang menguruskan bagi mengambil dan membawa pulang kedua-dua mangsa terbabit.

"Bot Maritim Malaysia dijangka mengambil masa agak lama untuk sampai ke sempadan bagi mengambil mangsa.

"Kedua-dua mangsa dijangka tiba ke Batu Maung di sini, kira-kira 3 pagi esok (Isnin)," katanya ketika dihubungi di sini, pada Ahad.

Sementara itu, Ismail Ibrahim, 51, bapa kepada Muhammad Ikmal, memberitahu, dia dihubungi pihak polis kira-kira 10 pagi Ahad memaklumkan mengenai penemuan anak dan rakannya dalam keadaan selamat.

"Allahuakhbar, hanya itu saya dapat ungkapkan dan dalam masa sama saya melakukan sujud syukur apabila dapat berita mereka selamat.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu dalam operasi mencari dan menyelamat anak kami serta rakannya itu," katanya kepada *Bernama* ketika dihubungi.

Sementara itu, ibunya, Hanita Ismail, 47, berkata, dia yakin anak keempat daripada lima beradik itu masih hidup.

"Itulah dikatakan naluri seorang ibu, memang kami sangat bersyukur kepada ALLAH SWT yang memakbulkan doa kami dan kita semua," katanya.

Mohamad Fitri Badiuzzaman, 38, bapa tiri kepada Nor Hasrul Abdullah pula berkata, mereka sekeluarga bersyukur selepas dimaklumkan anaknya itu ditemukan selamat dan ketika ini tidak sabar menanti kepulangannya.

"Alhamdulillah, ALLAH SWT dengar doa-doa kami agar dia ditemukan selamat...kalau tanya perasaan memang bersyukur dan gembira sangat. Ini hari paling gembira untuk kami," katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan dua pemuda dilaporkan hilang selepas bot yang mereka naiki hanyut di perairan Kerancut, Kuala Sungai Pinang di sini pada malam Selasa.

Difahamkan, kedua-dua mangsa keluar untuk memukat ikan namun hanyut selepas bot yang dinaiki mengalami kerosakan pada enjin.

Kedua-dua mangsa didapati menaiki sebuah bot berwarna biru dan merah yang tidak mempunyai nombor pendaftaran.

Operasi mencari dan menyelamat mangsa yang masuk hari kelima dihentikan pada Sabtu selepas tidak menemukan sebarang petunjuk.

Mahkamah & Jenayah

10 BERITA *SINAR HARIAN* PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG AHAD

1. 18 POLIS INDONESIA DITAHAN LAKUKAN PEMERASAN TERHADAP RAKYAT MALAYSIA
2. JOJO MAHU TUNTUT BELA KEKALAHAN ABANG DI TANGAN ESTUPINAN
3. PENCARIAN MH370 MUNGKIN BERHASIL
4. TERPAKSA JUAL KAMBING SERENDAH RM400 SEEKOR UNTUK BELI PERABOT
5. LEBIH SEJUTA KAD PENGENALAN DILAPOR HILANG - JPN
6. SINDIKET JUAL, SEWA MYKAD TERBONGKAR
7. 10 KEJADIAN TSUNAMI TERBESAR DI DUNIA
8. PRN SABAH: TAK MUSTAHIL PN, PARTI TEMPATAN BEKERJASAMA
9. PENCARIAN MH370: BAYARAN PERLU MUNASABAH, HADKAN TIDAK LEBIH RM100 JUTA
10. MENANG KALAH ADAT PERTANDINGAN, JANGAN ROSAK HARTA BENDA AWAM

Polis buka kertas siasatan kes resit tertera kenyataan hina Melayu, Islam

JOHOR BAHRU - Polis membuka tiga kertas siasatan berkaitan gambar resit pesanan satu jenama makanan segera yang mengandungi kenyataan berbaur penghinaan terhadap bangsa Melayu dan agama Islam di tiga daerah iaitu Kluang, Muar dan Batu Pahat.



M KUMAR

Ketua Polis Johor, Datuk M Kumar berkata, siasatan kes itu mengikut Seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948, Seksyen 298 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Menurut beliau, pihak polis telah mengesan penularan resit pesanan *tax invoice* jenama makanan segera bertarikh 19 dan 20 Disember lepas di tiga daerah terbabit dipercayai dipesan oleh individu sama.

"Laporan polis mengenai penularan resit tersebut telah diterima dan sebanyak tiga kertas siasatan berasingan telah dibuka.

"Kes masih di peringkat siasatan dan usaha mengesan serta menangkap suspek terlibat giat dijalankan," katanya dalam satu kenyataan.

Kumar menegaskan, polis memandang serius terhadap mana-mana pihak yang memainkan sentimen agama dan menyentuh sensitiviti kaum di platform media sosial hingga membangkitkan perpecahan keamanan serta menggugat keharmonian masyarakat.

"Tindakan tegas tanpa kompromi di bawah peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa akan diambil terhadap mana-mana individu dengan sengaja menggugat ketenteraman serta keselamatan awam," katanya.

Terdahulu, tular resit pesanan sebuah restoran jenama makanan segera di Kluang yang mengandungi kenyataan berbaur penghinaan itu.- *Bernama*

Warga emas berputih mata pelaburan RM823,000 lesap

BATU PAHAT - Seorang warga emas berputih mata apabila wang pelaburan berjumlah RM823,000 lesap, akibat terpedaya dengan pelaburan yang tidak wujud.

Menurut Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Shahrulanuar Mushaddat Abdullah Sani, siasatan awal mendapati pada 23 September lalu, peniaga berusia 61 tahun itu telah tertarik dengan satu iklan pelaburan menawarkan keuntungan yang tinggi.

Katanya, mangsa kemudiannya telah berurusan dengan individu tidak dikenali menerusi aplikasi WhatsApp.

"Dalam tempoh 18 November hingga 17 Disember 2024 mangsa telah memasukkan wang kepada dua akaun secara berperingkat berjumlah RM823,000.

"Selepas itu, mangsa melihat keuntungan yang diperoleh sebanyak RM1,100,190 dan mahu membuat pengeluaran wang, namun mangsa diminta membuat sejumlah pembayaran lagi jika mahu mengeluarkan wang keuntungan itu.

"Bagaimanapun, mangsa bertindak bijak apabila tidak membuat apa-apa bayaran seperti diminta sindiket kerana mulai berasa curiga terhadap kesahihan pelaburan berkenaan selain mengesyaki telah ditipu apabila tidak mendapat apa-apa daripada pelaburan tersebut," kata beliau.

Sinar Harian TELUS & TULUS
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Langkah tepat kuat kuasa pangkalan haram

KENYATAAN Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengenai isu larangan menggunakan pangkalan haram untuk menyeberangi sempadan negara dan Thailand di sepanjang Sungai Golok, berkuat kuasa 1 Disember adalah langkah tepat bagi memastikan usaha banteras sebarang kes jenayah dapat ditangani dengan baik.

Antara kes yang pernah direkodkan ialah jenayah penyeludupan pendatang asing tanpa izin (PATI) dan kontraban. Ini dibuktikan dengan kejayaan tangkapan yang direkodkan pihak berkuasa termasuklah PDRM dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Sinar Harian menerusi laporan khas pada Februari lalu mendedahkan aktiviti menyeberang Sungai Golok hanya mengambil masa kira-kira lima minit. Dianggarkan terdapat 140 pangkalan haram di sepanjang Sungai Golok dari Rantau Panjang ke Pengkalan Kubor yang menawarkan khidmat keluar dan masuk ke dalam negara dengan bayaran serendah RM3.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata, mana-mana individu yang menggunakan pangkalan haram untuk menyeberang sempadan negara dan Thailand di Sungai Golok, bermula 1 Disember lalu akan ditahan mengikut Seksyen 5(2) Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155).

Sudah tentu tindakan tegas ini bertujuan memperketat kawalan sempadan dan mengelak berlaku jenayah rentas sempadan dengan membawa barangan salah termasuklah dadah.

Namun, penguatkuasaan turut berdepan cabaran termasuk ancaman kepada petugas keselamatan. Perkara itu didedahkan Mohd Yusoff baru-baru ini apabila pihaknya menerima pelbagai ancaman susulan penguatkuasaan terbabit.

Dalam nada tegas, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain memberitahu, pihaknya tidak tergugat dengan ancaman berkenaan sebaliknya PDRM akan terus komited dengan tanggungjawab menegakkan undang-undang.

Sudah tentu, masyarakat perlu memberi dukungan kepada pihak berkuasa dalam menyalurkan maklumat bagi bersama membanteras kegiatan jenayah.

Ini sangat penting kerana kegiatan jenayah menyumbang kepada masalah ketenteraman awam.

Contohnya isu penyeludupan dadah, ia berisiko membabitkan golongan muda, manakala isu PATI menyumbang kepada ancaman keselamatan.

Diharap, kerajaan Malaysia dapat mencari jalan penyelesaian dalam memastikan sempadan negara terus dipelihara daripada dicerobohi pihak tidak bertanggungjawab.

Tayang jawapan merepek murid ibarat buka pekung



ANALISIS MUKA 16

AZLEENDA SAHALUDIN

Trend beberapa orang cikgu memuat naik video memaparkan kertas soalan peperiksaan yang dibiarkan kosong tanpa dijawab oleh murid atau tertera jawapan lucu dan merepek, mendapat perhatian pelbagai pihak.

Sesetengah pihak berpendapat situasi ini mengundang kebimbangan khususnya golongan guru dan ibu bapa terhadap perkembangan pendidikan anak-anak.

Malah ia memaparkan usaha mengajar para guru seakan-akan tidak dihargai dan terbukti melalui jawapan yang tidak menunjukkan kesungguhan murid dalam menuntut ilmu.

Ini kerana, setiap soalan dalam peperiksaan tidak kiralah semasa pertengahan penggal atau hujung tahun, adalah tidak lain dan tidak bukan bertujuan mencabar minda murid selain membantu perkembangan pembelajaran mereka.

Namun apabila situasi murid tidak menjawab soalan ujian atau lebih dahsyat lagi menulis jawapan mengarut telah mengundang rasa terluka di hati warga pendidik.

Akan tetapi, tindakan guru merekod video dan memuat naik di laman sosial pula bagaikan membuka pekung di dada kerana ia sedikit sebanyak menunjukkan kredibiliti seseorang guru dalam mendidik anak bangsa.

Jika para guru berpendapat dengan memuat naik video berkenaan adalah untuk menunjuk perasaan terhadap perubahan sistem pendidikan sehingga menjadikan murid hilang semangat untuk menduduki peperiksaan, ia satu perbuatan yang salah kerana menjadikan media sosial sebagai platform.

Bahkan kalau dilihat pada zaman dahulu isu ini seperti tidak mendapat perhatian kerana tiada media sosial untuk meluahkan perasaan manakala murid yang sebegini pasti akan diserap ke dalam kelas pemulihan.

Daripada terikut-ikut dengan trend video viral, alangkah baiknya jika para cikgu memberi perhatian penuh terhadap mana-mana murid yang tidak mampu menjawab soalan dan seterusnya meningkatkan kemampuan akademik mereka.

Walaupun perbuatan tidak menjawab soalan peperiksaan dan menghantar jawapan mengarut menunjukkan sikap sebenar sesetengah murid yang sudah mula hilang minat dalam mencapai kecemerlangan akademik, namun para guru harus menjadikannya sebagai satu cabaran dalam dunia pendidikan hari ini.

Tidak hanya itu, perubahan sistem pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan seharusnya disokong sekiranya kita ingin mengikuti jejak langkah negara maju seperti Finland, Jepun dan lain-lain.

Pada pandangan penulis pula, guru-guru tidak seharusnya menjadikan media sosial sebagai tempat memaparkan situasi murid yang sudah hilang keinginan dalam menuntut ilmu. Ini kerana, situasi ini memaparkan dua pandangan berbeza dan salah satunya adalah mempersoal nilai proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan oleh guru sendiri.

Apakah PdP yang dijalankan sepanjang tempoh beberapa bulan persekolahan tidak mampu menarik murid untuk menulis walaupun sedikit jawapan di dalam kertas peperiksaan? Atau sebenarnya soalan yang disediakan tidak terjangkau oleh pemikiran murid lebih-lebih lagi mereka yang baru sahaja memasuki alam persekolahan?

Walaupun begitu, penulis juga faham akan tindakan guru yang menjadikan media sosial sebagai medium maklumat untuk menunjukkan keadaan sebenar dunia pendidikan hari ini bagi memberi kesedaran kepada semua pihak bahawa ia bukanlah satu situasi yang boleh dipandang ringan.

Begitupun, dari sudut pandang lain pula, para guru perlu bertindak secara rasional dan menjadikan situasi genting ini sebagai satu cabaran yang perlu dipantau serta dibantu mengikut tahap keperluan setiap murid.

Ini untuk memastikan murid mengangkat martabat serta nilai sesebuah pendidikan dan mengambil serius terhadap penilaian yang dibuat menerusi peperiksaan.

Meskipun Kementerian Pendidikan Malaysia menegaskan untuk mengekalkan pemansuhan peperiksaan terutamanya Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), namun ia bukan alasan untuk tidak menumpukan secara penuh perhatian terhadap tahap pencapaian murid-murid di sekolah.

Jadikanlah situasi murid yang tidak menjawab soalan peperiksaan ini sebagai cabaran untuk membentuk satu alternatif baharu dalam dunia mendidik dan tidak menjadikan media sosial sebagai tempat luahan perasaan. Hal ini kerana, ia sedikit sebanyak bakal mengundang persoalan mengenai kredibiliti seseorang guru itu sendiri.

**Azleenda Sahaludin ialah Wartawan Sinar Bestari*

Nota Di Sebalik Tabir
Bersama MERAK JALANAN

Badai 2024 landa arena bola sepak negara

PEMINAT bola sepak Malaysia sudah pasti kecewa dengan mutu permainan yang ditampilkan pasukan kesayangan mereka hari ini. Mana tidaknya apabila Harimau Malaya gagal layak ke peringkat separuh akhir Piala ASEAN 2024, baru-baru ini, biarpun dibarisi beberapa pemain kacukan dan naturalisasi.

Pada peringkat kumpulan, sungguhpun menang, Harimau Malaya yang berada di ranking 132 dunia seakan-akan bergelut menentang Timor Leste iaitu pasukan di ranking 197, sebelum cabaran disekat Thailand dan Singapura.

Malangnya, ketika kejohanan berlangsung, ada beberapa pemain telah dipanggil pulang oleh kelab masing-masing. Merak Jalanan melihat ia satu situasi yang membimbangkan. Tidak pasti di mana silap dan apa puncanya.

Suatu ketika, penyokong atau 'ekor' Harimau Malaya kelihatan bangkit apabila permainan cantik mula ditampilkan di bawah kendalian Kim Pan Gon dari Korea Selatan pada tahun 2022.

Namun, apa yang Merak Jalanan lihat, tahun ini, pasukan bola sepak negara bagai dipukul badai apabila satu per satu kes melanda. Pan Gon telah meletak jawatan pada Julai lalu dalam situasi yang masih dirahsiakan puncanya.

Selain itu, apa yang Merak Jalanan boleh kongsikan, tanggal 5 Mei antara detik hitam sukan tanah air apabila Faisal Halim menjadi mangsa kes simbah asid oleh individu yang masih diburu.

Beberapa hari sebelum itu, pemain Terengganu FC, Akhyar Rashid disamun dan dicederakan di Kuala Terengganu.

Pada April, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah menjalankan siasatan ke atas Persatuan Bola Sepak Malaysia berhubung isu pembinaan projek Pusat Latihan Kebangsaan di Putrajaya.

Selain itu, pasukan kelab bola sepak tempatan seperti Kuala Lumpur City FC (KL City), Kedah Darul Aman FC dan Perak FC juga berdepan dengan masalah bayaran gaji pemain. Semoga krisis yang melanda bola sepak negara dapat ditangani dengan baik.

Sekolah sebagai hab makanan sihat



PENA NURANI

WAN IZAR HAIZAN

Bangsa Jepun sebelum Perang Dunia Kedua (WWII) dengarnya paling pendek di dunia. Purata tinggi lelaki mereka tidak sampai pun 1.6 meter, manakala wanita tidak mencecah 1.5 meter. Hari ini, tinggi purata tinggi lelaki dan wanita Jepun masing-masing naik sekurang-kurangnya 10 cm.

Sudah menjadi tradisi lama orang Jepun sukakan kesederhanaan. Mungkin terlalu sederhana dalam pemakanan, mereka bukan setakat makan dalam kuantiti kecil, tapi makanan mereka juga tidak cukup khasiat untuk membantu pembesaran. Walaupun banyak bergantung nasi, sayur-sayuran, ikan dan makanan berasaskan soya, makanan ini kurang protein yang cukup untuk menyokong pertumbuhan maksimum.

Setelah kalah teruk dalam WWII, Jepun tekad mahu bangkit semula. Untuk itu, kerajaannya sedar yang mereka memerlukan rakyat bukan saja mempunyai otak yang bijak, tapi lebih penting sihat dan kuat untuk membanting tulang membina negara. Menariknya, sebelum memodenkan negara, mereka memperbaiki sistem pemakanan rakyatnya dahulu. Mereka mula sedar kepentingan makan lebih banyak protein haiwan seperti daging, ayam dan susu dalam diet seharian.

Antara pelaburan terawal dan terbesar kerajaannya lakukan adalah melaksanakan Kyushoku di semua sekolah rendah dan menengah di Jepun. Kyushoku ialah program penyediaan makanan tengah hari untuk pelajar disediakan secara berpusat.

Berbeza dengan banyak negara lain yang makanan di kantin dijual secara komersial, Kyushoku diberikan percuma kepada murid di sekolah seluruh Jepun tanpa mengira latar belakang. Makanan ringan atau yang tidak baik untuk pertumbuhan langsung diharamkan masuk ke sekolah. Akhirnya, murid tiada pilihan selain makan apa saja makanan dihidangkan. Dalam erti kata lain, anak-anak mereka 'dipaksa' mengubah diet makan melalui sekolah.

Walaupun Kyushoku menjadi dasar kebangsaan mereka setelah tamat WWII, sebenarnya sejarahnya sudah bermula lebih awal, pada era Meiji (1868–1912). Pada masa itu, banyak kanak-kanak di Jepun mengalami kekurangan nutrisi kerana kemiskinan. Sebuah sekolah di Yamagata menjadi sekolah pertama Kyushoku dilaksanakan iaitu pada tahun 1899. Murid diberi onigiri (nasi kepal), ikan bakar dan acar. Kerana impak ketara, pada awal abad ke-20, sistem Kyushoku mula diperkenalkan di sekolah-sekolah lain seluruh negara, terutama di kawasan luar bandar yang paling miskin.

Kerana terlalu banyak berbelanja untuk perang, Kyushoku terpaksa dihentikan sementara pada tahun 1945. Selepas perang, Jepun menerima bantuan makanan daripada Amerika Syarikat melalui UNICEF dan organisasi lain yang banyak membekal susu tepung sebagai sumber protein dan kalsium kepada kanak-kanak.

Meskipun Jepun sudah berjaya keluar daripada kemiskinan dan menjadi negara kaya serta maju, mereka tidak pernah meninggalkan Kyushoku, malah diperkukuh pula. Kini sudah ada pakar pemakanan dilantik khusus untuk merancang menu memenuhi keperluan harian kanak-kanak.

Setelah beberapa generasi mereka terbiasa dengan amalan diet sihat sejak kecil, barulah Shokuiku atau pendidikan pemakanan diperkenalkan di sekolah. Dengan adanya Shokuiku, Kyushoku bukan hanya tentang memberi makanan yang baik dan seimbang, tapi murid juga diajar cara menyediakan makanan dengan betul dan bersih, menghargai dan menghasilkan makanan daripada biji benih.

Hari ini, satu dunia tahu yang orang Jepun mempunyai budaya makan terbaik di dunia, dari penghasilan hinggalah pengurusan sisa makanan. Bukan setakat anak, ibu bapa di Jepun juga bertuah kerana tak perlu pening kepala tentang sumber makan minum anak mereka di sekolah. Hasilnya, bukan setakat saiz orangnya yang semakin tinggi, tapi jumlah kanak-kanak Jepun yang gemuk atau terlebih berat juga direkodkan paling sedikit di dunia. Kadar penyakit berkaitan makanan juga rendah. Ini belum masuk cerita mereka menjadi bangsa mempunyai umur purata yang panjang.

Ia sebuah transformasi pendidikan yang mengagumkan, melahirkan pelapis negara yang bukan saja cerdas, tapi juga begitu sihat. Tapi transformasi ini, meskipun bermula di sekolah, ia bukanlah melalui kempen kesedaran atau membebankan murid mahupun guru dengan tambahan silibus baharu.

Sebaliknya, kerajaan Jepun membuat pelaburan luar biasa bijak, berbaloi dan strategik apabila memusatkan pemberian makanan bernutrisi tinggi kepada semua murid sekolah. Kini, dasar seperti Kyushoku turut dicontohi negara lain seperti Korea Selatan, Sweden dan Finland juga.

Alangkah baiknya jika anak-anak kita di Malaysia juga bernasib baik seperti di sana. Cuma tak pastilah, bila?

** Wan Izar Haizan merupakan penulis novel dengan nama pena Michiko Ohara*

Tular 'loaded Nachos' ala Mexico



PERSPEKTIF

NIK HASIF

Kebelakangan ini, dunia makanan di Malaysia semakin dikuasai arus gabungan yang pelbagai dari segi tradisi kulinari, mencipta pengalaman unik dan menarik bagi penggemarnya. Salah satu arus terbaharu semakin mendapat perhatian di negara ini ialah konsep BYOB (*Bring Your Own Bag*) yang memperkenalkan sentuhan baharu pada nachos yang berasal daripada Texas-Mexican (Tex-Mex).

Kini, BYOB boleh didapati di Malaysia dengan menu dan cita rasa Malaysia berbeza, memberikan gabungan kreatif yang menarik perhatian penggemar makanan.

Konsep BYOB mula tular menerusi TikTok setelah perusahaan trak makanan di Washington DC memperkenalkan konsep ini. Pelanggan hanya perlu membawa apa-apa beg cip, dan peniaga trak makanan akan mengisinya dengan daging cincang disaluti sayur-sayuran, turut dirincih halus seperti timun, bawang dan tomato. Selepas itu, mereka menyiramkan sos buatan sendiri seperti sos perisa bawang, BB atau mayones, diakhiri dengan taburan ketumbar.

Arus ini mula mencuri perhatian ramai usahawan dan penggemar makanan tempatan yang dikenali sebagai 'loaded Nachos', sekali gus mencerminkan kepelbagaian dan sifat inovatif masakan Malaysia dengan adanya pembauran nilai budaya Tex-Mex. Bukan itu sahaja, terdapat juga usahawan tempatan menawarkan makanan ini dengan membawa bekas sendiri dengan harga bermula RM10 ke atas.

Untuk benar-benar menghargai trend gabungan makanan baharu ini, penting untuk memahami sejarah nachos dan bagaimana ia menjadi makanan asas dalam masakan Texas-Mexican atau dikenali sebagai Tex-Mex. Pada abad ke-19, pendatang Amerika dan penduduk Mexico tinggal bersama di kawasan yang kini dikenali sebagai Texas. Kumpulan-kumpulan ini berasimilasi dan bertukar-tukar tradisi kulinari serta bahan masakan sehingga munculnya pelbagai menu gabungan unik dan dilabel sebagai kulinari 'Tex-Mex'.

Menurut sejarah, menu nachos tercipta pada tahun 1943 oleh Ignacio Anaya García, seorang pelayan restoran lelaki di Victory Club terletak di Piedras Negras, Coahuila, Mexico yang sangat berhampiran dengan sempadan Texas yang dikenali sebagai Eagle Pass. Sekumpulan wanita Amerika yang dikatakan para isteri kepada tentera yang berkhidmat di kawasan berhampiran tiba di restoran untuk makan malam. Namun, pada ketika itu restoran tutup dan cef sudah tiada.

Oleh itu, Ignacio mendapat idea untuk menyediakan sesuatu yang pantas dengan menghidangkan totopos iaitu roti tortilla yang dipotong tiga segi dan digoreng, kemudian ditambahkan keju cair dan potongan cili jalapenos. Wanita-wanita itu menyukai hidangan tersebut dan menamakan ia 'nachos' sempena nama singkatan penciptanya daripada 'Ignacio'.

Hari ini, nachos dinikmati di seluruh dunia terutamanya di Amerika Syarikat, Mexico dan ruah arus budaya gastronominya kini menular di Malaysia. Nachos yang sinonim dengan masakan Tex-Mex sering dihidangkan sebagai snek, pembuka selera atau hidangan utama di restoran santai, acara sukan dan juga pawagam. Bukan itu sahaja, 'Nacho' turut menjadi nama gelaran di kalangan orang tempatan di seluruh Rantau Amerika Latin dan Sepanyol yang mempunyai nama Ignacio.

Walaupun konsep BYOB 'nachos' di Malaysia memperkenalkan sensasi tempatan ke dalam hidangan, bahan utama yang menjadikan 'loaded Nachos' di Malaysia sebagai nachos adalah bergantung kepada jenis tepung tortilla dan hiasannya. Tortilla mestilah yang diperbuat daripada jagung, manakala hiasannya haruslah mempunyai bahan utama seperti sos guacamole (avocado), perahan limau nipis, juga cili jalapenos dan juga keju.

Kesimpulannya, elemen-elemen daripada Tex-Mex, Latin Amerika dan Mexico seperti nachos mula mendapat tempat dalam konteks tempatan di Malaysia, terutama dengan penyesuaian versi halal yang sesuai dengan keperluan dan cita rasa masyarakat kita. Keistimewaan ini tidak hanya memberikan peluang untuk menikmati hidangan yang berbeza, tetapi juga membuka ruang untuk memperkenalkan budaya masakan luar negara dengan sentuhan lokal yang lebih mesra masyarakat.

Menerusi budaya gabungan gastronomi Mexico-Malaysia ia juga boleh diragamkan dalam bentuk yang lebih kritikal sama ada diplomasi, perdagangan dan lain-lain yang menyumbang kepada soal pembauran yang positif antara dua buah negara.

** Dr Nik Hasif ialah Penyelidik Pusat Ilmu Kajian Amerika Latin, IKMAS-UKM*

Sinar Harian TELUS & TULUS
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Menginap sambil menimba ilmu agama

Pondok Nurul Hasanah tawar pakej penginapan rohani kepada pengunjung



Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Pakej penginapan sambil menimba ilmu agama tentunya sesuatu yang berbeza, namun bagi pengunjung inginkan kelainan, tentunya ia menjanjikan tarikannya tersendiri.


YUSRI

Bagi pengunjung yang ingin memanfaatkan waktu bercuti dengan aktiviti berfaedah, Pondok Nurul Hasanah (Warga Emas) Kampung Bukit Belimbing di sini menawarkan pengalaman bermakna itu.

Bukan sekadar menyediakan penginapan selesa tetapi pengunjung berpeluang mendalami pelbagai aspek ilmu agama Islam seperti fiqh, akidah, akhlak dan tafsir al-Quran.

Pengasasnya, Yusri Abd Karim, 59, berkata, kawasan seluas 1.2 hektar itu memberi peluang kepada individu yang ingin menambah pengetahuan agama dan ingin memperbaiki amalan ibadah harian.

"Kita menyediakan kawasan persekitaran tenang dan kehijauan semula jadi untuk membolehkan pengunjung beristirehat di samping boleh mendekatkan diri dengan Pencipta.

"Pengunjung juga boleh bersama-sama menunaikan solat Subuh berjemaah diikuti dengan sesi tazkirah dan motivasi rohani," katanya yang juga merupakan tenaga pengajar di pondok berkenaan.

Menurut Yusri lagi, pondok itu menyediakan sebanyak 11 bilik dengan dilengkapi katil dan tandas yang boleh memuatkan sehingga tiga orang dalam sesuatu masa di setiap bilik.

Setiap bilik juga, katanya, turut dilengkapi dengan kemudahan asas seperti bilik mandi dan pendingin hawa.

"Hanya serendah RM80, pengunjung boleh menginap di sini selama dua hari satu malam.

"Penginapan sambil belajar agama ini bertujuan untuk memperkukuhkan keimanan dan memperbaiki akhlak dalam kehidupan seharian.

"Kita mahu mengimarahkan budaya ilmu selain ingin mendapatkan keberkatan daripada AILLAH SWT dan paling penting pengunjung dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian," jelasnya.

Elemen pembelajaran rohani dan rekreasi itu, ujar beliau, diharap dapat memberi manfaat dan memantapkan semula iman.

Menurut Yusri, semua sesi pembelajaran agama diadakan di Surau Al-Hasanah yang dilengkapi dengan kemudahan kondusif dan selesa.

"Surau ini sentiasa diimarahkan dengan program penyucian jiwa dan kita berharap institusi rumah ibadah memberi manfaat berpanjangan dan berkekalan," jelasnya lagi.

Sejak pembinaannya kira-kira 12 tahun lalu, pondok itu, tambah Yusri, telah didatangi pelbagai tetamu untuk menimba ilmu.

Selain itu, katanya, pengunjung juga berpeluang bertanya khabar dan berkenalan dengan penghuni rumah pondok sedia ada.

"Penghuni rumah pondok ini terdiri dalam kalangan mereka yang ingin menimba ilmu secara berterusan dengan mengikuti program pengajian yang disediakan setiap hari.

"Uniknya, para pengunjung dapat berpeluang untuk beramah mesra dengan penghuni dan saling bertukar pendapat selain dapat mengeratkan silaturahim.

"Konsep percutian ini unik dan kita harap masyarakat dapat menerimanya sebagai salah satu pakej percutian menarik untuk dikunjungi," ujarnya.



Pengunjung boleh solat Subuh secara berjemaah dan mengikuti tazkirah serta motivasi rohani di surau yang disediakan di Pondok Nurul Hasanah.


Bilik penginapan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk pendingin hawa.



Pelbagai aktiviti keagamaan diimarahkan di Surau Al-Hasanah.


Terdapat sebanyak 11 bilik penginapan disediakan dan caj dikenakan serendah RM80 untuk penginapan selama dua hari satu malam.

Sinar BESTARI
GERBANG ASPIRASI GENERASI MAHIR



Pelajar seronok bermalam di perpustakaan m22

Untuk membaca artikel-artikel lain yang menarik, imbas kod QR ini.

PERSONALITI

Rahsia cemerlang pelajar perakaunan

Setiap pelajar pastinya ingin berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi.

Tahap kejayaan akan berada di kemuncak buat seseorang pelajar apabila digelar 'genius' dek pintar memahami, belajar dan menyelesaikan masalah dengan cekap serta cepat.

Kepintaran juga boleh dilihat dalam kemahiran tertentu seperti kecerdasan berkomunikasi, seni mahupun dalam bidang teknologi.

Namun, apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan genius? Adakah ia semata-mata merujuk kepada kecerdasan akademik atau kreativiti yang mengagumkan?

Kali ini, *Sinar Bestari* menampilkan dua pelajar dari Universiti Teknologi Mara (UITM) Shah Alam yang mengharumkan nama Malaysia menerusi kepintaran mereka.

Danish Zafran Bazam dan Amin Zulharis Basarudin masing-masing berada dalam kelompok lima terbaik dunia apabila cemerlang dalam peperiksaan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) baru-baru ini.

Jom kita lihat siapakah mereka!

Foto MOHD HALIM ABDUL WAHID

Foto MOHD HALIM ABDUL WAHID

'Wajib usaha, bukan kerana genius'

Dua pelajar UiTM duduki *ranking* lima teratas dunia peperiksaan ACCA kongsi kisah kejayaan



Oleh QURRATUL AINA QUDDUS

Perkataan 'genius' sering dituju kepada seseorang yang berjaya menempah nama di peringkat dunia dalam bidang pendidikan mahupun inovasi.

Kali ini, genius yang *Sinar Bestari* bawakan ialah dua pelajar universiti yang mengejutkan Malaysia, bahkan peringkat antarabangsa apabila merekodkan pencapaian terbaik iaitu merangkul empat pertama dan keempat dunia dalam peperiksaan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) tahun 2024.

Namun, gelaran itu disifatkan sangat berat buat pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Amin Zulharis Basarudin, 21, meskipun berjaya meraih tempat pertama di Malaysia dalam peperiksaan ACCA bagi kertas *Strategic Business Reporting* (SBR).

"Saya adalah individu yang sekiranya hendak berjaya, perlu berusaha.

"Bagi mendapatkan kedudukan dalam peperiksaan ACCA ini, seseorang itu perlu tahu arah tujuan dan kejayaan yang hendak dicapai.

"Saya tidak pernah mendapat pendedahan mengenai subjek Prinsip Perakaunan. Jadi, perlu berusaha untuk mencapai apa yang diingini," katanya baru-baru ini.

Imbas kod QR Podcast Bual Bestari.

Bagi sesetengah pelajar, berehat atau bermain telefon bimbit adalah lumrah sekiranya ada waktu terluang, namun tidak bagi Amin Zulharis.

Kongsi anak muda kelahiran negeri Kedah itu, dia lebih memilih ulang kaji pelajaran dengan komputer ribanya saban hari.

"Kalau berasa bosan, saya buka komputer riba untuk meneroka dan belajar sedikit. Tidak fokus pun tak apa, lihat-lihat sahaja subjek yang kita pelajari, sambil dengar lagu. Tiada masalah," katanya.

Ditanya mengenai sejarah pendidikan semasa di sekolah menengah, Amin Zulharis berkata dia belajar di sekolah aliran sains.

Ketika perintah kawalan pergerakan (PKP) akibat Covid-19, Amin Zulharis mengakui terdetik untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perakaunan selepas menonton berita di televisyen.

Tindakan itu berlaku selepas dia menyaksikan beberapa pelajar ACCA Malaysia menempah nama apabila berada dalam kedudukan terbaik bagi peperiksaan tersebut.

"Masa itu, ada juga pelajar Malaysia dapat nombor satu di dunia.

"Kita tengok pun rasa menarik, hendak jadi macam dia dan masuk ACCA.

"Walaupun di sekolah dan rumah tiada pendedahan dengan subjek ini, tetapi saya rasa seronok nak belajar," ujarnya lagi.



Profil

Nama: Amin Zulharis Basharudin
Umur: 21 tahun
Pendidikan: Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)
Universiti: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam
Pencapaian:
- Tempat pertama di Malaysia bagi subjek *Strategic Business Reporting* (SBR)
- Tempat keempat dunia bagi subjek SBR

Profil

Nama: Danish Zafran Bazam
Umur: 22 tahun
Pendidikan: Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)
Universiti: Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam
Pencapaian:
- Tempat pertama di Malaysia bagi subjek *Advanced Financial Management* (AFM)
- Tempat kedua dunia bagi subjek AFM



Danish Zafran (kiri) bersama rakan sekuliah di UiTM Shah Alam.

Danish pilih untuk fokus dua jam

SETIAP orang mempunyai masa tersendiri untuk kekal fokus dan memberi perhatian penuh semasa belajar atau membuat ulang kaji pelajaran.

Tempoh sesuai untuk belajar selalunya berbeza-beza bagi setiap individu bergantung kepada pelbagai faktor seperti rutin harian, kesihatan dan keutamaan peribadi.

Begitu juga dengan pelajar cemerlang dari UiTM Shah Alam, Danish Zafran Bazam, 22, yang mengakui tidak sanggup belajar untuk tempoh yang panjang.

Danish berkata, sukar untuk berdisiplin dengan tempoh yang ditetapkan itu tetapi dia memaksa diri mengulang kaji dan melakukan latih tubi hanya dalam tempoh dua jam.

"Saya cuba juga untuk dapatkan (belajar dalam tempoh) dua jam sehari. Kadang-kadang tidak menjadi pun tapi perlu cukupkan dua jam," tegasnya.

Meskipun ramai memanggil Danish sebagai seorang *nerd*, namun baginya itu bukanlah perkara yang menjengkelkan dan menganggap sebagai sebagai pujian.

Dia juga masih berusaha untuk menggunakan ilmu yang dipelajari sebaik mungkin.

"Saya tidak marah kalau digelar *nerd*. Itu anugerah tuhan, Alhamdulillah.

"Ilmu ini tuhan yang berikan, jadi saya perlu guna dengan baik," ujarnya.

Danish juga memberitahu bahawa bukanlah satu kewajipan untuk menjadi seorang pelajar genius, namun jika pelajar lain mempunyai minat terhadap sesuatu perkara, maka ia perlu dikejar.

Dia yang mempunyai minat mendalam terhadap nombor, sedaya upaya berusaha untuk berasa seronok dalam menimba ilmu itu.

REDAKSI Bestari
Editor Eksekutif Lifestyle: Meen Tahrin **Editor Eksekutif Sinar Bestari:** Nurbaya Abdul Rezak **Wartawan:** Roshlawaty Md Raieh dan Azleenda Sahaludin
Pereka Grafik: Asfalili Kasim dan Hazemi Nazahar **e-mel:** *sinarbestari@sinarharian.com.my*

Belajar subjek Prinsip Perakaunan dengan lebih seronok



NOTA RINGKAS

Pelajar boleh melakukan atau menyiapkan nota ringkas yang mudah difahami dan kemas supaya boleh mengingati setiap topik.



AKTIVITI DIGITAL

Gunakan permainan dalam talian yang ada di laman sesawang secara berkala.



AKTIVITI BERKUMPULAN

Libatkan semua pelajar dalam satu kelas mengenai topik berkaitan.



PENGLIBATAN PELAJAR

Guru perlu melibatkan pelajar sebelum, semasa dan selepas kelas supaya mereka lebih tertarik serta rasa ternanti-nanti untuk sertai kelas seterusnya.



PENDEKATAN DUNIA SEBENAR

Gunakan contoh dan kaitkan supaya pelajar dapat membayangkan perkara yang diterangkan dengan lebih jelas.



PRAKTIK SOALAN LATIH TUBI

Cari soalan-soalan tahun lepas atau contoh soalan dan cuba selesaikan.



BELAJAR MELALUI KAJIAN KES

Gunakan senario dunia sebenar seperti perniagaan kecil untuk memahami bagaimana perakaunan diaplikasikan.



GUNAKAN MEDIA SOSIAL

Ikuti akaun yang berkongsi tip perakaunan secara ringkas dan menyeronokkan.



APLIKASI PERAKAUNAN

Gunakan aplikasi seperti QuickBooks atau Wave untuk memahami bagaimana perakaunan digunakan dalam perniagaan sebenar.



FAHAM KONSEP ASAS DENGAN ANALOGI

Samakan persamaan perakaunan dengan sesuatu yang mudah difahami seperti 'akaun bank' untuk membantu memahami prinsip debit dan kredit.

FOTO ROSLI TALIB

Pelajar seronok bermalam di perpustakaan



Oleh NURBAYA ABDUL REZAK

Seramai 47 pelajar sekolah rendah dari sekitar Lembah Klang mengisi masa lapang mereka dalam satu program bermanfaat, *YES! Night At The Library* selama dua hari bermula Jumaat lalu.

Program yang julung kali dianjurkan *Sinar Bestari* bersama Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan mendapat kerjasama Pustaka Raja Tun Uda, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) di Shah Alam itu, berlangsung dengan meriah serta padat dengan pengisian berfaedah.

Peserta didedahkan dengan maklumat penting mengenai peluang kerjaya mengikut karakter dan diri masing-masing dalam beberapa slot oleh penganjur.

Mereka juga diajar untuk lebih berdisiplin menerusi pengurusan masa dan diri sendiri, selain bebas gajet mahupun telefon bimbit.





Solat Subuh berjemaah pada hari pertama YES! Night At The Library di Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam pada Sabtu.



Aksi peserta sewaktu pencarian kepingan *puzzle* dalam slot Misi Detektif Mencari Buku.



SEGARKAN BADAN DAN MINDA... Hari kedua program, peserta melakukan senamrobik di pekarangan Pustaka Raja Tun Uda yang turut menyediakan pemandangan indah.



Sesi pembentangan kumpulan mengenai input yang diperoleh sepanjang program dua hari itu.



Salah satu kumpulan pelajar membawakan watak sebagai jurutera dalam slot persembahan kebudayaan.



Pelajar diajar untuk mengurus diri dan berpeluang menginap dalam khemah.



Sesi tazkirah Subuh turut diselitkan aktiviti menceriakan peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah.


Muhamad Azrean bersama kambing ternakannya.

Jual kambing beli perabot

Hampir semua peralatan rumah rosak akibat bah

Oleh QURRATUL AINA QUDDUS
SHAH ALAM

Musibah banjir yang berlaku baru-baru ini meninggalkan kesan terhadap seorang penternak kambing apabila terpaksa menjual 40 haiwan ternakannya untuk menggantikan kelengkapan rumah yang musnah.

Menurut Muhamad Azrean Abd Aziz, 29, jumlah keseluruhan ternakan sudah dijualnya adalah 130 ekor untuk mendapatkan wang dan modal pusingan.

Katanya, bencana berlaku menyebabkan hampir keseluruhan barangan di kediaman miliknya rosak dan tidak boleh digunakan lagi.

"Banjir kali ini boleh dikatakan antara terburuk yang pernah saya alami hingga terpaksa menjual lebih 100 kambing untuk membeli perabot.

"Saya juga ada buat perkhidmatan sembelih dan sekiranya mana-mana pelanggan mahu daging sahaja pun ada dijual.

"Seekor kambing saya jual serendah RM400 saja, lagipun usia haiwan ini sudah boleh dibuat akikah," katanya kepada *Sinar Harian*.

Muhamad Azrean berkata, pihaknya juga melakukan penghantaran sekiranya ada individu berminat untuk membeli.

"Memang ada pelanggan minta daging siap diproses, cuma tempahan akan mengambil masa dua hingga empat hari penghantaran," ujarnya.

Meskipun berhadapan kesukaran termasuk terpaksa menjual hampir semua ternakannya, Muhamad Azrean mengakui perlu menyediakan kediaman dengan persekitaran lebih baik dan sempurna.

"Buat masa ini, saya akan uruskan rumah terlebih dahulu. Saya yakin akan ada rezeki lain selepas ini," katanya.


Kandang menempatkan kambing peliharaan milik Muhamad Azrean.


Keadaan sekitar kandang kambing Muhamad Azrean yang digenangi air ketika banjir baru-baru ini.

KITA SELANGOR

Orang ramai yang ingin membuat sebarang aduan atau melaporkan masalah dihadapi boleh berbuat demikian dengan menghantar mesej ke aplikasi WhatsApp menerusi nombor telefon 019-2650823 atau e-mel aduan@sinarharian.com.my selain hubungi talian 03-51017469

10 pagi hingga 8 malam setiap hari

SINAR @ NEGERI

KELANTAN 24

Air banjir mencecah hampir tiga meter

PAHANG 25

'Saya nampak tayar terbang ke arah kereta'

SELANGOR 26

Pemantauan tauliah elak agama terpesong


MERIAH... Pengunjung berkesempatan mengunjungi Pasar Besar Kedai Payang untuk mendapatkan keropok lekor, keropok keping dan pelbagai makanan lain semasa tinjauan sempena cuti sekolah di Kuala Terengganu. Meskipun cuaca sering hujan ekoran Monsun Timur Laut (MTL) sehingga dilanda banjir, namun keadaan itu tidak menghalang pelancong tempatan membanjiri lokasi tumpuan di sekitar negeri ini.

Sinar Harian TELUS & TULUS
KELANTAN PAHANG
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

'Hampir sebulan kami menumpang'

Dua beranak buntu rumah rosak dihanyut banjir, tidak mampu baiki kediaman

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
RANTAU PANJANG

BEREH BOH!

Dua beranak dari Kampung Che Daah, To'Deh di sini buntu memikirkan nasib mereka selepas kediaman berusia 30 tahun yang didiami rosak akibat dihanyutkan banjir pada 26 November lalu.

Lebih menyayat hati apabila Fatimah Hamat, 74, dan anaknya, Fauzi Mohamad, 52, hanya sempat membawa tiga helai baju bersama kain semasa keluar rumah bagi menyelamatkan diri kerana air naik dengan cepat.

Fatimah berkata, semasa hari kejadian, arus di kawasan rumahnya sangat deras manakala kedalaman banjir pula mencecah hampir tiga meter, sekali gus memaksa dua beranak itu menyelamatkan diri ke rumah saudara-mara yang terletak di atas bukit.

"Sepanjang 30 tahun saya tinggal di sini, inilah banjir paling teruk berlaku. Sebelum ini setiap kali musim tengkujuh air hanya menenggelamkan kawasan luar rumah sahaja tetapi semenjak pembinaan benteng di Sungai Golok kami terpaksa berpindah.

"Kali pertama rumah ini dilanda banjir pada tahun 2022 apabila ditenggelamkan air hingga ke paras dua meter. Kali ini hanya kelihatan bumbung serta rumah pula dihanyutkan," katanya kepada *Sinar Harian* pada Ahad.

Menurut ibu kepada tujuh orang anak itu, rumahnya itu kini tersangkut pada pokok rambutan serta kelapa selepas dihanyutkan arus deras banjir.

"Bahagian dapur dan bilik hilang sebahagiannya akibat dihanyutkan air.

"Barang-barang di dalam rumah semuanya rosak manakala sebahagiannya pula hanyut," tambahnya.

Fatimah memberitahu, dia dan anak lelakinya yang merupakan duda serta bekerja kampung itu kini hanya mampu menumpang di rumah saudara-mara.

"Sudah hampir sebulan kami menumpang. Hendak baiki rumah kami tidak mampu," katanya.



Fatimah dan Fauzi menunjukkan kediaman mereka yang rosak akibat dihanyutkan banjir pada 26 November lalu.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menyumbang ke akaun Bank Simpanan Nasional bernombor **03116-29-00004682-2**.

Bendera merah dikibarkan di pantai utama Pahang

KUANTAN – Semua pantai utama di Pahang kini dikibarkan bendera merah sebagai amaran kepada pengunjung agar tidak menjalankan sebarang aktiviti di air susulan keadaan laut bergelora dan angin kencang.



CHE ADAM

Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Pahang, Kolonel Pertahanan Awam (PA) Che Adam A Rahman berkata, bendera tersebut dinaikkan di pantai tumpuan seperti Teluk Cempedak, Pantai Batu Hitam dan Pantai Sepat di Kuantan serta Pantai Hiburan di Rompin selain beberapa lokasi lain.

Menurutnya, langkah itu diambil bagi memastikan keselamatan pengunjung, terutamanya ketika musim Monsun Timur Laut (MTL) yang sedang berlangsung sejak awal November lalu hingga Mac tahun depan.

"Bendera merah bermaksud pengunjung tidak digalakkan mandi di pantai kerana keadaan laut yang bergelora. Situasi ini membahayakan aktiviti seperti mandi-manda atau sukan pantai.

"Kami juga menempatkan pasukan penyelamat pantai APM di semua pantai utama di negeri ini dan mereka ini bertugas untuk memantau keadaan serta memberikan nasihat kepada pengunjung," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa pantai utama di daerah ini seperti Pantai Pelindung, Pantai Teluk Cempedak dan Pantai Batu Hitam mendapati bendera merah telah dikibarkan.



INFO BENDERA MERAH

- Tanda amaran laut bergelora, angin kencang
- Aktiviti mandi-manda, sukan pantai tidak dibenarkan

Bendera merah yang dikibarkan di Pantai Pelindung di Kuantan.

Guna kayu nibong bina jambatan sementara

TUMPAT - Lebih 1,400 penduduk Kampung Jubakar Pantai di sini terpaksa mengambil inisiatif sendiri membina jambatan menggunakan kayu nibong bagi menggantikan laluan yang terputus akibat banjir buruk pada 24 November lalu.

Bagaimanapun, jambatan tersebut hanya mampu dilalui oleh motosikal dan tidak selamat untuk kegunaan jangka panjang.

Justeru, Setiausaha Agung Pas, Datuk Seri Takiyuddin Hassan meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim agar memberikan perhatian khusus terhadap masalah berkenaan yang telah sekian lama membelenggu penduduk Kampung Jubakar Pantai.

"Laluan ini sangat penting untuk kehidupan harian penduduk kerana kehilangan akses tersebut telah menjejaskan urusan kerja, pendidikan dan keperluan asas mereka.

"Saya berharap kerajaan Pusat segera menyediakan peruntukan khas bagi membaik pulih laluan ini," katanya pada Sabtu.

Sebelum itu, beliau bersama ahli-ahli Parlimen Perikatan Nasional Kelantan mengadakan lawatan ke Kampung Jubakar Pantai bagi meninjau keadaan laluan utama yang terputus dan memberi kesan besar kepada penduduk setempat.

Lawatan diketuai oleh beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Bharu turut disertai oleh Ahli Parlimen Tumpat, Datuk Mumtaz Mat Nawi; Ahli Parlimen Rantau Panjang, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff; Ahli Parlimen Pasir Mas, Ahmad Fadhli Shaari dan Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal.



Penduduk Kampung Jubakar Pantai bergotong royong membina jambatan kayu nibong bagi kegunaan sementara.

Sehubungan itu, beliau berkata, satu rancangan jangka panjang perlu dilakukan bagi memastikan kejadian seperti itu tidak berulang, sekali gus meningkatkan kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar.

"Kami akan terus memperjuangkan hak rakyat sehingga masalah ini diselesaikan. Penduduk kampung tidak boleh dibiarkan terus menanggung beban ini tanpa tindakan yang konkrit," katanya.

Terpaksa sedekah makanan ditempah

Pemilik restoran rugi RM13,000 dakwa ditipu lelaki menyamar pegawai kerajaan

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN
KOTA BHARU



Makanan yang ditempah siap dibungkus untuk dihantar ke pejabat kerajaan dimaksudkan.

Seorang pemilik restoran nasi kerabu terkenal di sini kerugian lebih RM13,000 dipercayai ditipu seorang lelaki yang menyamar sebagai 'pegawai kerajaan' sehingga makanan yang ditempah terpaksa disedekahkan kepada orang ramai.

Kerugian terbabit melibatkan kos bahan mentah untuk membuat nasi kerabu seperti sayuran, ayam, kambing serta pembelian cenderamata bagi tempahan 100 individu serta khemah.

Pemilik LapaDooh, Nik Roslina Raja Ismail berkata, pihaknya menerima tempahan melalui telefon pada 11 Disember daripada seorang lelaki berusia lingkungan 30-an.

"Dia ingin mengadakan majlis pada jam 8 malam, 15 Disember. Selain menempah makanan seperti nasi kerabu, kuih-muih untuk 100 orang, dia juga meminta kami menyediakan cenderamata.

"Cenderamata itu perlu dibeli melalui pembekal yang dicadangkan olehnya. Di situlah, saya mengesan sesuatu yang tidak kena," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.

Menurut beliau, beberapa jam sebelum majlis diadakan, suaminya telah ke pejabat kerajaan yang dimaksudkan dan menunjukkan surat rasmi diberikan pegawai terbabit.

Ujarnya, mereka terkejut selepas diberitahu logo pada surat terbabit adalah logo lama.

Katanya, menyedari ditipu dan majlis tersebut tidak berlangsung, akhirnya makanan yang disediakan terpaksa disedekahkan kepada orang ramai.

Katanya, susulan itu beliau telah membuat laporan polis untuk tindakan lanjut.

Tidak mengaku rogol anak saudara teman wanita



Tertuduh dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Ahad.

JOHOR BARU - Seorang penjual kelapa mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad atas tiga pertuduhan merogol seorang remaja perempuan berusia 14 tahun yang juga anak saudara teman wanitanya di sebuah hotel di Tampoi di sini pada Julai lalu.

Tertuduh Loh Kam Faht, 35, membuat pengakuan berkenaan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman setelah pertuduhan dibacakan terhadapnya oleh jurubahasa mahkamah.

Berdasarkan ketiga-tiga pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan perbuatan tersebut di sebuah hotel di Tampoi sekitar jam 10.30 pagi pada 2, 9 dan 29 Julai 2024 lalu.

Bagi kesemua pertuduhan tersebut, tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan dan hendaklah diseksa dengan hukuman penjara bagi tempoh yang boleh sampai 20 tahun dan boleh juga dikenakan sebat.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Farah Wahida Shahudin sementara tertuduh diwakili peguam Syufri A. Samad dan Mohd Fahmi Jamil.

Pihak pendakwaan mencadangkan jaminan RM30,000 dengan tiga syarat tambahan iaitu tertuduh tidak boleh mengganggu mana-mana saksi pendakwaan, perlu melapor diri di balai polis berhampiran sebulan sekali dan menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Bagaimanapun peguam tertuduh memohon jaminan bersesuaian kerana tertuduh tidak mempunyai pendapatan tetap selain menanggung ibu yang menghidap kencing manis dan sakit jantung

Mahkamah kemudiannya membenarkan jaminan sebanyak RM20,000 berserta tiga syarat tambahan.

'Saya nampak tayar terbang ke arah kereta'



Kereta dinaiki mangsa yang dirakam menerusi kamera papan pemuka kenderaan lain yang turut melalui jalan tersebut.

JERANTUT - Perjalanan pulang tiga beranak bersama seorang rakan ke rumah bertukar menjadi detik cemas apabila sebiji tayar dari treler tercabut lalu menghempap kereta yang dinaiki mereka di Kilometer 14 Jalan Jerantut-Maran-Kuantan berhampiran Jambatan Sungai Salan di sini pada Sabtu.

Kejadian kira-kira jam 5.15 petang itu tular di laman sosial hasil rakaman kamera papan pemuka kenderaan lain yang melalui laluan tersebut.

Mangsa, Mohamad Afiq Syahmi Mohd Ramlan, 28, yang memandu kereta Honda City berkata, kejadian berlaku ketika dia bersama isteri, anak perempuan berusia dua tahun dan seorang rakan isterinya dalam perjalanan dari Bandar Jengka ke Jerantut.

Menurutnya, kejadian berlaku dalam sekelip mata dan tidak sempat mengelak tayar yang melayang ke arah kenderaannya.

"Saya nampak tayar terbang dan bergolek ke arah kereta. Saya cuba mengelak ke kiri jalan, namun tayar itu menghentam bahagian hadapan kereta sebelum melanggar pintu kanan hadapan dan belakang.

"Saya terus berhenti dan semua keluar dari kenderaan untuk pergi ke kawasan selamat di tepi jalan," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Jerantut, Superintenden Zukri Muhammad mengesahkan menerima laporan mengenai kejadian terbabit.

Lelaki cemas kereta Mercedes-Benz C200 dipandu terbakar

BERA - Seorang lelaki berusia 39 tahun berdepan detik cemas apabila kereta Mercedes-Benz C200 dipandunya terbakar di tepi jalan di Kilometer 10 Jalan Bera-Mayam di sini pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Bera, Superintenden Zulkiflee Nazir berkata, kejadian kira-kira 12.45 tengah malam itu disedari selepas mangsa terhidu bau hangit melalui pendingin hawa.

Menurutnya, sejurus itu, mangsa terus berhenti di tepi jalan dan membuka bonet sebelum melihat api.

"Api terus merebak ke seluruh kenderaan berkenaan.

"Mangsa sempat meminta bantuan pengguna jalan raya lain sebelum menghubungi bomba," katanya.

Ujar beliau, siasatan awal mendapati kemungkinan berlaku litar pintas dalam kenderaan tersebut sehingga menyebabkan kebakaran.

"Anggaran kerugian belum dapat dipastikan dan punca kebakaran masih dalam siasatan," tambahnya lagi.

MEJA BULAT
Diskusi Mencipta Resolusi
SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA:
SELEPAS 60 TAHUN, DI MANA SILAPNYA?
IMBAS UNTUK TONTON VIDEO PENUH

Sinar Harian TELUS & TULUS
SELANGOR/KL KELANTAN KEDAH
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Pemantauan tauliah elak agama terpesong

MAIS nafi syarat dikenakan Selangor lebih ketat berbanding negeri lain

Oleh NORAFIZA JAAFAR
SHAH ALAM

Tidak timbul isu syarat mengajar agama di Selangor terlalu ketat sehingga beberapa penceramah ditarik tauliah mereka.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata, syarat dan peraturan yang ditetapkan itu tidak jauh beza dengan negeri-negeri lain.

Menurutnya, masalah tidak akan timbul jika tenaga pengajar dan penceramah mematuhi syarat ditetapkan.

"Peraturan telah diberi dan boleh dikatakan negeri lain pun menetapkan syarat lebih kurang sama. Syarat ini perlu difahami dan dipatuhi.

"Saya melaksanakan tugas mengikut titah tuanku Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah," katanya mengulas dakwaan segelintir pihak bahawa tauliah mengajar agama di Selangor terlalu ketat berbanding negeri lain.

Sebelum ini *Sinar Harian* melaporkan, tauliah mengajar Mohd Masri Mohd Ramli ditarik selepas melanggar peraturan pengajaran agama Islam di Selangor.

Penarikan itu disyorkan Jawatankuasa Tauliah selepas siasatan terperinci dijalankan oleh Jawatankuasa Kecil Aduan dan Siasatan selaras dengan Peraturan-Peraturan Tauliah Bagi Pengajaran Agama Islam (Negeri Selangor) 2024.

Ia selepas MAIS menerima aduan awam berhubung salah laku Mohd Masri.

Selain Mohd Masri, tauliah mengajar pendakwah selebriti, Ustaz Don Daniyal Bon Bijayid turut ditarik pada Julai lalu.

Abdul Aziz berkata, kawalan dan pemantauan tauliah mengajar dilakukan bertujuan mengelak ilmu agama terpesong atau disalah guna.

"Kawalan perlu dilakukan bagi mengelak keadaan huru-hara atau pengajaran Islam tidak tentu hala.

"Kita mahu pengajaran ini memupuk semangat bersatu-padu dan jangan ada berpecah belah," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Konvokesyen Program Pengajian Sepanjang Hayat kali ke-4 di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini pada Ahad.

Seramai 177 graduan berjaya menamatkan pengajian dalam Pensijilan Awam Pengurusan Masjid, Pensijilan Awam Pengurusan Halal Dan Pensijilan Awam Fiqh Wanita.



Abdul Aziz (tengah) menyampaikan skrol pada Majlis Konvokesyen Program Pengajian Sepanjang Hayat kali ke-4 di SACC pada Ahad.

Program merupakan anjuran Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor dengan kerjasama Universiti Islam Selangor.

Ia dianjurkan di 32 buah masjid terpilih seluruh Selangor bagi mendidik masyarakat agar mencintai ilmu dan beramal dengannya.

55,000 al-Quran rosak akibat banjir

PASIR MAS - Sebanyak 55,000 naskhah al-Quran rosak berjaya dikumpulkan di tiga negeri yang terjejas banjir pada gelombang pertama dan kedua Monsun Timur Laut (MTL) baru-baru ini.

Setiausaha Bahagian Penguatkuasaan dan Kawalan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Nik Yusaimi Yussof berkata, kitab suci itu diterima daripada mangsa dan masjid yang terjejas banjir di Kelantan, Terengganu dan Kedah.

Menurutnya, jumlah itu dijangka meningkat kepada 150,000 naskhah di seluruh negara hingga akhir monsun pada Mac nanti.

"Inisiatif mengumpulkan al-Quran rosak ini bermula pada 4 Disember lalu dan setakat ini sejumlah 55,000 naskah atau 25 tan al-Quran musnah akibat ditenggelami banjir diterima oleh KDN.

"Kelantan ialah negeri tertinggi penghantaran jumlah al-Quran rosak iaitu sebanyak 12.5 tan atau 25,000 naskhah dan dipercayai masih ada banyak lagi kitab suci ini yang rosak akibat banjir dapat dikumpulkan selepas ini," katanya.



Nik Yusaimi (tiga dari kiri) menyampaikan al-Quran baharu kepada mangsa banjir, Zakaria Omar baru-baru ini.

Beliau berkata demikian sempena Lawatan Kerja dan Solidatiri ke Rumah Kakitangan terjejas banjir serta Gotong-royong di Masjid Taman Maka Utama di sini pada Isnin.

Pada program itu, komuniti setempat berpeluang menukarkan al-Quran yang rosak akibat banjir kepada naskhah baharu melalui sumbangan dan hibah daripada KDN kepada umum.

Sebanyak lima pusat pengumpulan al-Quran rosak khas dibuka di Kelantan susulan banjir membabitkan masjid utama masing-masing dua di Bachok dan Pasir Mas serta satu di Tumpat.

"Di seluruh negara ada pusat pengumpulan al-Quran rosak yang mana ia menjalani proses pelupusan dengan cara betul mengikut syarak.

"KDN juga bekerjasama dengan pejabat agama, pihak berkuasa tempatan dan badan bukan kerajaan untuk membantu kami mengumpul al-Quran rosak," katanya.

'Larangan ambil gambar dalam masjid untuk kebaikan semua'

ALOR SETAR - Masjid Jamek Darulaman Guar Lobak, Padang Serai di daerah Kulim tampil memberi penjelasan tentang video larangan jurugambar mengambil gambar dalam masjid seperti yang tular di TikTok.

Imamnya, Ahmad Farid Osman berkata, pihak masjid sebelum ini tidak pernah melarang jurugambar untuk mengambil gambar pasangan yang akad nikah di masjid tersebut.

Bagaimanapun katanya, tindakan itu terpaksa diambil selepas beberapa peristiwa berlaku ketika acara akad nikah berlangsung di masjid sehingga mencetuskan ketidakselesaan anak kariah beberapa tahun lepas.

"Pihak masjid kemudiannya menetapkan beberapa garis panduan antara masjid dan jurugambar, namun kejadian itu berulang.

"Jawatankuasa masjid akhirnya mengambil keputusan tidak lagi membenarkan jurugambar mengambil gambar dalam masjid untuk kebaikan semua kerana prihatin dengan ketidakselesaan anak kariah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Sabtu.



Tangkap layar video tentang larangan jurugambar ambil gambar dalam masjid yang tular di TikTok.

Menurutnya, pihaknya juga memahami keinginan pengantin sekali gus turut melantik jurugambar khas untuk merakamkan gambar pasangan ketika acara akad nikah di masjid berkenaan.

Al-Quran panduan sabar dan syukur

Doktor, jururawat antara 200 peserta Hospital Selayang #QuranHour: #SavingTheUmmah

Oleh FOUZIAH AMIR
KUALA LUMPUR



Warga kerja Hospital Selayang dan barisan panel yang menyertai Hospital Selayang #QuranHour.

Lebih 200 warga kerja termasuk doktor, jururawat dan kakitangan pentadbiran menyertai program Hospital Selayang #QuranHour: #SavingTheUmmah yang diadakan di Hospital Selayang baru-baru ini.

KITA SELANGOR

Jurulatih Utama Akademi Sinergi Ikhlas Sdn Bhd (ASISB), Muhammad Faiz Abdul Karim berkata, surah al-Fatihah, al-Baqarah, al-Saff dan al-Dhuha menjadi pilihan utama sesi tadabbur program tersebut.

Menurutnya, pilihan surah berkenaan adalah sebagai panduan penting untuk membimbing kehidupan manusia agar lebih tenang, terarah dan dekat kepada ALLAH SWT.

"Surah al-Fatihah yang dibaca 17 kali sehari dalam solat adalah pembuka kehidupan yang membantu menghilangkan kesedihan dan kekecewaan.

"Bismillah pada ayat pertama mengingatkan kita untuk sentiasa memohon bantuan dan keberkatan ALLAH SWT dalam setiap perkara. Dengan ucapan bismillah, hati menjadi lebih yakin bahawa ALLAH SWT menjaga dan melindungi kita.

"Ucapan Alhamdulillah pula merangkumi segala puji kepada ALLAH SWT atas nikmat-Nya yang tidak berbatas. Jika kita berasa tidak dihargai, ingatlah bahawa pujian adalah milik ALLAH SWT. Kesedaran ini menjadikan hati lebih tenang," katanya.



MOHD NOR AZRI

Hospital Selayang #QuranHour: #SavingTheUmmah merupakan program anjuran Persatuan Kebajikan Warga Islam Hospital Selayang dan Hospital Mesra Ibadah dengan kerjasama Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF).

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah serta al-Baqarah yang dipimpin oleh qari, Halim Zainuddin dan disusuli sesi tadabbur oleh Muhammad Faiz.



Dari kiri: Jamil, Muhammad Faiz dan Halim menyampaikan pengisian ketika program Hospital Selayang #QuranHour.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, surah al-Baqarah menyebut tentang kitab bermaksud sesuatu tersusun sebagai rujukan dan panduan kehidupan yang ditetapkan ALLAH SWT.

"Ia adalah panduan lengkap untuk menjadikan manusia berjaya baik di dunia mahupun akhirat. Manakala surah al-Saff bermaksud saf atau barisan kita bekerja untuk ALLAH SWT.

"Selain manusia, semua yang di langit dan di bumi bertasbih. Dalam surah tersebut, ALLAH SWT mengingatkan orang beriman untuk bercakap dan perbuatan perlu seiring.

"Surah al-Dhuha menekankan sabar menghadapi ujian. Surah ini yang diturunkan selepas tempoh wahyu terhenti menenangkan hati Rasulullah SAW dengan jaminan bahawa kesudahan lebih baik daripada permulaan," ujarnya.

Dalam pada itu, jurulatih, Jamil Wahab menerusi sesi kedua program berkonsepkan audio siar iaitu Soul Fitness & Wellness #Quran berkata, perkataan *me time* tidak bermaksud diri berseorangan, namun ALLAH SWT sentiasa bersama.

"Masa tersebut perlu dimanfaatkan untuk kita mendekati al-Quran. Ayat empat surah al-Dhuha, ALLAH SWT menjanjikan sesungguhnya kesudahan lebih baik daripada permulaan iaitu kesukaran dialami Rasulullah SAW dalam menyampaikan risalah.

"Dalam hidup ini, kita perlu ada tujuan yang jelas untuk dicapai. Sekiranya ada ujian, kita mudah menguruskannya. Jadilah diri kita yang memberi manfaat kepada orang lain," ulasnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah yang juga pakar bius, Dr Mohd Nor Azri Abdul Wahab berkata, pendekatan tersebut bukan sahaja meningkatkan kesedaran kesihatan mental malah turut memupuk nilai positif warga kerja.

"Al-Quran sebagai panduan menyuntik semangat warga kerja untuk terus berbakti dengan ikhlas. Ia menyuburkan suasana spiritual yang harmoni di tempat kerja," katanya.

WUIF menganjurkan program #QuranHour: #SavingTheUmmah di pelbagai organisasi sebagai langkah kesinambungan projek Quran Corner dan penyebaran al-Quran wakaf hasil sumbangan orang ramai.

MEJA BULAT
Diskusi Mencipta Resolusi
SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA: SELEPAS 60 TAHUN, DI MANA SILAPNYA?
IMBAS UNTUK TONTON VIDEO PENUH

APA KATA MEREKA?



Program ini sebahagian pengisian Wacana Minda yang diadakan setiap bulan di hospital. Peserta didedahkan cara berinteraksi dengan al-Quran melalui kaedah baca, faham, dan amal."

- Setiausaha Persatuan Kebajikan Warga Islam Hospital Selayang, Syed Ahmad Asri Syed Alwi



Saya bersyukur dengan kerjaya sekarang yang boleh dijadikan ibadah untuk mendapat ganjaran baik di dunia dan akhirat."

- Penyelia Jururawat, Rohaya Abdul Ghani



Al-Quran bukan sekadar dibaca tetapi perlu digali untuk memahami isi kandungannya melalui tadabbur. Tugas yang digalas sekarang memang banyak cabaran. Dengan meningkatkan nilai kesabaran dan syukur, ia membuatkan kerja jadi lebih ikhlas."

- Penyelia Jururawat, Nora Misran



Pada awalnya saya menyertai program #QuranHour untuk memahami surah al-Fatihah tetapi ia membuka mata saya mengenai kepentingan memahami al-Quran sebagai panduan kehidupan. Membaca bismillah dalam setiap perkara menyentuh hati saya untuk mengamalkannya dan ingin dikongsikan dengan keluarga."

- Pembantu Keselamatan, Noorliyana Zaini

Sinar Harian
S@B
SINAR @ BISNES

BURSA

Trend niaga Bursa Malaysia dijangka tidak berubah

KUALA LUMPUR - Bursa Malaysia diunjur mengekalkan trend diniagakan tidak berubah pada minggu ini sehingga terdapat pemangkin baharu, kata Rakuten Trade Sdn Bhd.

Naib Presiden Penyelidikan Ekuitinya, Thong Pak Leng berkata, firma pembrokeran itu menjangkakan dagangan lengang berikutan cuti umum Krismas, diikuti cuti Tahun Baharu.

Pak Leng berkata, dari segi teknikal, prospek jangka pendek FBM KLCI kekal berhati-hati, mencerminkan momentum perlahan dan isyarat pemulihan yang lemah, manakala pemulihan jangka sederhana memerlukan pergerakan harga yang mantap, melebihi purata pergerakan eksponen 50 hari (EMA).

"Prospek jangka panjang pula kekal memberangsangkan selagi paras sokongan utama dikekalkan," katanya kepada *Bernama*.

MATA WANG

Musim cuti pengaruhi pergerakan ringgit

KUALA LUMPUR - Ringgit dijangka diniagakan dalam julat kecil pada paras 4.50 hingga 4.52 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) pada minggu ini, memaparkan ketidaktentuan dan sentimen berhati-hati dalam kalangan peniaga sewaktu tempoh cuti Krismas.

Rakan Pengurusan SPI Asset Management Stephen Innes berkata, aktiviti dagangan juga dijangka suram susulan musim cuti manakala pasaran pertukaran mata wang asing tidak dijangka menyaksikan sebarang pergerakan yang ketara.

"Kemungkinan berlakunya turun naik ketara adalah rendah melainkan sebarang kejadian geopolitik atau ekonomi. Berikutan itu, pasaran dijangka kekal tenang," katanya kepada *Bernama*.

Atas alasan itu juga, Stephen menjangkakan ringgit kekal stabil dan berlegar menghampiri paras sama pada akhir urus niaga minggu ini.

Prestasi ringgit juga secara konsisten lebih rendah berbanding dolar AS sepanjang minggu lalu, di tengah-tengah ketidaktentuan prospek kadar faedah AS, terutama selepas Rizab Persekutuan AS memberi petunjuk pengurangan kadar faedah yang lebih sedikit pada 2025.

Faktor lain turut berkait rapat dengan data ekonomi AS yang optimis dan memberi sokongan lanjut terhadap dolar AS.

EKONOMI



Inflasi keseluruhan Malaysia menyusut kepada 1.8 peratus tahun ke tahun pada November lalu, berkurangan daripada 1.9 peratus pada Oktober. - *Gambar hiasan*

Inflasi diunjur meningkat tahun 2025

Dipacu pembaharuan dasar domestik seperti rasionalisasi subsidi RON95 dan perluasan skop SST

KUALA LUMPUR

Hong Leong Investment Bank (HLIB) mengunjurkan inflasi meningkat pada tahun 2025, dipacu oleh pembaharuan dasar domestik seperti rasionalisasi subsidi bahan api RON95 dan skop cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang diperluaskan.

Dalam nota penyelidikan, HLIB berkata, tekanan harga global yang dijangka dijejaskan lagi oleh dasar dilaksanakan Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump berupaya mempengaruhi aliran inflasi pada tahun depan.

"Dengan mempertimbangkan faktor-faktor ini, di samping pertumbuhan domestik mampan dan kecenderungan Rizab Persekutuan AS baru-baru ini untuk menaikkan kadar faedah, kami menjangkakan Bank Negara Malaysia mengekalkan kadar dasar semalaman pada 3.0 peratus pada 2025, melaksanakan pendekatan tunggu dan lihat," katanya.

Inflasi keseluruhan Malaysia menyusut kepada 1.8 peratus tahun ke tahun pada November, berkurangan daripada 1.9 peratus pada Oktober di tengah-tengah kos pengangkutan yang menyederhana dan penurunan besar dalam bidang maklumat dan komunikasi.

Menurut HLIB, data inflasi pada November lebih rendah berbanding unjuran konsensus 2.1 peratus tahun ke tahun.

Sementara itu, inflasi teras kekal stabil pada 1.8 peratus tahun ke tahun. - *Bernama*

KEWANGAN

Sambut baik had kenaikan premium insurans

KUALA LUMPUR - Persatuan Perancang Kewangan Malaysia (FPAM) menyambut baik langkah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengehadkan kenaikan premium tahunan bagi insurans perubatan dan takaful pada 10 peratus.

Presiden FPAM, Alvin Tan bagaimanapun menegaskan bahawa kos perubatan yang meningkat dan penggunaan penjagaan kesihatan harus ditangani bagi mengelak kenaikan premium yang ketara selepas tahun 2026.

"Penyelesaian jangka panjang yang mampan amat diperlukan untuk memastikan produk MHIT (insurans/takaful perubatan dan kesihatan) kekal mampu milik untuk semua," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Presiden Persatuan Kebangsaan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Malaysia (NAMLIFA), Krishnan Appanu menggesa agar ITO bersikap lebih telus dalam memanjangkan tempoh perubahan premium selama sekurang-kurangnya tiga tahun untuk semua pemegang polisi yang terjejas.

"BNM harus memastikan ITO mengeluarkan notis terperinci dan telus mengenai kuantum kenaikan dan menyediakan pilihan yang adil untuk pemegang polisi," katanya kepada *Bernama*.



Kos perubatan yang meningkat dan penggunaan penjagaan kesihatan harus ditangani bagi mengelak kenaikan premium yang ketara selepas tahun 2026. - *Gambar hiasan*

Avopops bersaing dengan jenama lain

Bekas pekerja sektor minyak dan gas tukar bidang jual aiskrim

Oleh NORHASPIDA YATIM
KEMAMAN









Amir bersama produk yang dihasilkan dan peti sejuk beku yang dibekalkan di premis-premis perniagaan sekitar Terengganu dan Kuantan, Pahang.

Sekatan ke luar negara akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) empat tahun lalu menjadi titik permulaan seorang pekerja sektor minyak dan gas mencuba bidang baharu iaitu perniagaan aiskrim.

Amir Deraman, 40, berkata, sepanjang tempoh PKP, dia sepatutnya ke luar negara untuk bekerja, namun berdepan masalah untuk mencari sumber pendapatan lain bagi menyara keluarga, lantas tercetus idea membina kilang pembuatan aiskrim dan pencuci mulut sejuk beku berasaskan buah-buahan sebenar.

Menurutnya, banyak kekangan dialami pada peringkat permulaan, antaranya dari segi modal, namun ia dapat diatasi dengan bantuan keluarga terdekat.

"Ketika Covid-19 memuncak, saya sukar untuk bekerja. Jadi saya terfikir untuk cuba nasib menghasilkan produk sendiri. Tapi produk itu mestilah berkualiti dan dapat berdiri sebagai satu jenama yang akan dikenali ramai.

"Selain itu, saya juga berdepan persaingan dari segi penerimaan produk bumiputera sebagai pelopor aiskrim di pasaran serta tempat pemasaran produk tersebut," katanya kepada *Bisnes Sinar*.

BISNES Rakyat

Bapa kepada tiga cahaya mata itu berkata, dia membangunkan jenama Avopops diinspirasikan daripada avokado kerana baginya, buah yang kaya dengan khasiat itu jarang dijadikan sebagai pencuci mulut di negara ini.

Ujarnya, kilang aiskrim yang terletak di Taman Chukai Utama, Kemaman, Terengganu mula beroperasi pada Oktober 2020.

Jelas Amir, dia mengetengahkan konsep perniagaan 'jober para' iaitu dengan cara membekalkan peti sejuk beku ke premis-premis perniagaan di sekitar Kuantan, Pahang dan Terengganu.

"Ketika mula-mula beroperasi pada tahun 2020, saya bekalkan lima peti sejuk beku bermula dengan lima cawangan Petronas iaitu di Jakar, Kemaman; Paka 2, Kerteh 2, Mukim Sura dan Sura 2.

"Selepas empat tahun beroperasi, saya kini dapat membekalkan 60 unit peti sejuk beku ke premis perniagaan di sekitar Kuala Nerus, Terengggganu sehingga ke Kuantan, Pahang.

"Kebanyakan aiskrim yang dihasilkan ini dibekalkan ke stesen minyak serta kedai-kedai berhampiran," katanya yang mempunyai empat pekerja.

Anak keempat daripada 10 adik-beradik itu berkata, jenama yang diusahakan itu berasaskan buah sebenar dan tanpa tambahan pewarna makanan serta perisa tiruan.

"Agak sukar untuk memasarkan produk baharu, dalam masa sama jenama lain telah lama kukuh di pasaran. Bagaimanapun, saya jadikan itu sebagai cabaran agar produk ini terus berjaya menambat hati orang ramai, dalam masa sama, saya saya dapat menyediakan snek sihat terutama untuk kanak-kanak," katanya.

Halal

Amir berkata, dia telah mendaftarkan jenama tersebut di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 25 September 2020 sebelum mula beroperasi agar kualiti dan jenama produk tersebut dipelihara daripada sebarang peniruan.

"Saya bersyukur kerana usaha keras dalam membangunkan jenama Avopops membolehkan saya memperoleh sijil Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 3 Februari 2022.

"Jenama ini juga mendapat pengiktirafan melalui sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada 1 April 2023," ujarnya yang memiliki latar belakang pendidikan diploma.

Menurut Amir, terdapat 10 jenis aiskrim buah-buahan serta coklat dihasilkan di kilangnya.

"Kita menghasilkan aiskrim daripada buah-buahan segar avokado, strawberi, beri campuran, mangga, durian belanda, *dragon berries* dan nanas MD2.

"Terdapat juga aiskrim perisa lain seperti *belgian chocolate*, *vanilla cookies* dan *cookies crumble*. Kesemua produk tersebut dijual pada harga RM3.50 hingga RM3.90," katanya.

Di sebalik kejayaan Amir, sudah tentu ada individu yang menyokong usaha yang dilakukan untuk menjana ekonomi keluarga.

Jelas Amir, isterinya, Aina Halim, 39, sentiasa berada di sisi dan menyokong setiap usaha yang dilakukan dan sentiasa ada di saat susah dan senang.

"Isteri dan keluarga saya sentiasa menjadi pendorong yang membakar semangat untuk saya terus melangkah dalam bidang ini. Tidak kiralah jatuh bangun saya dia sentiasa ada di sisi.

"Sebab itulah saya berharap supaya suatu hari nanti saya dapat membuktikan bahawa jenama ini mampu berdiri dan pergi lebih jauh lagi.

"Saya juga harap dapat menjadi pembekal aiskrim tempatan yang kekal diterima dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan menawarkan aiskrim lain daripada yang lain di pasaran," ujarnya.

LATAR BELAKANG SYARIKAT

AVOPOPS

Alamat: K9597, Tingkat Bawah, Jalan Kubang Kurus, Taman Chukai Utama 24000 Kemaman Terengganu
No telefon: 0189079790
Instagram: Avopops.etc
TikTok: Avopops.etc
Fb Page: Avopops.etc



Peti sejuk beku yang dibekalkan di premis perniagaan sekitar Terengganu dan Kuantan, Pahang.

SUMBER: AFP

SINAR @ GLOBAL

"Ukraine telah menjadi lubuk pembuat senjata Barat untuk mengaut keuntungan daripada peperangan yang berlarutan selama lebih dua tahun. Kiev kini 'lombong emas' buat kompleks industri ketenteraan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya untuk mendapat hasil jualan senjata lumayan."



- Duta Tetap Rusia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Vassily Nebenzia

AS tembak jatuh jet pejuang sendiri

WASHINGTON - Jet pejuang Amerika Syarikat (AS) ditembak jatuh secara tidak sengaja di Laut Merah ketika kejadian pada awal pagi Ahad.

Pusat Perintah AS (CENTCOM) mengesahkan kedua-dua juruterbang tentera laut yang terlibat insiden itu bagaimanapun terselamat dan salah seorang daripadanya cedera ringan.

"Ia bukan disebabkan tembakan musuh. Siasatan telah dilancarkan untuk mengenal pasti punca kesilapan tersebut," ujar CENTCOM dalam satu kenyataan.

Maklumat awal mendapati kapal penjelajah peluru berpandu, *USS Gettysburg* tersilap melepaskan tembakan ke atas pesawat pejuang *F/A-18* yang terbang dari kapal berasingan, *USS Harry S Truman*.

Kesilapan memalukan itu berlaku di tengah-tengah serangan yang dilancarkan pemberontak Huthi di Yemen ke atas kapal dagang yang ada kaitan dengan Israel di Laut Merah dan Teluk Aden.

Sejak lebih setahun lalu, tentera AS turut menembak jatuh beberapa dron milik Huthi dan misil cruise antikapal di Laut Merah. - *AFP*



Sikap lewa jadi punca?

Orang ramai memberi penghormatan kepada mangsa di tugu peringatan sementara berhampiran lokasi rempuhan berdarah di Magdeburg.

Pemerintah Jerman tak hirau amaran awal, gagal cegah rempuhan berdarah

BERLIN

Pemerintah Jerman pada Ahad berdepan soalan bertubi-tubi dan kemarahan orang ramai selepas beberapa media mendakwa tragedi rempuhan berdarah di pasar Krismas sebenarnya boleh dicegah jika ancaman itu diambil secara serius.

Akhbar *Die Welt* memetik sumber keselamatan mendedahkan, polis negeri dan persekutuan telah melakukan penilaian risiko terhadap suspek warga Arab Saudi, Taleb al-Abdulmohsen pada tahun lalu, namun membuat kesimpulan secara melulu bahawa dia tidak mengancam keselamatan negara meskipun kebanyakan catatan di media sosial pelaku itu berunsur ugutan.

Pelaku itu juga berpandangan anti-Islam dan ternyata tidak puas hati dengan dasar migran dan pemohon suaka dilaksanakan Berlin.

Canselor Jerman, Olaf Scholz mengecam tragedi menggemparkan itu yang turut meragut lima nyawa termasuk kanak-kanak berusia sembilan tahun, manakala lebih 200 dilaporkan cedera ketika komuniti setempat sedang membuat persiapan untuk meraikan Hari Natal.

Suspek didakwa memandu kenderaan jenis SUV dengan laju secara sengaja ke arah orang ramai di bandar Magdeburg pada Jumaat lalu.

Difahamkan, Abdulmohsen, 50, adalah seorang doktor psikiatri dan telah menetap di Berlin selama hampir 20 tahun.

Menerusi wawancara bersama *AFP* pada 2022, dia pernah menggambarkan dirinya sebagai seorang ateis dan sentiasa berkongsi sentimen Islamofobia dan unsur kebencian di platform media sosial.

Sehingga kini, pihak berkuasa masih menyiasat motif sebenar dia berbuat demikian.

Taha al-Hajji di Pertubuhan untuk Hak Asasi Manusia berpusat di Berlin percaya Abdulmohsen yang kini ditahan pihak berkuasa mengalami gangguan psikologi dengan rasa penting diri yang melampau hingga mendorongnya bertindak di luar kawalan.

Dalam perkembangan berkaitan, perkhidmatan rahsia di Riyadh dilaporkan telah memberi amaran awal tentang suspek pada 2023 dan 2024 berdasarkan pandangan ekstremisme yang dimuat naik di platform X yang secara terang-terangan mengancam keamanan dan keselamatan.

Kementerian Hal Ehwal Luar Saudi dalam satu kenyataan turut menzahirkan simpati terhadap keluarga mangsa dan komuniti yang terkesan tragedi itu.

Riyadh sekali lagi mengulangi pendirian mereka dan senada dengan Liga Muslim Sedunia yang menentang sebarang bentuk keganasan.

Sebagai langkah berjaga-jaga menjelang musim perayaan, kawalan keselamatan telah dipertingkatkan di kesemua pasar Krismas di seluruh negara termasuk mengerahkan pasukan polis di Hamburg, Leipzig dan bandar berisiko lain. - *Agensi*

Helikopter terhempas di hospital Turkiye

ANKARA - Sekurang-kurangnya empat maut selepas sebuah helikopter terhempas di sebuah hospital di barat daya Turkiye pada Ahad.

Gabenor wilayah Mugla, Idris Akbiyik berkata, nahas itu disebabkan kabus tebal dan siasatan lanjut untuk mengenal pasti punca sebenar telah pun dijalankan.

Difahamkan, helikopter tersebut berlepas dalam keadaan jarak penglihatan yang terhad dari bumbung hospital setinggi empat tingkat di bandar Mugla menuju ke bandar Antalya.

"Ia bagaimanapun hanya sempat berlegar-legar selama beberapa minit sebelum terhempas di padang lapang bersebelahan kompleks yang direMpuhnya," menurut laporan media tempatan.

Kemalangan itu berlaku kira-kira dua minggu selepas enam anggota tentera terkorban dalam kejadian pelanggaran dua helikopter ketika latihan ketenteraan di wilayah Isparta. - *AFP*

Gempa kuat sekali lagi gegar Vanuatu

PORT VILA - Gempa berkekuatan 6.1 skala Richter sekali lagi menggegar Vanuatu pada awal pagi Ahad, kira-kira lima hari selepas gegaran kuat meragut 12 nyawa.

Gegaran terbaharu itu dilaporkan berlaku pada kedalaman 40 kilometer (km) dan terletak kira-kira 30km dari barat di ibu kota yang turut dilanda siri gempa susulan sejak Selasa lalu.

Pihak berkuasa bagaimanapun tidak mengeluarkan amaran tsunami di Efata yang berdepan kemusnahan teruk akibat gempa berkekuatan 7.3 skala Richter sebelum ini.

Sementara itu, data terkini menunjukkan angka mangsa cedera gempa pada Selasa lalu mencecah 210 orang manakala seramai 1,698 penduduk hilang tempat tinggal. - *AFP*

Google Maps rungkai kes bunuh

Gambar jadi petunjuk membawa kepada penahanan dua suspek

MADRID

Siapa sangka aplikasi *Google Maps* telah membantu penyiasat Sepanyol merungkai misteri pembunuhan yang berlaku setahun lalu.

Pihak berkuasa di wilayah utara Castile dan Leon memulakan siasatan kes itu pada November 2023 setelah menerima aduan tentang kehilangan seorang lelaki.

Ia kemudiannya membawa kepada penahanan seorang wanita yang merupakan pasangan mangsa dan seorang lelaki di wilayah Soria pada 12 November lalu.

Imej *Google Street View* itu jelas menunjukkan seorang individu sedang memasukkan objek dibalut plastik putih ke dalam but kereta.

Siasatan polis berdasarkan petunjuk *Google Maps* itu akhirnya menemukan mayat mangsa yang sudah mereput di sebuah tanah perkuburan pada awal bulan lalu.

Secara kebetulan, ia adalah pertama kali dalam tempoh 15 tahun kenderaan Google merakamkan imej untuk *Street View* di bandar Tajueco tersebut.

Satu lagi gambar urutan yang agak kabur menunjukkan seorang individu mengangkut bungkusan putih tersebut ke dalam kereta sorong.

Akhbar *El Pais* melaporkan mangsa merupakan seorang warga Cuba berusia 33 tahun.

Kematiannya terbongkar setelah pelaku menggunakan telefon bimbit mangsa dan menghantar mesej yang mencurigakan kepada ahli keluarganya. - *Agensi*



Imej *Google Street View* itu jelas menunjukkan seorang individu sedang memasukkan objek dibalut plastik putih ke dalam but kereta.

Isteri curang seret suami sejauh 200m

CIPAYUNG - Seorang wanita tergamak mengheret suaminya menggunakan kereta sejauh 200 meter (m) setelah kantoi curang.

Suspek dikenali sebagai MS, 31, bertindak sedemikian terhadap mangsa, AG, 35, ketika kejadian di Jalan Raya Ceger, Kelurahan Ceger, Kecamatan Cipayung, Jakarta Timur pada awal November lalu.

Siasatan awal pihak berkuasa mendapati MS tidak berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah.

"Insiden itu berlaku selepas AG menemui isterinya di sebuah pangsapuri. Mangsa menuntut penjelasan MS, namun tidak dihiraukan isterinya. MS sebaliknya terus masuk ke dalam kereta.

"Dia terus memandu kereta itu dengan laju meskipun kaki AG tersangkut di bahagian tempat duduk hadapan dan tubuhnya terseret di jalan sebelum terjatuh," ujar jurucakap polis lagi.

Akibat insiden itu, AG mengalami cedera parah termasuk patah tulang kaki manakala isterinya didakwa melakukan penzinaan dan penganiayaan. - *Agensi*

SPEKTRUM GLOBAL




Beberapa kanak-kanak bermain salji di Prospect Park di daerah Brooklyn, New York.



Patung ikonik *Squid Game*, Young-hee setinggi 12 meter ditempatkan di Sungai Chao Phraya untuk tujuan promosi menjelang tayangan musim kedua siri popular dari Korea Selatan itu.



Seorang pemuda menjalankan perniagaan membaiki basikal di kem pelarian Bureij di tengah Genting Gaza.



Gorila di Zoo Bioparc di Fuengirola membuka hadiah Hari Natal sambil disaksikan kumpulan pengunjung.



Kumpulan penunjuk perasaan melepaskan belon tertera potret anggota Kabinet haluan kanan pimpinan Perdana Menteri, Benjamin Netanyahu ketika demonstrasi antikerajaan.

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Bukit Golan bukti ketamakan Israel

Beri alasan kawasan dataran tinggi strategik itu aset penting untuk keselamatan Tel Aviv

Susunan MARLISSA MOHAMMAD KAMAL
TEL AVIV



Israel menduduki kawasan yang menjadi pertikaian itu selepas Perang Enam Hari pada 1967.

Israel meneruskan rancangan jahat untuk merampas Bukit Golan yang merupakan sebahagian wilayah Damsyik, berkeluasan kira-kira 1,800 kilometer persegi yang diduduki Tel Aviv sejak 1967.

Kawasan yang menjadi pertikaian itu yang menghadap empat negara termasuk Syria, Lubnan dan Jordan dianggap sebagai kedudukan tentera yang strategik.

Demi merealisasikan pelan rampasan itu, rejim Tel Aviv telah memperuntukkan lebih AS$11 juta (RM49.6 juta) kononnya untuk menggalakkan pertumbuhan demografi di Bukit Golan.

Perdana Menteri, Benjamin Netanyahu memberi alasan mahu menambah populasi pendatang haram Yahudi di kawasan tersebut setelah ia sewenang-wenangnya mengisytiharkan Bukit Golan sebagai 'milik Israel selama-lamanya'.

Tel Aviv melihat kawasan itu sebagai aset penting untuk keselamatan negara kerana dataran tinggi tersebut didakwa memberi kelebihan kepada rejim Zionis berbanding Damsyik, Beirut dan Amman.

Kempen pencerobohan dilancarkan Israel ke atas zon penampan di selatan Syria pada 8 Disember lalu telah meruntuhkan gencatan senjata yang berkuat kuasa selama setengah abad.

Zionis bukan hanya menceroboh kawasan Gunung Hermon di kawasan Bukit Golan malah menempatkan pasukan tentera dengan menubuhkan satu lagi zon penampan secara unilateral.

Israel mempertahankan operasi ketenteraan itu atas alasan pertukaran kerajaan susulan kejatuhan rejim presiden digulingkan, Bashar al-Assad untuk membatalkan gencatan senjata dan memberi alasan tentang keperluan meneutralkan potensi ancaman daripada kerajaan sementara yang kini memimpin Syria.

Kemaraan pasukan tentera Israel ke bahagian timur Bukit Golan yang didakwa Netanyahu sebagai kedudukan pertahanan sementara itu bagaimanapun mencetuskan kecaman komuniti antarabangsa terutamanya negara Teluk.

Gencatan senjata runtuh

Tiada negara mengiktiraf kedaulatan Israel ke atas Bukit Golan sehingga Mac 2019 apabila Presiden ke-45 Amerika Syarikat (AS), Donald Trump secara unilateral menyokong sekutu kuatnya dengan mengisytiharkan kawasan itu sebagai sebahagian daripada wilayah Israel.

Syria telah berulang kali menuntut pengunduran Zionis dari kawasan tersebut, namun ia enggan berganjak kononnya atas faktor keselamatan.

Ketika Perang Arab-Israel pada 1973, Damsyik pernah cuba merampas semula Bukit Golan, tetapi gagal dan membawa kepada kesepakatan untuk memeterai perjanjian gencatan senjata, setahun selepas itu.

Sejak lima dekad lalu, Bukit Golan secara relatif 'agak tenang' sebelum Israel menghebahkan rancangan kontroversi untuk merampas seluruh kawasan tersebut.

Pada tahun 2000, Tel Aviv dan Damsyik pernah mengadakan rundingan peringkat tertinggi tentang pelaksanaan pelan damai, tetapi dialog tersebut tergendala.

Sejak beberapa minggu lalu, beberapa ahli politik Israel telah menzahirkan bantahan berhubung pelan peluasan kawasan penempatan haram Yahudi tersebut.


Antaranya, bekas Perdana Menteri, Ehud Olmert yang berpendapat beliau tidak melihat sebarang alasan munasabah kepada Israel untuk berbuat demikian.

"Netanyahu maklumkan Tel Aviv tidak berniat mahu meneruskan konfrontasi dengan Syria dan kami berharap tiada rancangan untuk berperang dengan kerajaan baharu tersebut.

"Tetapi, mengapa beliau bertindak sebaliknya? Kita sudah ada banyak masalah lain untuk ditangani," sindirnya. - *Agensi*

Info

- Kira-kira 31,000 pendatang Yahudi mendiami kawasan di Bukit Golan yang turut menjadi tempat tinggal kira-kira 24,000 puak minoriti Arab, Druze yang taat setia kepada rejim Assad. Selepas menduduki Bukit Golan, Israel pernah menawarkan hak kerakyatan kepada mereka, namun tawaran itu ditolak dan kebanyakannya masih warga Syria.
- Kawasan Pemisahan (zon bebas tentera) terletak kira-kira 400 kilometer (km) persegi antara kedudukan tentera Syria dan Israel.
- Perjanjian pemisahan dimeterai pada 31 Mei 1974 menubuhkan Garisan Alpha di bahagian barat Kawasan Pemisahan pada kedudukan tentera Israel manakala Garisan Bravo di bahagian timur adalah had jarak tidak boleh dilangkaui tentera Syria.
- Lokasi seluas 25km di luar Kawasan Pemisahan di kedua-dua bahagian digelar sebagai 'Kawasan Dihadkan' yang mengenakan sekatan terhadap jumlah penempatan anggota tentera dan jenis senjata yang boleh ditempatkan di zon tersebut.
- Terdapat satu titik lintasan antara Israel-Syria yang digunakan anggota Pasukan Pemerhati Pemisah PBB (UNDOF), sejumlah orang awam Druze dan untuk laluan pengangkutan hasil pertanian.
- Sejak perang saudara tercetus di Syria pada 2011, bahagian Syria di di wilayah Quneitra itu pernah dikawal puak penentang rejim Assad sebelum dirampas semula oleh tentera kerajaan yang disokong Rusia pada 2018.





Kereta kebal milik Israel menceroboh garisan gencatan senjata di Bukit Golan pada 8 Disember lalu.

PROMOSI BERMULA
RM 86.40
SEHARI
Maybank
514271254025
(Sinar Karangkraf Sdn Bhd)

TELUS & TULUS
Sinar Harian KLASSIFIED
sinarharian.com.my

019-267 3431
AMRI ISMAIL
amrisinarharian@gmail.com

011-1122 2848
ZULKARNAIN
zulkarnain@karangkraf.com

03-8966 2508
PEJABAT

TANAH DIJUAL | JAWATAN KOSONG | JAWATAN KOSONG | JAWATAN KOSONG | JAWATAN KOSONG | NOTIS | NOTIS | NOTIS

LOT UNTUK DIJUAL

No. Hakmilik : HSD 2634

PT : 358

Mukim : PEKAN SUNGAI BESAR

Daerah : SABAK BERNAM

Luas : 594.56 m.p.

Hubungi 019-550 8018

Untuk beriklan dengan kami sila hubungi tel: 03 8966 2508

PBA
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd.
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Kekosongan Jawatan

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:-

NO.	JAWATAN	JABATAN	NO. RUJUKAN JAWATAN	KEKOSONGAN
1.	Juruteknik (Kontrak)	Fasiliti	142/2024	1

Jawatan yang ditawarkan adalah kontrak untuk satu (1) tahun. Penyerapan ke jawatan tetap adalah tertakluk kepada penilaian prestasi kerja

Maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang Syarikat http://www.pba.com.my/vacancy
Tarikh Tutup Permohonan: **06 JANUARI 2025**



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI PERLIS (PLANMALAYSIA PERLIS)

NOTIS PEMBERITAHUAN TENTANG LAPORAN TINJAUAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN) PERLIS 2040 (KAJIAN SEMULA) UNTUK DIPERIKSA

LAPORAN TINJAUAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PERLIS 2040 (KAJIAN SEMULA)

Merujuk subseksyen 9(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], adalah dengan ini diberitahu bahawa salinan-salinan Laporan Tinjauan Rancangan Struktur Negeri Perlis 2040 (Kajian Semula) tersebut telah sedia untuk diperiksa bermula pada 16 Disember 2024 hingga 16 Januari 2025 pada tarikh, tempat dan masa Seperti Berikut:

	Tempat	Jenis Pameran	Tarikh	Masa
1.	Pejabat PLANMalaysia Perlis (JPBD Negeri Perlis)	Pameran Tetap	16 Disember 2024 – 16 Januari 2025	Isnin – Jumaat (9.30 pg – 4.30 ptg)
2.	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Perlis (BPEN)			
3.	Lobi Majlis Perbandaran Kangar, Perlis			
4.	Konkos Kuala Perlis, Perlis	Pameran Bergerak	16/12/2024 – 23/12/2024	Ahad – Jumaat (10.00pg – 5.00 ptg)
5.	C-MART Arau, Perlis		24/12/2024 – 31/12/2024	
6.	Plaza Niaga Padang Besar, Perlis		1/01/2025 – 8/01/2025	
7.	Pusat Khidmat Dun Sanglang		9/01/2025 – 16/01/2025	

** Pameran akan diadakan setiap hari Ahad hingga Jumaat kecuali hari Sabtu mengikut lokasi yang ditetapkan.*

Orang awam adalah dijemput untuk memeriksa Laporan Tinjauan (Maklumat, Pencapaian & Potensi Semasa) Negeri Perlis. Pandangan dan bantahan berkenaan Laporan Tinjauan tersebut boleh menggunakan borang bantahan awam yang disediakan dan dikemukakan sebelum atau pada **23 JANUARI 2025.**

Cadangan dan bantahan terhadap Laporan Tinjauan RSN ini boleh dikemukakan di lokasi pameran yang telah ditetapkan atau melalui email yang dinyatakan seperti dibawah:

PENGARAH
PLANMALAYSIA PERLIS,
ARAS 2, BLOK B, KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PERLIS,
PERSIARAN WAWASAN, 01000 KANGAR, PERLIS

Tel : 04-970 8448
E-mail : rancamaju.perlis@gmail.com

Bantahan juga boleh dibuat secara atas talian menggunakan *Google Form* dengan mengimbas *QR Code* berikut

Pengarah,
PLANMalaysia Perlis,
Perlis



Sinar Harian TELUS & TULUS
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Ahmed al-Sharaa wira baharu Syria



Al-Sharaa berucap selepas berjaya menggulingkan Presiden Bashar al-Assad di Damsyik.

Al-Sharaa (dua dari kiri) bergambar dengan delegasi Kementerian Luar Jerman.

HTS pimpinan beliau buka lembaran baharu selepas penggulingan rejim Assad

Susunan ZULHILMI HAT
DAMSYIK

Sebagai komander cawangan al-Qaeda dalam Perang Saudara Syria, Abu Mohammed al-Jolani merupakan seorang anggota pimpinan yang misteri dan sentiasa mengelak daripada menjadi perhatian umum, walaupun kumpulannya menjadi puak paling berkuasa menjatuhkan Presiden Syria Bashar al-Assad, baru-baru ini.

Kini, beliau yang menukar nama kepada Ahmed al-Sharaa merupakan individu paling terkenal di Damsyik selepas menjenamakan semula kumpulannya dan memimpin puak pembebas Syria.

"Masa depan kini milik kita," kata al-Sharaa dalam satu kenyataan yang disiarkan stesen TV tempatan, di mana beliau turut menekankan peranan utama yang akan beliau pegang selepas 50 tahun di bawah pimpinan dinasti Assad.

Menarik perhatian kepada usahanya untuk memastikan peralihan teratur, beliau mengisytiharkan institusi-institusi negara akan kekal di bawah kawalan Perdana Menteri dilantik Assad sehingga berlaku peralihan jawatan.

Dengan berpakaian seragam tentera, al-Sharaa juga melawat Masjid Umayyad yang dibangunkan sejak abad kelapan di Kota Lama Damsyik, sambil diiringi penyokong yang merakam detik itu sambil melaungkan 'Allahuakbar!'.

Sebelum muncul sebagai wira Hayat Tahrir Al-Sham (HTS), iaitu sebuah kumpulan yang sebelum itu dikenali sebagai Barisan Nusra, beliau pernah bergelar komander cawangan al-Qaeda ketika perang saudara tercetus di Syria.

Berusia awal 40-an, beliau merupakan pemimpin paling digeruni dalam kalangan puak penentang rejim Assad selepas memutuskan hubungan dengan al-Qaeda pada 2016.

Personaliti Global

Tubuh Barisan Nusra

Sebagai jaminan kepada kumpulan minoriti Syria yang selama ini khuatir dengan nasib mereka di bawah kepimpinan baharu, al-Sharaa bertindak meredakan kebimbangan golongan itu.

"Al-Sharaa lebih bijak berbanding Assad. Beliau telah melakukan pembaharuan, menjalin hubungan dengan sekutu-sekutu baharu, dan tampil dengan kempen bagi memikat hati golongan minoriti," kata pakar Syria dan ketua Pusat bagi Kajian Timur Tengah di Universiti Oklahoma, Joshua Landis.

Kumpulan HTS di bawah pimpinan beliau pernah diisytihar sebagai kumpulan pengganas oleh beberapa negara termasuk Amerika Syarikat (AS).



Sekumpulan lelaki memegang bendera kebangsaan semasa meraikan kejatuhan rejim Assad di Damsyik.

Pada 2013, Washington menyenaraikan al-Sharaa sebagai pengganas dan mendakwa al-Qaeda di Iraq telah menugaskannya untuk menggulingkan pemerintahan Assad dan menubuhkan undang-undang Islam di negara bergolak itu.

Sejak Assad mula memerintah lebih sedekad lalu, al-Sharaa dan Barisan Nusra tampil sebagai puak paling berkuasa berbanding beberapa puak penentang yang sedia ada.

Sebelum menubuhkan Barisan Nusra, al-Sharaa merupakan anggota al-Qaeda di Iraq dan pernah dipenjarakan selama lima tahun di AS.

Beliau kembali semula ke Syria sebelum berlaku pemberontakan, dihantar oleh ketua Daesh di Iraq pada ketika itu, Abu Omar al-Baghdadi bagi menggerakkan semula operasi al-Qaeda.

Beliau bersetuju terlibat wawancara bersama media buat kali pertama pada 2013, di mana al-Sharaa tampil dengan seluruh wajahnya ditutup dengan skaf berwarna hitam sambil membelakangkan kamera.

Menerusi temu bual bersama *Al Jazeera*, al-Sharaa menyeru agar Syria ditadbir di bawah undang-undang Islam.

Al-Sharaa turut menyelar gelaran pengganas yang dilemparkan terhadapnya sebagai tidak adil.

Beliau bahkan membantah pembunuhan orang tidak berdosa yang dilakukan rejim Assad.

Beliau mendedahkan Barisan Nusra telah berkembang dan merekrut lebih 5,000 anggota dalam tempoh setahun.

Al-Sharaa menjelaskan gerakan itu tidak pernah menimbulkan ancaman kepada negara Barat.

"Saya tegaskan sekali lagi, penglibatan kami dengan al-Qaeda sudah berakhir," katanya. - *Agensi*

KLMA cungkil bakat muda muay thai

Akademi Muaythai Kuala Lumpur (KLMA) optimis untuk membangunkan bakat muda dalam sukan tempur itu menerusi kerjasama strategik dengan kelab-kelab di Lembah Klang dan peringkat zon di seluruh negara.

Presidennya, Sarjan Fazlie Adni berkata, kolaborasi tersebut melibatkan lebih 250 petinju bermula pada usia tujuh hingga 20 tahun dari lima kelab di Lembah Klang dan tujuh persatuan negeri di Utara dan Selatan tanah air.

Beliau berkata, penyatuan kelab-kelab tersebut sebagai usaha untuk menyelaraskan sistem kejurulatihan, model latihan, teknik petinju dan pemarkahan.

"Kerjasama ini telah mendapat sokongan penuh daripada Persatuan Muaythai Malaysia bagi merancakkan lagi sukan muay thai untuk mencungkil bakat baharu.

"Jika semua berjalan lancar program ini akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak selain meningkatkan penyertaan bebe-rapa kelab muay thai di se-menanjung.

"Malah bagi memudahkan pengurusan dan pemasaran gagasan ini akan dikenali sebagai '*one muaythai order*'," katanya kepada *Sukan Sinar* pada Ahad.

Kelab muay thai di Lembah Klang yang bernaung di bawah KLMA ialah APD Anak Rimau, Black Turtle, Raja Lebah, Raja Kapak dan Paroi B.C.

Turut menyertai gabungan tersebut adalah Kuala Lumpur Muaythai Academy (KL), Akademi Muaythai Pahang (Kuantan) dan Kelab Muaythai Amer warrior (Besut, Terengganu).

Persatuan lain ialah Kelab Muaythai Pahlawan Melaka, Kelab Bullet Muaythai (Gemas, Negeri Sembilan), Kelab Muaythai Seladang Hitam (Taiping, Perak) dan Kelab Muaythai Red Fire (Padang Serai, Kedah).

Fazlie menjelaskan bahawa kelab di Lembah Klang diletakkan di bawah satu tempat latihan serta pengurusan dan beroperasi di Taman Desa Bakti Kuala Lumpur dengan penyerta-an kira-kira 70 petinju.



Kelab Muaythai Red Fire di Padang Serai, Kedah.

Beliau juga merancang untuk mengadakan program pertukaran petinju antara kelab menerusi latihan berskala besar di venue berbeza bagi membiasakan mereka dengan keadaan dan suasana berlainan.

Malah, pihaknya juga akan menjalinkan kerjasama dengan kelab-kelab di luar negara khususnya Thailand yang merupakan hab muay thai terbesar di dunia.

"Ia bagi membolehkan petinju berdikari dan menjalani rutin harian yang lebih berdisiplin bermula dari umur yang lebih muda di peringkat awal.

"Pemilihan kelab-kelab mengikut zon juga bagi memudahkan urusan jika ada sebarang kejohanan yang disertai oleh kelab terlibat dalam tadbir urus membantu sama lain dan dijadikan sebagai kelab angkat untuk petinju," katanya.

Program Pembangunan SIFC bersama TFC bina keyakinan diri

KUALA NERUS - Program Pembangunan Dan Santai Minda Saujana Impian Football Club (SIFC) 2024 ke Terengganu FC (TFC) selama tiga hari bermula Sabtu lalu melibatkan penyertaan seramai 76 pemain serta barisan kejurulatihan dari kelab bola sepak, SIFC.

Ketua Pegawai Eksekutif TFC, Mohd Sabri Abas berkata, program itu dapat dijadikan sebagai landasan terbaik kepada pemain SIFC untuk membina keyakinan diri melalui aktiviti diadakan selain membuka minda pemain SIFC dengan suasana serta pengalaman yang baharu.

Menurutnya, ia juga memberikan inspirasi kepada barisan kejurulatihan dan pemain SIFC dalam merancang corak latihan, taktikal dan permainan yang lebih berkesan bagi setiap penyertaan dalam pelbagai kejohanan bola sepak.

"SIFC terdiri daripada 26 pemain B-12 (Bawah 12 tahun), 25 pemain B-14, 25 pemain B-16 dan barisan kejurulatihan. Jadi, ini merupakan langkah terbaik untuk memperkasakan dunia bola sepak akar umbi dalam peringkat komuniti.



Pemain dan barisan jurulatih SIFC bersama pemain TFC selepas perlawanan suku akhir Piala Malaysia antara TFC dengan Negeri Sembilan FC (NSFC) di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin pada Sabtu.



Hairuddin Omar dan barisan kejurulatihan Terengganu FC dalam sesi Borak Bola Santai bersama pemain-pemain B-12, B-14 dan UB-16 SIFC di Ar Riyadah Residence, Kuala Terengganu pada Sabtu.

"Ini bagi meneroka peluang pembangunan sehingga ke peringkat negeri secara keseluruhannya," katanya kepada *Sukan Sinar* di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Mohd Sabri berkata, rasional program itu diadakan bagi menjadikan TFC sebagai organisasi rujukan kepada SIFC.

"Ini merupakan suatu langkah terbaik disebabkan TFC merupakan pasukan bola sepak profesional yang mewakili negeri Terengganu dalam liga bola sepak Malaysia selain tersenarai dalam kelompok elit Liga Malaysia (Liga-M) iaitu Liga Super Malaysia, Piala FA Malaysia, Piala Malaysia dan Piala Sumbangsih mahupun ke peringkat Asia,"ujarnya.

Mohd Sabri berkata, antara pengisian sepanjang program bermula 21 hingga 23 Disember itu melibatkan aksi perlawanan persahabatan dengan beberapa pasukan terbaik akar umbi peringkat negeri.

"Selain itu klinik bola sepak dengan barisan jurulatih dan pemain berpengalaman seperti Hairuddin Omar, Haris Safwan, Rosdi Talib dan Ismail Faruqi turut diadakan," ujarnya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Hannah ingatkan atlet elak jalan singkat kejar kekayaan

MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh mengingatkan semua atlet negara tanpa mengira jenis sukan agar tidak mengambil jalan singkat untuk mendapatkan duit dan kekayaan dengan terlibat dalam salah laku seperti rasuah atau mengatur perlawanan.


Penglibatan Daren, Jerry cemarkan reputasi badminton negara

Laporan *Sukan Sinar* pada Ahad.

Beliau berkata, kemenangan dalam sukan harus dicapai dengan bermaruah dan integriti agar kejayaan yang dikecapi dapat dibanggakan serta dihormati.

"Kita selalu amalkan Kod Sukan Selamat. Jadi, saya berharap perkara (berlaku baru-baru ini) sebagai pengajaran. Saya minta atlet kita jangan terpengaruh perkara seperti ini dan jangan ambil jalan singkat dapatkan duit untuk cepat kaya.


HANNAH

"Bagi KBS (Kementerian Belia dan Sukan) kita sudah berbincang bermula tahun lepas dengan SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) untuk melihat bagaimana kita nak pastikan bukan sahaja badminton tetapi semua sukan bebas daripada rasuah dan mengatur perlawanan," katanya.

Hannah berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyampaian Hadiah Liga Bolasepak Wanita Nasional (LWN) 2024 di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada malam Sabtu.

Pada Jumaat lepas, Persekutuan Badminton Dunia (BWF) menggantung bekas pemain perseorangan lelaki, Liew Daren dan penganalisis Institut Sukan Negara (ISN) Jerry Gan masing-masing selama 12 dan tiga bulan selepas mereka didapati terbabit kegiatan pertaruhan.

BWF mengesahkan Daren terbabit dalam aktiviti pertaruhan dari 2018 hingga 2021 dan berusaha menghalang siasatan dengan menyembunyikan maklumat.


Bin Shen (kanan) meraikan kejayaan Aaron Chia-Soh Wooi Yik memenangi pingat gangsa di Sukan Olimpik Paris 2024.

Pengganti Bin Shen perlu cari emas Olimpik

Pengganti Tan Bin Shen sebagai jurulatih beregu lelaki negara perlu memiliki sentuhan magis untuk membantu Malaysia memenangi pingat emas pertama pada Sukan Olimpik 2028 di Los Angeles (LA28), kata legenda badminton negara, Datuk Razif Sidek.

Razif berkata, kini masa yang sangat penting untuk Persatuan Badminton Malaysia (BAM) mencari jurulatih yang boleh menandingi, malah mengatasi bekas jurulatih berpengalaman itu.

"Kita perlu berterima kasih kepada Bin Shen kerana telah menunjukkan prestasi yang baik termasuk membantu pemain-pemain kita lebih menonjol dari segi ranking dunia.

"Kini BAM tiada pilihan selain mencari jurulatih yang lebih baik, tak kira dari negara mana. Sesiapa yang mengambil tugas ini adalah penting kerana matlamat utama kita tidak boleh lari daripada sasaran memburu emas sulung pada Sukan Olimpik 2028," katanya.

Jumaat lepas, BAM mengumumkan Bin Shen akan meletakkan jawatan 13 Januari ini selepas menyertai badan induk itu pada Disember 2020.

Bekas pemain kebangsaan itu memainkan peranan penting dalam meningkatkan standard beberapa pasangan beregu lelaki negara termasuk membantu Aaron Chia dan Soh Wooi Yik merangkul gelaran dunia pertama Malaysia pada 2022.

Jurulatih berusia 40 tahun itu dilaporkan akan berkhidmat dengan pasukan kebangsaan Hong Kong di bawah bekas pemain perseorangan lelaki nombor satu dunia, Wong Choong Hann bermula Februari depan, bersama dua lagi jurulatih Malaysia iaitu Jeremy Gan dan Loh Wei Sheng.

Sementara itu, Razif yang enggan mengulas mengenai calon pilihannya untuk jurulatih beregu lelaki negara, menekankan kepentingan membina kepercayaan antara jurulatih baharu, pemain dan pengurusan BAM.

"Terpulang kepada BAM sama ada mahu pilih Herry Iman Pierngadi, Mathias Boe atau Hendra Setiawan sekalipun, yang penting perlu selari dengan pengurusan dan pemain-pemain. Bila sudah timbul kepercayaan, pemain juga harus sesuaikan dengan sistem latihan dan aspek komunikasi (jurulatih baharu)," katanya.

Herry atau lebih dikenali sebagai Herry IP baru-baru ini mengumumkan akan meninggalkan Persatuan Bulu Tangkis Seluruh Indonesia (PBSI).

Jurulatih berusia 62 tahun yang berkhidmat di Indonesia selama 25 tahun itu telah melahirkan beberapa beregu bertaraf dunia termasuk juara Olimpik Tony Gunawan-Candra Wijaya dan Hendra Setiawan-Markis Kido.

Boe, yang kini terikat dengan pasukan India merupakan individu penting di sebalik kejayaan Satwiksairaj Rankireddy-Chirag Shetty, yang kini merupakan antara beregu lelaki terbaik dunia.

Sementara Setiawan yang membentuk gandingan hebat dengan Mohammad Ahsan mengumumkan bahawa beliau akan menggantung raket selepas Indonesia Masters, bulan depan.

Sementara itu, bekas pemain beregu lelaki negara Koo Kien Keat menyifatkan pemergian jurulatih tempatan ke luar negara sebagai 'agak lucu'.

Pemenang pingat emas Sukan Asia 2006 itu berkata, beliau keliru dengan tindakan BAM yang seolah-olah lebih mengutamakan jurulatih asing berbanding mempertimbangkan untuk melantik legenda-legenda badminton tempatan bagi 'menjaga' pasukan kebangsaan di Akademi Badminton Malaysia (ABM), Bukit Kiara.

Berdasarkan sistem kejurulatihan semasa, hanya Rosman Razak yang mengetuai bahagian beregu wanita merupakan jurulatih tempatan, manakala bahagian lain dipimpin jurulatih asing seperti Kenneth Jonassen dari Denmark bagi bahagian perseorangan dan Nova Widianto dari Indonesia (beregu campuran).

Antara jurulatih dari Malaysia yang kini berkhidmat dengan pasukan luar negara termasuk Lee Wan Wah di Jepun, Wong Pei Tty di Singapura dan Iskandar Zulkarnain Zainuddin di Ireland. - *Bernama*

JDT perlu adaptasi taktik negatif lawan

Hector Bidoglio mahu pemain Johor Darul Ta'zim (JDT) bersedia dengan sebarang corak ditampilkan pasukan lawan termasuk gaya permainan negatif dalam usaha kelab dari selatan tanah air itu mengekalkan kejuaraan Piala Malaysia.

Pengendali dari Argentina itu berkata, anak buahnya juga perlu bijak mengadaptasi taktikal pihak lawan tanpa mengabaikan falsafah bola sepak JDT yang diamalkan selama ini.

Bidoglio berkata demikian selepas membawa Skuad Harimau Selatan layak ke separuh akhir Piala Malaysia selepas membelasah Kuala Lumpur (KL) City FC pada suku akhir kedua di Stadium Sultan Ibrahim pada Sabtu.

JDT mara dengan kemenangan agregat 6-1, sekali gus muncul pasukan pilihan untuk menjuarai Piala Malaysia musim ini.

Mengulas pertembungan dengan KL City FC, Bidoglio sudah menjangkakan taktik berkampung di kawasan sendiri pihak lawan, namun situasi itu katanya sedikit pun tidak menjejaskan taktikal yang sudah dirancang.

"Dalam bola sepak, taktikal negatif juga adalah sebahagian daripada permainan dan saya pesan kepada pemain supaya kekal fokus kepada falsafah bola sepak JDT dan tidak kisah dengan taktikal bertahan digunakan lawan.

"Kami kekalkan corak permainan kami dan perlu terus berkembang untuk mengharungi kempen ini yang masih panjang dan mencabar," katanya.

Dua gol dari Bergson Da Silva dan masing-masing satu dari Arif Aiman Hanapi dan Juan Muniz cukup untuk membantu JDT layak ke separuh akhir buat kali keempat berturut-turut dan akan bertemu Terengganu FC yang mengetepikan cabaran Negeri Sembilan FC 6-2 menerusi agregat di Gong Badak.



Bintang muda JDT, Arif Aiman diasak pemain KL City FC, Nabil Hakimi Bokhari (kanan) pada aksi suku akhir kedua Piala Malaysia di Stadium Sultan Ibrahim pada Sabtu.



Badrul Afzan tabik pemain Terengganu

Gaya Akhyar Abdul Rashid ketika meraikan jaringannya pada perlawanan Piala Malaysia di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin.

KETUA jurulatih Terengganu FC (TFC) Badrul Afzan Razali mengakui pasukannya melalui detik cemas sebelum mengesahkan tempat di separuh akhir Piala Malaysia dalam aksi menentang Negeri Sembilan FC (NSFC) di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZA) pada malam Sabtu.

Babak pertama aksi suku akhir kedua menyaksikan anak buahnya ketinggalan 0-2 sebelum mempamerkan aksi luar biasa pada separuh masa kedua untuk melakar kemenangan 4-2, sekali gus mara ke separuh akhir dengan agregat 6-2.

"Saya akui memang cemas setelah ketinggalan 0-2 meskipun secara keseluruhannya kita mengawal permainan pada babak pertama dan kedua.

"Tetapi silap pemain kita yang terlalu leka. Kita terlampau ghairah mencari gol untuk mara ke separuh akhir hingga membuat kesilapan yang tak sepatutnya," katanya.

Badrul Afzan bagaimanapun tetap berpuas hati dengan prestasi anak buahnya dan akan membuat persiapan rapi apabila menerima kedatangan Johor Darul Ta'zim (JDT) untuk aksi separuh akhir pertama pada 17 Januari depan, sebelum aksi timbal balik pada 1 Februari.

Dalam pada itu, pengendali NSFC K Nantha Kumar berkata, kesilapan bentang pertahanan menyebabkan mereka terlepas peluang untuk mencipta kejutan mara ke separuh akhir.

"Selepas TFC menyamakan kedudukan, kita dah mula perlahan. Pada babak kedua TFC mula menguasai permainan.

"Kita akan fokus pada cabaran Liga Super selepas ini. Kita ada lagi sembilan perlawanan untuk keluar daripada tangga tercorot," katanya. - *Bernama*

KRW miliki DNA TRW - Ultras Kelantan

ULTRAS Kelantan menegaskan Kelantan Red Warriors (KRW) yang dilancarkan pada Sabtu lalu memiliki DNA The Red Warriors (TRW) iaitu pasukan berstatus gergasi dalam saingan Liga Malaysia (Liga-M) satu masa dahulu, lapor **HAZELEN LIANA KAMARUDIN**.

Wakilnya, Muhamad Firdaus Amaran berkata, hal ini kerana majoriti individu yang menjadi 'tonggak' KRW merupakan kumpulan pelabur TRW.

"Jadi, bagi saya tidak salah jika mereka (pemegang saham TRW) untuk isytiharkan KRW miliki DNA TRW.

"Mengukuhkan lagi DNA itu, KRW mendapat sokongan padu daripada KAFA (Persatuan Bolasepak Kelantan). Untuk tubuh pasukan baharu bagi bersaing dalam Liga-M kumpulan yang terlibat perlu mendapat restu badan induk negeri.

"Di Kelantan, KAFA adalah pemegang taruh yang mempunyai kuasa untuk berbuat demikian," katanya pada Ahad.

Menurut beliau, Ultras Kelantan menyeru seluruh penyokong untuk berdiri teguh di belakang KRW bagi memastikan ia kembali disegani.

Tambah Muhamad Firdaus, pengurusan yang menerajui KRW diharap dapat menjaga kebajikan pemain sekali gus menggelakkan 'pisang berbuah dua kali' sebagaimana pernah berlaku sebelum ini.

Sukan Sinar sebelum ini melaporkan, KRW yang baru ditubuhkan tujuh hari lalu bersedia menggantikan TRW FC yang telah terkubur daripada saingan Liga-M.

KBS kecam pergaduhan penyokong di stesen LRT

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) mengecam tindakan sekumpulan penyokong bola sepak yang mencetuskan pergaduhan di Stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Bandar Tasik Selatan, laluan Ampang-Sri Petaling pada Jumaat lalu.

Menterinya, Hannah Yeoh berkata, menang atau kalah adalah adat pertandingan, namun tidak bermakna boleh bertindak sewenang-wenangnya hingga menyebabkan kerosakan aset kerajaan dan harta benda awam.

"Jadi kalau mereka lihat ...ini aset Prasarana (Prasarana Malaysia Berhad) tak payah jaga, sangat mengarut. Saya berharap tak ada lagi perkara seperti ini akan berlaku.

"Kemudahan Prasarana selalunya mereka panjangkan masa perkhidmatan untuk menyenangkan penyokong bola sepak, jadi kita kena balas dengan adab," katanya.

Prasarana pada Sabtu memaklumkan, pihaknya telah membuat laporan polis berhubung insiden pergaduhan tersebut di Balai Polis Sungai Besi.

Insiden yang berlaku pada 12 tengah malam itu dilaporkan telah mengakibatkan kerosakan pada kemudahan di stesen termasuk bahagian pintu dan cermin tingkap tren yang berada di platform berkenaan, namun tiada kecederaan.

Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Aidil Bolhassan mengesahkan kejadian tersebut melibatkan antara 20 hingga 30 orang yang bertindak agresif dengan bertumbuk, membaling tong sampah dan menendang pintu tren hingga menyebabkan kerosakan.

Beliau berkata, setakat ini tiada tangkapan dibuat dan kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 147 dan Seksyen 427 Kanun Keseksaan. - *Bernama*

Sukan Sinar
AKSI / BERITA / TERKINI
sinarharian.com.my
sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian sinarharian



JANGAN MUSNAHKAN KARIER SENDIRI

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh mengingatkan semua atlet negara tanpa mengira jenis sukan agar tidak memusnahkan karier sendiri dengan terlibat dengan pertaruhan dan mengatur perlawanan semata-mata mahu mengejar kekayaan.

38

MESTI ADA SENTUHAN MAGIS



Legenda badminton negara, Datuk Razif Sidek menegaskan, siapa pun yang bakal menggalas tanggungjawab bagi menggantikan Tan Bin Shen sebagai ketua jurulatih beregu lelaki kebangsaan perlu memiliki 'sentuhan magis' untuk membantu Malaysia memenangi pingat emas pada Sukan Olimpik 2028 di Los Angeles (LA28).

Menurut Razif, Persatuan Badminton Malaysia (BAM) kini sudah kesuntukan masa mencari jurulatih yang boleh menandingi, malah mengatasi Bin Shen yang telah membantu pemain-pemain negara menonjol dari segi ranking dunia.

Pada Jumaat lalu, BAM mengumumkan perpisahan dengan Bin Shen dengan Kejohanan Badminton Terbuka Malaysia bermula 7 hingga 12 Januari ini sebagai tugasan terakhir jurulatih berusia 40 itu.

Bin Shen merupakan antara nadi kepada kekuatan Aaron Chia-Soh Wooi Yik hingga berjaya menjuarai Kejohanan Dunia serta dua edisi berturut-turut membawa pulang pingat gangsa Sukan Olimpik.

38

RAZIF

FOTO AGENSI

USYK BUKTI STATUS SEBARIS LEGENDA TINJU



Usyk (kanan) mengalahkan Fury dalam aksi ulangan kejuaraan *heavyweight* dunia di Riyadh pada Ahad.

OLEKSANDR Usyk berada dalam kelas tersendiri selepas menumpaskan Tyson Fury dalam aksi ulangan kejuaraan *heavyweight* dunia menerusi keputusan sebulat suara untuk mengekalkan rekod tanpa kalahnya dan mengukuhkan tempatnya sebagai salah seorang legenda tinju.

Petinju Ukraine berusia 37 tahun itu mengawal tempo pertarungan dan sering kali mengasak Fury dengan hayunan kiri tepat, diberikan kemenangan 116-112 oleh ketiga-tiga pengadil.

Kemenangan di Riyadh, Arab Saudi pada awal pagi Ahad itu melebarkan rekod Usyk kepada 23-0 dengan 14 kemenangan melalui *knockout* (KO).

Ia menambah pencapaian cemerlang dalam kariernya termasuk meraih pingat emas Sukan Olimpik dan juara tanpa tandingan bagi kategori *cruiserweight*.

Kali ini, hanya gelaran WBA, WBO dan WBC yang dipertaruhkan selepas Usyk yang memberi fokus kepada aksi ulangan yang menguntungkan, melepaskan gelaran IBF untuk tidak bertemu cabaran Daniel Dubois.

Selepas menewaskan Fury pada Mei lalu, Usyk menyertai barisan legenda tinju seperti Muhammad Ali, Joe Louis dan Mike Tyson sebagai juara *heavyweight* tanpa tandingan serta juara pertama dalam era empat tali pinggang.

Kekalahan tersebut turut mencetuskan teka-teki mengenai masa depan Fury yang mempunyai rekod 34-2-1, selepas mengumumkan persaraannya pada 2022 sebelum membatalkan keputusan itu dan kembali ke gelanggang.

TFC IBARAT HARIMAU YANG TERLUKA



39

SINAR HARIAN dicetak oleh Ultimate Print Sdn. Bhd. dan diterbitkan oleh Sinar Karangkraf Sdn. Bhd. sinarharian.com.my SinarOnline SinarHarian SinarHarian sinarharian